

KAJIAN TERHADAP PELESTARIAN KONSEP OTTU KADAI SEBAGAI IDENTITI
MASYARAKAT INDIA DI LITTLE INDIAN, GEORGE TOWN PULAU PINANG.

NURUL SAHIRA BINTI HAMZAH

UNIVERSITI
—
MALAYSIA
—
KEILANTAN
IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN DENGAN KEPUJIAN



**KAJIAN TERHADAP PELESTARIAN KONSEP OTTU KADAI SEBAGAI
IDENTITI MASYARAKAT INDIA DI LITTLE INDIAN, GEORGE TOWN PULAU
PINANG.**

Oleh

NURUL SAHIRA BINTI HAMZAH

Projek Penyelidikan yang dikemukakan ini untuk memenuhi keperluan bagi Ijazah Sarjana
Mudah Pengajian Warisan Dengan Kepujian

Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2024

PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan oleh ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.




TERBUKA Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskhah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)



SEKATAN Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskhah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan



SULIT (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)*



TERHAD (Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)*

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan Utama


.....

Nurul Sahira Binti Hamzah

Tarikh: 13.03.2024

Tandatangan Penyelia



DR. SURAYA SUKRI
Associate Lecturer
Department of Heritage Studies
Faculty of Creative Technologies and Heritage
Universiti Malaysia Kelantan (UMK)
16300, Kelantan, Malaysia

Dr Suraya Binti Sukri

Tarikh: 17/3/2024

PENGHARGAAN

Alhamdullilah bersyukur ke hadrat Ilahi dengan izin dan berkat-Nya, dapatlah penulis menyiapkan laporan projek penyelidikan bagi memenuhi syarat Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan dengan kepujian dalam tempoh yang telah ditetapkan. Selain daripada itu, penulis turut bersyukur kerana segala masalah dan cabaran yang timbul sepanjang menyiapkan kajian ini dijalankan telah berjaya diatasi dengan baik. Semua permasalahan ini menjadikan penulis seorang yang matang dan bersabar dengan dugaan dan ujian yang diberikan demi sebuah kejayaan.

Setinggi-tinggi ucapan terima kasih dan sejuta penghargaan ditujukan kepada Dr. Suraya Binti Sukri selaku penyelia projek penyelidikan yang telah banyak memberi tunjuk ajar dan membimbing kepada penulis sepanjang melaksanakan kajian ini. Beliau juga telah banyak memberikan dorongan, nasihat dan semangat kepada penulis dalam menyempurnakan kajian ini. Seterusnya, terima kasih juga diucapkan kepada semua ahli keluarga yang banyak membantu dalam meneruskan penyelidikan ini. Di samping itu, ucapan terima kasih terhadap diri penulis sendiri diatas usaha keras sepanjang menjalankan kajian dan semoga dengan kajian ini juga dapat memberikan manfaat kepada semua masyarakat terutamanya dalam bidang penyelidikan.

Akhir kata, hasil usaha keras ini bukanlah milik saya seorang tetapi milik bersama rakan-rakan seperjuangan dan para pensyarah yang banyak membantu. Diharapkan dengan kajian ini dapat menyematkan penulis untuk terus memberi manfaat dimasa akan datang. Sekalung penghargaan dan sekalung budi buat semua yang terlibat di Jabatan Pengajian Warisan, Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan sepanjang pengajian saya di sini.

Sekian, terima kasih.

Sahira Hamzah.

FYP FTKW

KAJIAN TERHADAP PELESTARIAN KONSEP OTTU KADAI SEBAGAI IDENTITI MASYARAKAT INDIA DI LITTLE INDIAN, GEORGE TOWN PULAU PINANG.

ABSTRAK

Setiap tradisi peruncitan mempunyai nilai besar dan peranan yang penting dalam memelihara dan mengekalkan identiti pada objek warisan. Bagi masyarakat India, tradisi peruncitan yang dikenali sebagai Ottu Kadai merupakan warisan ketara yang mempunyai identiti tersendiri bagi masyarakat ini. Kewujudan Ottu Kadai telah bertapak sejak zaman sebelum merdeka dengan menjual barang keperluan harian melalui konsep pandu lalu. Walau bagaimanapun, Ottu Kadai telah mengalami kepupusan akibat daripada pembangunan yang pesat dan tidak lagi diterima oleh masyarakat kini terutamanya golongan muda. Selain itu, persaingan yang kuat dan kemunculan kemudahan perkhimatkan *e-hailing* menyukarkan pengekalannya serta pihak berkepentingan tidak memberi perhatian dalam pelestarian dan pemuliharaan Ottu Kadai. Justeru, kajian bertujuan mengenalpasti konsep warisan Ottu Kadai, mengkaji usaha pengekalannya serta menganalisis peranan pihak berkepentingan dalam memastikan pelestarian warisan ini di Little Indian, Geroge Town. Penyelidik akan menggunakan kaedah kualitatif dan pendekatan etnografi di dalam kajian. Kaedah pensampelan temubual bola saji dan tidak berstruktur digunakan untuk mengumpul data. Akhir sekali, data akan dianalizi berdasarkan analisis tematik Model Clarke dan Braun 2006. Hasil penyelidikan ini telah memberi pengetahuan sebenar mengenai konsep warisan Ottu Kadai. Sejajar dengan itu, usaha dan peranan yang dilakukan oleh pihak bertanggungjawab dapat menyumbang kepada pengekalan identiti warisan budaya masyarakat India khususnya di Pulau Pinang.

**STUDY ON THE PRESERVATION OF THE OTTU KADAI CONCEPT AS THE
IDENTITY OF INDIAN COMMUNITY IN LITTLE INDIA, GEORGE TOWN
PULAU PINANG.**

ABSTRACT

Every retail tradition holds significant value and plays an important role in preserving and maintaining the identity of heritage objects. For the Indian community, the retail tradition known as Ottu Kadai represents a distinct heritage with its own identity. Ottu Kadai has existed since pre-independence times, selling daily necessities through a mobile concept. However, Ottu Kadai has faced extinction due to rapid development and is no longer accepted by today's society, especially the younger generation. Additionally, strong competition and the emergence of e-hailing services have hindered its sustainability, with stakeholders neglecting its preservation and conservation. Therefore, this study aims to identify the concept of Ottu Kadai heritage, examine efforts to sustain it, and analyze the role of stakeholders in ensuring the preservation of this heritage in Little India, George Town. The researcher will employ qualitative methods and an ethnographic approach in the study. Semi-structured and non-structured interview sampling methods will be used to gather data. Finally, data will be analyzed based on the thematic analysis of Clarke and Braun's 2006 model. The results of the research will provide insights into the Ottu Kadai heritage concept. Concurrently, the efforts and roles undertaken by responsible parties can contribute to the preservation of the cultural heritage identity, particularly among the Indian community in Penang Island.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

	ISI KANDUNGAN	HALAMAN
PERAKUAN TESIS		i
PENGHARGAAN		ii
ABSTRAK		iii-iv
SENARAI RAJAH		ix
SENARAI GAMBAR		x
SENARAI JADUAL		xi
APPENDIX A		91-134
APPENDIX B		149-151
 BAB I	PENGENALAN	
1.0 Pengenalan		1-2
1.1 Latar Belakang Kajian		2-3
1.2 Permasalahan Kajian		3-4
1.3 Persoalan Kajian		4
1.4 Objektif Kajian		5
1.5 Skop Kajian		5-6
1.6 Kepentingan Kajian		6-7
1.7 Penutup		7
 BAB II	SORATAN KAJIAN	
2.0 Pengenalan		9
2.1 Warisan Budaya dan Perlindungan Antarabangsa		9-12
2.2 Warisan Budaya dan Perlindungan Kebangsaan		12-13
2.3 Pelestarian Warisan Budaya Ketara		13-14

2.4 Tapak Warisan Dunia George Town	14-15
2.5 Warisan Budaya India di Pulau Pinang	15-17
2.6 Sejarah Perkembangan dan Sifat ‘Ottu Kadai’	18-19
2.7 Konsep Tradisi Peruncitan dan Pasar Tradisional	19-21
2.8 Kerangka Teori	21
2.9 Penutup	22
BAB III METODOLOGI KAJIAN	
3.0 Pengenalan	23
3.1 Pendekatan Kajian	23
3.2 Rekabentuk Kajian	23-24
3.3 Kaedah Kajian	24
3.4 Unit Analisis	24
3.5 Teknik Pengumpulan Data	25
3.5.1 Data Primer	25-26
3.5.2 Data Sekunder	26-27
3.6 Persampelan Data	27-28
3.7 Analisis Data	28-31
3.8 Penutup	31
BAB IV DAPATAN KAJIAN	
4.0 Pengenalan	32
4.1 Demografi Informan	32-33
4.2 Konsep Warisan Ottu Kadai di Little Indian, George Town	33
4.2.1 Sejarah dan Perkembangan Taburan Ottu Kadai Kini	33-36
4.2.2 Saiz dan Keluasan Binaan	36-37
4.2.3 Kumpulan Sasaran	37-38

4.2.4 Barang Jualan	38-39
4.2.5 Sasaran Pelanggan	40-41
4.2.6 Struktur Penggunaan Perniagaan	41-45
4.3 Usaha Mengelakkan Ottu Kadai Sebagai Warisan Budaya Masyarakat India di Sana	45
4.3.1 Perniagaan Berasaskan Pewaris dan Pemilik	45-47
4.3.2 Kebenaran Berniaga dan Bertapak di Tapak Warisan Dunia, George Town	47-50
4.4 Peranan Pihak Berkepentingan Dalam Memastikan Pelestarian Warisan Ottu Kadai Bagi Masyarakat India di Little Indian, George Town	50
4.4.1 Penang Heritage Trust (PHT)	50-59
4.4.2 George Town World Heritage Incorporated (GTWHI)	59-67
4.4.3 Majlis Bandaraya Pulau Pinang: Jabatan Konservasi Warisan (MBPP)	68-75
4.4.4 Jabatan Warisan Negara (JWN)	75-79
4.5 Kesimpulan	79
BAB V RUMUSAN DAN CADANGAN	
5.0 Pengenalan	80
5.1 Rumusan Kajian	80-81
5.2 Cadangan Daripada Hasil Kajian	81-82
RUJUKAN	83-90



UNIVERSITI

MALAYSIA

KELANTAN

SENARAI RAJAH

Rajah 1: Lokasi Little Indian, George Town	5
Rajah 3: Fasa Analisis Tematik	28

UNIVERSITI
—
MALAYSIA
—
KELANTAN

SENARAI GAMBAR

Gambar 4.1: Bersama Pemilik Ottu Kadai	33
Gambar 4.2: Saiz dan Keluasan Binaan Ottu Kadai	36
Gambar 4.3: Barang Jualan Ottu Kadai	38
Gambar 4.4: Struktur Ottu Kadai Yang Melekat Pada Bangunan Lain	39
Gambar 4.5: Perayaan Pongal di Little Indian, George Town	40
Gambar 4.6: Kaedah Membeli Barang Secara Pandu Lalu	41
Gambar 5.1: Kolabiasi PHT Bersama A Project of Anak-anak Kota, Arts-Ed	50

SENARAI JADUAL

Jadual 1: B3.1 Fungsi Berkanun dan Bukan Berkanun Pihak Berkuasa

Tempata dan PWD di Pengurusan Warisan 65

Jadual 2: B3.2 Fungsi Kerajaan Tempatan dan PWD 66

UNIVERSITI
—
MALAYSIA
—
KELANTAN

BAB I

PENDAHULUAN

1.0 PENGENALAN

Malaysia mempunyai pelbagai kaum dan bangsa, latar belakang yang menarik dan unik. Warisan dan budaya yang terdapat di Malaysia merupakan salah satu tarikan utama kepada negara disamping usaha untuk melestarikan warisan budaya yang pelbagai. Selain itu, warisan bukan sahaja membantu kepada peningkatan dan perkembangan ekonomi negara, malahan turut memberi sumbangan yang penting dalam pengekalan identiti warisan tersebut kepada sesebuah komuniti. Objek warisan boleh memberi sumbangan kepada ekonomi masyarakat mahupun negara. Kepelbagaian objek warisan seperti kaedah peruncitan merupakan salah satu bentuk asas perniagaan yang dijalankan secara berbumbung sama ada berskala besar atau kecil. Secara amnya, peruncitan merupakan perniagaan runcit yang diasaskan oleh pemilik dengan menjual barang keperluan asas kepada pengguna. Namun, terdapat sebilangan perniagaan peruncitan yang dijalankan secara turun-temurun oleh ahli pemilik. Tradisi peruncitan pula merujuk kepada kedai runcit yang dijalankan secara bergerak atau tersangkut sering kali dikaitkan dengan objek warisan ketara yang dikenali sebagai Ottu Kadai bagi masyarakat India di Malaysia. Ia merupakan konsep atau ciri perniagaan berasaskan Ottu Kadai yang telah didominasikan oleh masyarakat India sejak awal zaman penjajahan lagi. Lazimnya, Ottu Kadai menawarkan perkhidmatan menjual barang keperluan asas kepada para pelanggan dengan konsep beli pandu lalu kerana kedai tersebut terletak berhampiran jalan. Perkembangan zaman menelan usia warisan ini untuk terus kekal berada dalam tempoh yang lama dengan pengekalan konsep tradisi jualan berasaskan ‘Ottu Kadai’ (Indian News, 2013).

Terdapat kepelbagaian tradisi peruncitan yang ada di Malaysia yang telah diusahakan oleh pelbagai kaum. Setiap tradisi peruncitan mempunyai nilai yang besar dan peranan yang penting dalam memelihara dan mengekalkan identiti pada objek warisan tersebut. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2017), istilah identiti dikaitkan dengan sifat-sifat atau ciri yang terdapat pada seseorang atau sesuatu yang boleh memperkenalkan atau mengasingkannya daripada yang lain. Definisi ini juga membawa maksud pengekalan dan penerusan warisan budaya terhadap sesuatu objek seperti Ottu Kadai yang mempunyai identiti kepada masyarakat India tersendiri. Hal ini kerana setiap masyarakat mempunyai ciri-ciri dan nilai budaya dan sejarah serta asal

usul mereka dalam kehidupan agar tidak dilupakan. Kepentingan menjaga identiti terhadap objek warisan amat penting bagi memastikan ia terus dipelihara untuk tatapan generasi akan datang (Utusan Borneo, 2017). Menurut Suraya (2022), warisan ketara dan identiti berperanan besar dalam menyemai rasa sepunya dalam diri masyarakat dan ini bertujuan untuk memastikan kelestarian identiti kita sebagai rakyat Malaysia yang berbilang bangsa.

1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

“Ottu” bermaksud bergerak atau tersangkut dalam taksiran masyarakat India dan “Kadai” merupakan kedai yang bertapak di atas tanah. Istilah Ottu Kadai berasal daripada perkataan bahasa Tamil. Menurut Sofia (2015), kewujudan Ottu Kadai bermula sekitar tahun 1930 sehingga 1940-an pada zaman sebelum merdeka lagi. Pada ketika itu, Ottu Kadai merupakan identiti kepada masyarakat India yang hanya menjual keperluan harian pada warganya seperti rokok, cerut, sirih dan herba. Namun, pada era penjajahan Jepun Ottu Kadai menghadapi nasib malang apabila semua kedai terpaksa ditutup kerana pemerintahan Jepun yang bersifat ganas dan sangat kejam. Setelah British mula mengambil alih pemerintahan di Tanah Melayu, Ottu Kadai diberi nafas baharu dengan menjual pelbagai jenis keperluan harian. Ottu Kadai lazimnya boleh ditemui di sekitar jalan-jalan utama George Town seperti Jalan Little Indian, Jalan Anson dan Jalan Datuk Keramat di Pulau Pinang.

Keluasan Ottu Kadai ini adalah sekitar tiga (3) meter panjang dan 1.5 lebar yang bertapak sama seperti kedai runcit biasa atau berstruktur pondok. Struktur bagi bangunan atau binaan adalah kecil dan berada di lokasi yang berhampiran jalan ini memudahkan pelanggan membeli barang secara pandu lalu (Berita Harian, 2015). Ottu Kadai kebiasaan merupakan perniagaan yang dikendalikan oleh keluarga dan mereka memainkan peranan penting dalam memberikan khidmat masyarakat setempat dengan jualan barang harian. George Town yang terkenal dengan pasar jalanan yang sibuk dan pelbagai pilihan makanan telah menjadikan Ottu Kadai sebagai salah satu tarikan. Jenis perniagaan yang berbeza dan hanya boleh ditemui di bandar bersejarah ini menyumbang aspek sumber kekayaan budaya dan tradisi setempatnya membentuk identiti unik di Pulau Pinang. Menurut De Shadelvi (2017), kehadiran Ottu Kadai yang telah lama bertapak sejak zaman penjajahan telah membentuk warisan budaya yang unik kepada masyarakat India.

Kini, Ottu Kadai masih lagi memenuhi kehendak masyarakat dengan menjual barang harian seperti makanan ringan, majalah, buku tulis, ubat-ubatan, aksesori, telefon bimbit dan sebagainya (Indian News, 2013). Berbanding dengan kedai runcit lain, Ottu Kadai menawarkan harga yang lebih murah serta bersifat pandu lalu yang masih mempunyai peminat yang tersendiri. Menurut Sofia (2015), walaupun operasi perniagaan Ottu Kadai dibuka setiap hari, Ottu Kadai tidak pernah menerima sebarang kes jenayah ketika beroperasi. Perniagaan Ottu Kadai dibuka pada jam 7:00 pagi sehingga tutup di awal pagi sekitar jam 12:00 hingga 2:00 pagi. Pada masa kini, Ottu Kadai hanya wujud di sekitar George Town, Pulau Pinang sahaja, manakala Ottu Kadai di Kuala Lumpur telah mengalami kepupusan sepenuhnya kesan daripada pembangunan pesat di kawasan tersebut (Sofia , 2015).

1.2 PERMASALAHAN KAJIAN

Ottu Kadai yang dikenali sebagai kedai bergerak atau tersangkut mengalami kepupusan saban tahun. Keadaan ini disebabkan oleh pembangunan yang pesat dan penduduk setempat yang tidak lagi menerima fungsinya sebagai kedai bergerak atau tersangkut terutamanya golongan muda. Situasi ini telah membawa kepada bilangan Ottu Kadai yang semakin berkurang (Sofia, 2015). Penerimaan masyarakat terhadap Ottu Kadai beralih kepada pembukaan pasar raya besar yang bertapak di sekitar kawasan tersebut dan menyukarkan hasil jualan Ottu Kadai. Keperluan asas yang lebih menyeluruh berbanding jualan di Ottu Kadai menyebabkan masyarakat lebih terbuka untuk menerima kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan oleh pasar raya berbanding di Ottu Kadai. Hal ini membawa kepada pengurangan bilangan Ottu Kadai di jalan-jalan utama sekitar kawasan Jalan Little Indian, Jalan Anson dan Jalan Datuk Keramat di George Town, Pulau Pinang (Indian News, 2013).

Selain itu, persaingan pesat pembangunan dan kemunculan kemudahan perkhidmatan *e-hailing* semakin menyukarkan pengekalan Ottu Kadai di George Town. Sejajar dengan perkembangan zaman pembangunan dan teknologi, Ottu Kadai mendapat tempias dengan munculnya satu pembelian atas talian kini (De Shaldevi, 2017). Jika dahulu permintaan untuk mendapatkan barang keperluan asas di Ottu Kadai dengan hanya berhenti di depan kedai dan membayar barang menggunakan tunai (Sofia, 2015). Kini, situasi telah berubah apabila keperluan asas dapat dibeli melalui perkhidmatan *Grab* atau *Foodpanda* melalui pembayaran secara atas talian dan perkhidmatan penghantaran pintu ke pintu rumah. Pertambahan bilangan kenderaan di

jalan utama dan pembaharuan undang-undang jalan oleh Pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memberikan kesukaran untuk Ottu Kadai bertahan. Secara amnya, kawasan jalan utama ini adalah titik dimana kedai bergerak ini bertapak (Indian News, 2013). Oleh hal yang demikian, warisan ini sedikit sebanyak telah dikikis oleh peredaran zaman serta perubahan persekitaran.

Di samping itu, penglibatan pihak berkepentingan seperti Pihak Kerajaan Negeri dan Badan-badan Bukan Kerajaan Non-profit Organization (NGO) yang berkaitan dengan warisan negeri Pulau Pinang tidak memberikan perhatian khusus terhadap kewujudan, pelestarian dan pemuliharaan Ottu Kadai (De Shaldevi, 2017). Badan-badan ini tidak memainkan peranan besar dalam meningkatkan kesedaran kepada komuniti berkaitan Ottu Kadai dan nilai sejarah serta kepentingan mengekalkan identiti terutamanya bagi masyarakat India di kawasan tersebut (Indian News, 2013). Pihak berkepentingan dilihat tidak memainkan peranan yang jelas untuk melibatkan komuniti setempat dalam pengurusan warisan Ottu Kadai secara konsisten (Berita Harian, 2015). Walaupun pembangunan di sekitar kawasan jalan-jalan utama ini semakin berkembang, pihak berkepentingan kurang memberikan perhatian secara langsung terhadap bilangan Ottu Kadai yang semakin merosot. Oleh itu, kepupusan secara drastik kian meningkat hari demi hari selari dengan arus pemodenan semasa (Sofia, 2015).

1.3 PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini telah menetapkan tiga persoalan utama berkenaan Ottu Kadai. Persoalan kajian akan memberi panduan kepada pengkaji dalam membentuk objektif utama dalam kajian ini. Hal ini bertujuan untuk memudahkan pengkaji menjawab segala bentuk persoalan yang timbul disamping mengikut objektif yang telah ditetapkan. Antara persoalan kajian ialah:


- i. Apakah konsep kewujudan Ottu Kadai di Little Indian, George Town Pulau Pinang?
- ii. Bagaimanakah usaha yang dilakukan bagi mengekalkan Ottu Kadai sebagai warisan budaya bagi masyarakat Indian di George Town?
- iii. Sejauhmanakah pihak berkepentingan berperanan dalam memastikan pelestarian warisan Ottu Kadai dalam masyarakat India di Little Indian, George Town?

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ialah satu keperluan dalam penyelidikan untuk memastikan kajian yang dilaksanakan dapat memenuhi matlamat utama. Fokus objektif dalam kajian ini adalah:

- i. Mengenalpasti konsep warisan Ottu Kadai di Little Indian, George Town.
- ii. Mengkaji usaha mengekalkan Ottu Kadai sebagai warisan budaya bagi masyarakat India di sana.
- iii. Menganalisis peranan pihak berkepentingan dalam memastikan pelestarian warisan Ottu Kadai bagi masyarakat India di Little India, George Town.

1.5 SKOP KAJIAN



Rajah 1: Lokasi Little Indian, George Town

Sumber: Google, (2023)

Skop kajian adalah tertumpu di Jalan Little Indian, George Town, Pulau Pinang sahaja. Beberapa pihak yang mempunyai kemahiran, kearifan dan kepakaran tentang kewujudan Ottu Kadai akan di temubual di sekitar kawasan Jalan Little Indian mengenai perkembangan bilangan peruncitan Ottu Kadai yang terdapat di kawasan ini sahaja. Batasan kajian mengenai warisan Ottu Kadai ini boleh dijumpai dengan jumlah bilangan yang kecil Ottu Kadai dalam 500 meter melalui Jalan Little Indian yang banyak didominasikan dan diusahakan oleh masyarakat India-Muslim yang masih mengekalkan konsep keaslian dalam perniagaan Ottu Kadai (Berita Harian, 2015). Ottu

Kadai merupakan sebuah kedai runcit bergerak atau tersangkut yang menjual pelbagai jenis barang harian tanpa perlu berhenti untuk masuk ke dalam mengambil barang dan membayarnya. Hanya di kawasan ini sahaja Ottu Kadai masih kekal wujud dengan menggunakan konsep yang sama seperti awal kewujudannya di Georgetown, Pulau Pinang suatu ketika dahulu.

1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini penting kepada pelbagai pihak seperti masyarakat, institusi pendidikan dan negara yang akan mendapat impak positif berkaitan dengan Ottu Kadai. Hal ini kerana Ottu Kadai mempunyai nilai keistimewaan tersendiri yang mampu membentuk identiti warisan budaya kepada masyarakat India dalam pelbagai aspek. Antara kepentingan kajian kepada:

Masyarakat

Masyarakat mendapat pengetahuan serta memupuk nilai kesedaran dalam kelompok masyarakat terhadap Ottu Kadai yang telah semakin berkurang yang menyebabkan khazanah warisan ketara negeri ini akan dilupakan dan ditelan arus zaman pemodenan. Kemunculan Ottu Kadai ini sudah lama menjadi salah satu tarikan utama sumber ekonomi di George Town pada ketika dahulu. Kajian ini juga bertujuan supaya kedai bergerak atau kedai tersangkut ini akan terus dipelihara dan diwarisi oleh generasi seterusnya agar legasi perniagaan secara konsep Ottu Kadai tetap kekal. Penerapan generasi muda terhadap minat untuk mempelajari dan menimba ilmu tentang perniagaan berdasarkan konsep Ottu Kadai ini harus dilakukan demi menjaga warisan Ottu Kadai dalam mengekalkan identiti masyarakat India agar tidak lenyap ditelan zaman.

Selain itu, kemahiran perniagaan yang digunakan ini menjadi salah satu tarikan utama bagi memberi nilai kepada Ottu Kadai itu sendiri. Hal ini harus dipelihara dan diteruskan bagi memartabatkan perniagaan berkonseptan Ottu Kadai yang dapat melambangkan identiti dan keunikan masyarakat disana. Kaedah ini merupakan asas utama kepada keteguhan Ottu Kadai yang menjadi pilihan warga George Town untuk membeli barang di sana. Justeru, impak positif dapat diberikan dan memberangsangkan dalam mengangkat warisan ini sebagai platform dalam memberi kesedaran kepada masyarakat dan penyebaran maklumat kepada masyarakat terhadap warisan negeri yang

hampir pupus di samping memberikan pendidikan kepada generasi muda tentang Ottu Kadai. Kepentingan kesedaran ini amat penting supaya sesebuah warisan tersebut dapat dijaga dan dipelihara.

Institusi Pendidikan

Penulisan kajian ini akan memberikan hasil yang bermanfaat kepada golongan pelajar melalui penyelidikan yang telah dikaji serta berpotensi untuk menarik ramai lagi penyelidik yang dapat mengetengahkan isu dalam pemeliharaan dan pemuliharaan khazanah warisan negara. Bahkan, ia mampu memberikan pengetahuan baharu kepada penyelidik generasi yang akan datang untuk mencari maklumat, menyimpan data dan sebagainya bagi tujuan rujukan kajian khususnya dalam warisan Ottu Kadai, George Town, Pulau Pinang. Rentetan itu, banyak penyelidik akan bertambah untuk mengkaji berkenaan warisan Ottu Kadai secara lebih mendalam pada masa akan datang.

Negara

Kewujudan Ottu Kadai merupakan salah satu sumber pendapatan pada sektor ekonomi di George Town. Hal ini secara tidak langsung meningkatkan pendapatan negara yang akan memberi ruang dan peluang kepada Pulau Pinang untuk terus berkembang sebagai pusat pelancongan dan warisan. Bagi komuniti India disana, pembangunan ekonomi dan kebudayaan budaya mereka akan terus dipelihara serta dapat membangunkan ekonomi berdasarkan perniagaan disana. Dengan kata lain, ia dapat memenuhi dan meningkatkan peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat di samping mengangkat identiti nasional bagi masyarakat India (Majlis Bandaraya Pulau Pinang, 2017). Secara tidak langsung, sektor ekonomi berdasarkan perniagaan dan pelancongan akan menambah pendapatan negara melalui keistimewaan Ottu Kadai. Oleh itu, keunikan dan keistimewaan yang terdapat pada Ottu Kadai ini menjadi daya tarikan kepada pelancong sama ada di peringkat domestik atau antarabangsa untuk melihat sendiri warisan Ottu Kadai di Pulau Pinang.

1.7 PENUTUP

Kesimpulannya, keseluruhan bab ini telah membincangkan secara mendalam berkenaan setiap persoalan dan permasalahan yang terdapat pada kajian. Di samping itu, dalam bahagian ini objektif dan kepentingan kajian yang ingin dicapai pengkaji telah dibincangkan secara lebih terperinci. Penelitian secara menyeluruh dalam

mengenalpasti kaedah dan punca kajian yang bersesuaian dapat membantu pengkaji menghasilkan kajian yang lebih baik.



UNIVERSITI
—
MALAYSIA
—
KELANTAN

BAB II

SORATAN KAJIAN

2.0 PENGENALAN

Soratan kajian lepas merujuk kepada salah satu kaedah penelitian yang sistematis dan jelas untuk mengenali, menilai dan mentafsir hasil-hasil penulisan yang pernah dilakukan oleh penyelidik, cendekiawan dan juga pengamal atau pakar dalam bidang yang berkaitan dengan permasalahan yang akan dikaji (Rahinim & Abdul Rahim, 2006). Bruce L. Berg (1998) menjelaskan bahawa soratan kajian lepas merupakan satu bentuk penilaian secara terperinci melalui bahan-bahan yang berkaitan dengan masalah yang akan dikaji. Menurut Blanche dan Durrheim (1999) sorotan kajian melibatkan proses identifikasi dan analisis melalui bahan-bahan penulisan berkaitan dengan masalah yang akan di selidik oleh pengkaji. Bahagian ini akan menjelaskan suatu ringkasan dan penilaian secara kritis terhadap bahan-bahan dalam suatu bidang atau masalah yang ingin diketengahkan. Secara keseluruhan, definisi yang diberikan di atas dapat disimpulkan bahawa sorotan kajian adalah proses penelitian, penilaian dan pemahaman secara kritikal melalui pembacaan hasil kajian lepas berkaitan dengan persoalan yang akan dikaji. Sorotan kajian lepas yang akan dinilai adalah berkenaan warisan budaya dan perlindungan antarabangsa, warisan budaya dan perlindungan kebangsaan, pelestarian warisan budaya ketara, tapak warisan dunia, George Town, warisan budaya India di Pulau Pinang, sejarah perkembangan dan sifat Ottu Kadai dan konsep tradisi peruncitan dan pasar tradisional.

2.1 WARISAN BUDAYA DAN PERLINDUNGAN ANTARABANGSA

Pertubuhan United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO) telah mengklasifikasikan warisan ketara kepada beberapa elemen yang yang penting. Warisan ketara boleh terdiri daripada monumen iaitu karya seni bina, karya arca dan lukisan monumental, unsur atau struktur yang bersifat arkeologi, inskripsi, kediaman gua dan mempunyai gabungan ciri-ciri nilai keunggulan sejagat yang luar biasa dari sudut sejarah, seni atau sains (UNESCO, 2003). Kumpulan bangunan turut merupakan warisan ketara yang terdiri daripada kumpulan sesebuah bangunan berasingan atau bersambung dan mempunyai nilai seni bina, landskap dan nilai keunggulan sejagat yang luar biasa terdapat padanya. Selain itu, UNESCO juga mengklasifikasikan tapak sebagai warisan ketara iaitu hasil daripada karya manusia atau gabungan karya alam dan manusia serta termasuk tapak kawasan arkeologi yang

mempunyai nilai keunggulan sejagat dari sudut sejarah, estetika, etnologi atau antropologi. Kategori objek warisan ketara termasuk sesuatu objek atau benda yang boleh disentuh, dilihat dan dirasai serta mempunyai nilai sejarah, estetika dan sebagainya.

Definisi ini telah membawa kepada apa-apa yang berkaitan dengan tapak, monumen, objek dan bangunan yang mempunyai nilai keunggulan sejagat dianggap sebagai warisan ketara. Warisan ketara sangat jelas untuk diperlihatkan kerana sifat yang ada padanya memudahkan individu atau kelompok manusia mengenalinya secara fizikal. Terdapat juga warisan ketara yang bersifat boleh diubah dan dipindahkan seperti objek warisan atau bangunan. Lazimnya, objek atau bangunan tersebut mempunyai struktur atau binaan yang lebih kecil, berstruktur kecil atau ringan dan bersifat tidak mudah rosak atau mempunyai faktor tersendiri yang menyebabkan objek atau bangunan tersebut perlu dipindah ke tempat lain (UNESCO,2003).

Konvensyen Warisan Dunia juga telah mentakrifkan tiga jenis ‘warisan budaya’ yang disenaraikan mengikut kumpulan dan peringkat. Pertama, peringkat yang mewakili monumen dan kumpulan bangunan serta peringkat kedua diwakili oleh tapak (Laurajane Smith, 2006). Monumen merupakan karya seni, karya arca dan lukisan yang mempunyai monumental, unsur atau struktur yang bersifat arkeologi, inskripsi, kediaman gua dan gabungan ciri yang mempunyai nilai sejagat yang luar biasa dari sudut pandangan sejarah, seni dan sains. Selain itu, kumpulan bangunan di definisikan sebagai kumpulan bangunan bersaingan atau bersambung yang mempunyai seni bina, landskap yang tersendiri serta mempunyai nilai keunggulan sejagat yang luar biasa daripada sudut pandangan sejarah, seni dan sains. Menurut Laurajane Smith (2006), perkara seterusnya yang mentakrifkan ‘warisan budaya’ ialah tapak hasil daripada karya manusia atau gabungan kerja alam dan manusia, kawasan termasuk tapak arkeologi yang mempunyai nilai sejagat yang luar biasa dari sudut sejarah, estetika, etnologi atau antropologi.

Definisi di atas menjelaskan tarifan perkara tersebut merupakan aspek besar kepada sesebuah warisan budaya. Apa-apa perkara yang dianggap mempunyai nilai keunggulan sejagat dan nilai sejarah, seni atau sains merujuk kepada ‘warisan budaya’. Dalam penyenaraian Warisan Dunia, ‘tapak’ cenderung menjadi tempat yang penting kepada komuniti setempat kerana mempunyai perkaitan yang erat dari aspek pengamalan budaya yang dijalankan atau diamalkan. Sehubungan dengan itu, ‘tapak’ merupakan salah satu warisan budaya yang amat penting kerana penglibatan komuniti

setempat secara langsung telah membentuk sejarah budaya yang membawa kepada pembentukan negara bangsa (Cleere, 1996). Menurut Cleere (2001) nilai keunggulan sejagat tidak ditarifkan oleh Konvensyen Warisan Dunia namun ia merupakan tugas Jawatankuasa Warisan Dunia untuk menentukan kriteria yang layak dalam mengangkat sebuah ‘warisan budaya’. Walau bagaimanapun, konvensyen diwujudkan bagi memastikan kriteria yang ditetapkan adalah salah satu punca utama untuk mengangkat sesebuah ‘warisan budaya’ ia juga bertujuan untuk memberikan pemahaman dan penjelasan yang tepat mengenai warisan dan budaya serta nilai keunggulan yang ada pada objek warisan.

Warisan budaya dalam konteks Burra Charter memperlihatkan perkembangan ideologi dan perubahan yang dominan dapat menentukan perkembangan budaya. Menurut Laurajane Smith (2006), keruntuhan warisan budaya dan alam semula jadi semakin terancam oleh dua faktor utama: kecenderungan pemusnahan nilai tradisional dan perubahan keadaan sosial serta ekonomi yang memburukkan lagi keadaan. Piagam ini merangkumi konsep bahawa warisan adalah usaha untuk menghadapi, menangani, dan mengawal perubahan yang berlaku. Warisan budaya akan menghilang dan musnah akibat beberapa faktor yang berlaku sama ada disengajakan atau tidak. Perubahan ini akan menjadikan ‘objek’ warisan hilang nilai-nilai keaslian yang terdapat padanya. Tambahan pula, piagam ini mengukuhkan keyakinan bahawa nilai dan makna warisan secara fizikal tercermin melalui tempat-tempat warisan. Aspek utama yang cuba diketengahkan adalah ‘kepentingan budaya’ yang ditakrifkan sebagai nilai estetika, bersejarah, saintifik, sosial atau rohani untuk generasi lalu dan seterusnya (Burra Charter, 1999). Komuniti dan individu diberikan peluang untuk memahami kepentingan budaya sesuatu tempat dalam menentukan nilai kepakaran dalam mengurus dan menjaga kepentingan budaya mereka.

Di Malaysia, terdapat Jabatan Warisan Negara (JWN) yang memberi peruntukan bagi pemeliharaan Warisan Dunia dan Kebangsaan termasuk warisan ketara. Di bawah jabatan ini satu kaedah dan peraturan berkaitan perlindungan dan pengurusan khazanah warisan negara telah diwujudkan dengan berpandukan kepada Akta Warisan Kebangsaan 2005. Berdasarkan Akta Warisan Kebangsaan (2005), apa-apa sahaja yang berkaitan dengan warisan akan diperuntukan satu kaedah atau panduan bagi memulihara dan memelihara khazanah negara dengan cara yang betul. Hal ini penting bagi negara kerana warisan merupakan elemen yang diterima secara turun-temurun oleh seseorang atau sesuatu kelompok masyarakat daripada generasi yang

terdahulu. Selain itu, warisan turut menggambarkan memori kepada keseluruhan kehidupan sesuatu bangsa yang dapat melambangkan ciri-ciri ketamadunannya. Tanpa panduan dan kaedah yang betul warisan ketara akan lenyap dan musnah akibat ketiadaan piawan yang jelas bagi menjaga khazanah ini. Peranan penting daripada JWN akan membuka lebih banyak ruang dan peluang bagi menjalankan penyelidikan, kajian dan sebagainya kepada warisan ketara yang masih belum diwartakan, belum dijumpai atau hampir pupus (Akta Warisan Kebangsaan, 2005).

2.2 WARISAN BUDAYA DAN PERLINDUNGAN KEBANGSAAN

Dalam pada itu, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) berperanan dalam menjaga dan memberi peruntukan terhadap warisan khazanah negeri tersebut. Peranan yang dimainkan jelas dengan visi MBPP iaitu menjadikan Pulau Pinang sebuah bandaraya yang harmoni dan progresif serta mengekalkan budaya unik, warisan dan keindahan semula jadinya di peringkat Global dan misi MBPP adalah meningkatkan dan memelihara kualiti hidup penduduk bandar melalui perkhidmatan dan pembangunan perbandaran berkualiti dan seimbang, persekitaran dan kemudahan kondusif dan menyeluruh serta tadbir urus yang cekap.

Program yang dijalankan MBPP berkaitan kesedaran warisan di Pulau Pinang telah mendapat sambutan yang baik untuk memupuk nilai memelihara khazanah warisan negeri dalam kalangan masyarakat. Seterusnya, pihak MBPP turut berperanan dalam memberikan dana dan menyenaraikan warisan yang unik, dijumpai di mana-mana tapak pembangunan, hampir rosak atau pupus dan sebagainya bagi mengangkat warisan ketara ke peringkat yang lebih tinggi untuk diwartakan disamping merancang pembangunan yang lebih mampan di Pulau Pinang (Majlis Bandaraya Pulau Pinang, 2017).

Di samping itu, penglibatan bukan badan kerajaan Non-profit Organization (NGO) dalam melestarikan dan menjaga sesuatu tempat bagi tujuan kepentingan memelihara budaya perlu di optimumkan dalam menjaga warisan ketara. Menurut Burra Charter (1982), terdapat sembilan prinsip pelestarian iaitu pelestarian yang memiliki tujuan tertentu untuk mempertahankan dan memulihkan signifikasi budaya suatu tempat yang harus mempunyai jaminan terhadap keselamatan objek, pemeliharaannya, proses kelenggarannya dan keutuhan pada objek tersebut. Aspek ini penting sebelum proses pelestarian dilakukan dimana-mana objek warisan agar nilai keaslian yang terdapat padanya tidak akan hilang dan rosak. Hal ini kerana, penglibatan

organisasi bukan badan kerajaan Non-profit Organization (NGO) pernah mengambil langkah dalam memelihara warisan negeri dilihat penting supaya kerjasama antara pihak kerajaan dan komuniti dapat dilakukan dengan cepat dan pantas serta dapat melibatkan pengumpulan dana yang banyak. Menurut Syuhada Abd. Aziz (2016), usaha yang dijalankan oleh NGO seperti Persatuan Melayu Pulau Pinang (PEMENANG) menyeru penglibatan golongan muda untuk melibatkan diri dalam program warisan agar menjaga khazanah warisan di Pulau Pinang supaya terus dipelihara. Oleh itu, proses pemuliharaan perlu dilakukan agar lebih banyak warisan ketara dapat diselamatkan daripada terus lenyap.

2.3 PELESTARIAN WARISAN BUDAYA KETARA

Kaedah pelestarian merupakan salah satu usaha yang dilakukan bagi mengekalkan khazanah warisan negeri. Usaha pelestarian dilihat sebagai langkah yang efektif dalam memulihara dan memelihara bagi membolehkan jangka hayat sesebuah objek warisan dipanjangkan. Terdapat beberapa kaedah yang boleh digunakan bagi melestarikan sesebuah objek atau tapak warisan seperti menggunakan semula bangunan, tapak atau objek untuk tujuan tertentu. Walau bagaimanapun, kaedah menggunakan semula bangunan, tapak dan objek warisan tidak seharusnya meminggirkan nilai keaslian yang terdapat padanya. Hal ini bertujuan untuk mengekalkan nilai estetika dan nilai sejarah yang terdapat pada objek warisan tersebut. Nilai-nilai yang terdapat pada objek warisan dianggap mempunyai nilai kepentingan kebudayaan kepada sesebuah masyarakat. Pelbagai aspek perlu diambil kira bagi melestarikan sesebuah objek warisan agar sebarang aktiviti pemuliharaan dan pemeliharaan dapat dilakukan dengan berhati-hati dan teliti supaya objek warisan tersebut tidak rosak atau hilang kriteria yang ada padanya (Daeng Haliza, et.al., 2020).

Menurut Ping Mah, et.al, (2019), cadangan pelestarian terhadap binaan fizikal harus mempunyai kerangka metodologi yang baik bagi membendung sebarang permasalahan yang tidak jangka berlaku. Kaedah pelestarian secara lawatan maya dapat membantu pemeliharaan persekitaran binaan fizikal, elemen sejarah dan sosiobudaya yang tidak ketara dalam ruang tapak warisan budaya. Hal ini kerana, faedah daripada hasil usaha yang dicadangkan dapat memastikan warisan budaya terjaga dan dipelihara serta sekaligus dapat menjimatkan penggunaan kos yang akan dikeluarkan untuk pelestarian bangunan fizikal. Oleh itu penggunaan teknologi digital dan visualisasi amat penting dan mendorong pihak berkepentingan dalam menjalankan kerja-kerja

konservasi pada tapak atau bangunan warisan. Walau bagaimanapun, kepentingan mengimbangkan pembangunan dengan pemeliharaan warisan dan perlunya undang-undang yang lebih komprehensif dalam memastikan penguatkuasaan yang berkesan dalam aspek pelestarian warisan budaya. Peranan pihak berkepentingan dalam mengekalkan dan memelihara tapak warisan juga perlu digalakkan (Yuszaidy, et.al, 2013).

Kepentingan menekankan pihak berkepentingan dapat mempengaruhi perubahan dan prosedur pengurusan yang lebih sistematik untuk memelihara tapak warisan budaya dengan berjaya. Proses yang dilakukan dalam pemuliharaan tidak boleh mempengaruhi struktur sosio-ekonomi masyarakat agar warisan tidak ketara tidak rosak atau hilang. Pendekatan yang komprehensif untuk pemeliharaan warisan budaya merangkumi warisan ketara dan tidak ketara serta struktur sosio-ekonomi masyarakat perlu mempunyai panduan bagi pembuat dasar agar keaslian warisan budaya tidak tergugat (Supoj Prompayuk & Panayu Chairattananon, 2016). Menurut Maria Bonn, Lori Kendall et.al., (2016), keperluan dalam melibatkan pihak berkepentingan yang mempunyai kemahiran dan kepakaran dalam warisan budaya amat penting bagi memelihara dan memulihara objek warisan. Tindakan daripada badan-badan pertubuhan penting berkaitan warisan budaya juga berperanan besar dalam mengeluarkan akta, dasar, garis panduan di samping mempromosikan nilai warisan bagi memupuk kesedaran kepada komuniti. Di samping itu, menurut Y. Sri Susilo & Amiluhur Soeroso (2007), sebelum kaedah pelestarian dilakukan, penilaian fizikal warisan budaya itu perlu dibuat terlebih dahulu dengan mengemukakan strategi yang berkesan dalam membendung masalah yang dihadapi terhadap objek warisan tersebut agar proses selanjutnya dapat berjalan dengan lancar.

2.4 TAPAK WARISAN DUNIA GEORGE TOWN

Akta Warisan Kebangsaan 2005 merupakan undang-undang yang penting dalam konteks memelihara dan memulihara warisan budaya di Malaysia. Dalam akta ini telah menetapkan kerangka kerja bagi perlindungan, pelestarian dan sebagainya berkaitan objek warisan termasuk warisan dibawah air. Undang-undang ini memberikan panduan dan bidang kuasa bagi objek atau tapak warisan yang berada di Malaysia. Dalam memahami dan menjaga khazanah negara, akta ini menjadi rujukan dan panduan kepada semua warisan yang mendukung konsep mempromosikan dan melindungi warisan budaya serta membangunkan kesedaran dan penglibatan masyarakat dalam memelihara

dan memulihara warisan (Akta Warisan Kebangsaan, 2005). Dalam memelihara dan memulihara warisan di kawasan tapak warisan dunia, Rancangan Kawasan Khas: George Town Bandar Bersejarah di Selat Melaka adalah merupakan panduan dalam melestarikan warisan, mempromosikan dan mengembangkan George Town sebagai sebuah kota bersejarah di Pulau Pinang.

Dalam RKK ini peraturan dan pembatasan yang telah dirancang menjadi rujukan semua pihak untuk memberikan komitmen mempertahankan warisan budaya negara dalam arus pembangunan moden (Rancangan Kawasan Khas: George Town Bandar Bersejarah di Selat Melaka, 2016). Menurut Majlis Bandaraya Pulau Pinang (2017), terdapat akta dan rang undang-undang yang digunakan dalam memelihara dan memulihara warisan budaya di Tapak Warisan Dunia, George Town. Akta Kerajaan Tempatan (1976) memberi kuasa kepada kerajaan tempatan di Malaysia untuk mengatur dan menguruskan hal-hal yang berkaitan dengan tempatan dan daerah masing-masing. Tujuan akta ini adalah untuk memberi landasan dan panduan bagi menguruskan urusan tempatan dengan efisien dan berkesan (Akta Kerajaan Tempatan, 1979). Selain itu, Akta Undang-undang Kecil Penjaja (1979) pula digunakan sebagai rujukan untuk mengawal dan mengatur perniagaan penjaja kecil di Malaysia dan memberi kuasa kepada pihak berkuasa tempatan untuk mengeluarkan lesen kepada penjaja kecil, mengawal lokasi penjajaan dan sebagainya (Akta Undang-undang Kecil, 1979). Seterusnya, akta jalan, parit dan bangunan memberikan kuasa kepada pihak berkuasa tempatan untuk mengawal pembinaan, pemeliharaan dan penggunaan jalan, parit dan bangunan di dalam kawasan mereka (Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974).

2.5 WARISAN BUDAYA INDIA DI PULAU PINANG

Di Malaysia, masyarakat India telah tiba di Tanah Melayu melalui penjajahan oleh pihak British bagi menampung tenaga kerja. Tetapi hubungan kebudayaan di antara India dan Tanah Melayu mempunyai soratan sejarah yang panjang. Masyarakat India terbahagai kepada dua kategori utama iaitu masyarakat India Selatan dalam rumpun bangsa Dravida dan India Utara yang tergolong dalam rumpun Indo-Arya. Kumpulan besar etnik majoriti masyarakat India Malaysia adalah tergolong dalam rumpun bangsa Dravida iaitu Tamil (Abdul Latiff Abu Bakar, 2012). Masyarakat India mempunyai kebudayaan yang tersendiri yang telah lama bertapak di Tanah Melayu sehingga ke hari ini. Mereka mempunyai sifat warisan budaya yang unik dalam membangunkan sistem sosial dan ekonomi mengikut acuan persekitaran sekeliling

mereka. Setiap apa yang dilakukan oleh mereka terselit nilai-nilai budaya dan warisan masyarakat India yang telah diadaptasi oleh mereka dalam pelbagai aspek (Sinha, 2004). Hal ini menjadikan identiti masyarakat India di Malaysia mempunyai keunikan dan perbezaan yang ketara dalam kehidupan seharian.

Pulau Pinang terdiri daripada pelbagai kaum yang berbilang bangsa. Warisan budaya yang terdapat di sana mempunyai keunikan tersendiri dan sejarah yang berbeza. Dalam warisan budaya masyarakat India di Pulau Pinang, bahasa Tanjong merupakan warisan bahasa bagi masyarakat India-Muslim di George Town, Pulau Pinang. Bahasa Tanjong merupakan bentuk hibridisasi Melayu yang berkembang daripada situasi hubungan bahasa antara orang Islam Melayu dan India-Selatan dan merupakan warisan Peranakan Jawi Pulau Pinang. Ia mempunyai ciri-ciri dan kepentingan budaya kepada bidang sosiolinguistik dalam mengkaji hubungan antara bahasa, budaya dan identiti mengenai masyarakat Jawi Peranakan Pulau Pinang (Hajar, 2015). Di samping itu, Menurut Azmi, et.al. (2016), Masjid Kapitan Keling juga adalah sebahagian produk warisan budaya masyarakat India-Muslim di Pulau Pinang. Warisan berkenaan telah memberi sumbangan besar kepada industri pelancongan dan telah menyoroti kekuatan identiti etnik dan kelestarian warisan India-Muslim terutamanya dalam bidang industri pelancongan di Malaysia.

Menurut Hafizan & Ezwani (2016), Pertubuhan Komuniti India-Muslim (IMCom) dan Perayaan Warisan Budaya India-Muslim (IMCHC) telah membina dan membentangkan serta meneroka konteks sejarah umat Islam India Malaysia dalam bidang warisan budaya. Badan pertubuhan ini mendapati warisan budaya terpilih etnik India-Muslim terutamanya masakan adalah tarikan pelancong yang popular dan menguntungkan dan sesuatu yang masyarakat secara keseluruhan menghargai dan ingin memelihara. Namun begitu, IMCHC telah berjaya membangunkan industri pelancongan di bawah IMCom untuk menyatukan masyarakat ke dalam usaha memelihara dan menghargai warisan etnik dan budaya mereka. Warisan budaya masyarakat India adalah sebuah konteks yang besar dalam pelbagai aspek yang boleh merangkumi warisan budaya tidak ketara atau ketara. Dalam pada itu, warisan budaya ketara dilihat menjadi aspek utama dalam pengenalan etnik dan identiti bagi kaum India di Malaysia.

Konsep identiti peribadi dan identiti budaya berkait rapat dengan pembentukan individu dan kelompok masyarakat. Identiti merangkumi perkembangan, pembangunan dan asal usul kepada manusia atau objek warisan yang masih perlu dikaji secara lebih

terperinci lagi. Malahan, identiti peribadi dan budaya berkait rapat antara satu sama lain secara kompleks. Konsep identiti peribadi berhubung dengan kelakuan, penggunaan bahan dan pengambilan risiko yang dapat memperlihatkan perbezaan individu antara individu yang lain. Manakala, konsep identiti budaya pula cendurung terhadap pengekalan warisan-budaya dan penerimaan budaya lain yang diadaptasi dalam kehidupan seharian (S.Schwartz, B.Zamboanga et.al., 2008). Menurut Hun & Kaur (2014), gambaran identiti adalah berdasarkan kolektif yang paling menyerlah yang membezakannya dengan kategori yang lain. Ia turut berkait rapat dengan pengalaman individu untuk memberi gambaran tentang diri yang dapat memberi perbezaan yang ketara dalam masyarakat umum.

Seterusnya, perkembangan identiti sesebuah masyarakat telah merangkumi rentetan sejarah tersendiri. Ia merupakan proses kompleks yang melibatkan pelbagai faktor seperti agama, tradisi, budaya, bahasa dan sebagainya. Dengan gabungan sejarah dan warisan budaya, ianya dapat melambangkan dasar pembentukan identiti yang terbentuk daripada migrasi, konflik dan kolonialisme yang seterusnya membentuk warisan budaya bagi masyarakat itu sendiri. Oleh itu, kepelbagaian budaya melalui seni, muzik, tarian, pakaian tradisional dan sebagainya menjadi faktor penting yang menyumbang kepada pemerkasaan identiti sesebuah kaum. Walau bagaimanapun, konsep identiti tidak statik dan akan berubah seiring dengan peredaran waktu. Individu dalam sebuah kaum akan memiliki identiti yang unik dan berbeza bergantung kepada pengaruh, pengalaman peribadi dan faktor lain yang dapat mempengaruhi kestabilan identiti tersebut untuk tempoh jangka masa yang panjang (A. Mani, 2007).

Menurut N.Peroff (1997), masyarakat India mempunyai perbezaan yang besar dalam penggunaan bahasa, agama dan kepercayaan telah menonjolkan identiti masyarakat India itu sendiri. Namun, identiti masyarakat India mengalami kemerosatan akibat faktor asimilasi dan migrasi yang telah berlaku yang menjelaskan dalaman dan luaran identiti masyarakat India. Bagi masyarakat India di Malaysia, identiti akan diwariskan oleh generasi yang akan datang termasuk agama dan kepercayaan mereka. Perubahan agama dan sistem sosial akan menjelaskan identiti masyarakat India itu sendiri dan menghilangkan sedikit sebanyak warisan yang telah diperturunkan (S.Gill, N.Gopal et.al., 2017). Kebudayaan masyarakat India yang wujud dan diwarisi oleh beberapa perkara pada ketika itu. Sosial dan ekonomi mereka turut mempengaruhi identiti dan kebudayaan masyarakat India dalam pelbagai aspek.

2.6 SEJARAH PERKEMBANGAN DAN SIFAT OTTU KADAI

Kedatangan masyarakat luar telah membawa kepada pendudukan komuniti masyarakat India yang berhijrah membawa warisan budaya ke Malaysia. Perubahan yang dibawa oleh komuniti India setelah kemasukan pendatang asing adalah bertujuan untuk kegunaan buruh semasa pemerintahan British. Komuniti masyarakat ‘The Little India’ lebih dikenali sebagai masyarakat yang mendominasikan suatu kawasan dengan adanya sistem budaya tersendiri. Komuniti masyarakat India di Penang dan Klang mempunyai persamaan yang ketara dalam warisan budaya mereka. Di samping itu, mereka menggunakan sistem bahasa, sosial dan sistem ekonomi yang sama. Menurut, A. F Bakri, et.al., (2014) ‘The Little India, Geroge Town’ dan ‘The Little, Klang’ mempunyai hubungan yang rapat dengan warisan ketara dan warisan tidak ketara berbanding masyarakat India-Muslim lain di Malaysia (Chako, E & Cheung I, 2006).

Seterusnya, “Ottu” bermaksud bergerak atau tersangkut dalam taksiran masyarakat India dan “Kadai” merupakan kedai yang didirikan di atas tanah. Istilah ‘Ottu Kadai’ berasal daripada perkataan bahasa India yang menyandarkan kedai bergerak ini sebagai salah satu kepentingan masyarakat India di zaman penjajah semasa menetap di Tanah Melayu. Keperluan ekonomi India pada ketika ini mempunyai pecahan yang kompleks dan tidak berherarki dimana pelbagai aspek yang diketengahkan mempunyai cabang yang luas. Antaranya melibatkan sosia-ekonomi masyarakat India itu sendiri ketika menjalankan sesbuah perniagaan. Dalam warisan budaya ketara seperti Ottu Kadai, kewujudannya masih belum mempunyai kesahihan yang jelas tetapi menurut Jai B. P. Sinha & Rajesh Kumar, 2004 kebudayaan India wujud dan diwarisi oleh beberapa aspek seperti pengaruh agama, sosial, ekonomi dan gaya hidup masyarakat setempat. Masyarakat India juga mengadaptasi kebudayaan mereka dalam sosio-ekonomi sehari-hari yang jelas mempunyai kaitan dengan cara perniagaan dan konsep Ottu Kadai itu sendiri. Mereka juga mempunyai kemahiran yang mendalam untuk membangunkan ekonomi mengikut acuan sendiri dan pengaruh daripada persekitaran sekeliling (Jai B. P. Sinha & Rajesh Kumar, 2004).

Sekitar tahun 1930 sehingga 1940-an pada zaman sebelum merdeka Ottu Kadai telah bertapak di Tanah Melayu dimana perniagaan berasaskan konsep ini telah dikuasai oleh masyarakat India yang berhijrah disini. Penghijrahan orang India ini membawa bersama-sama warisan budaya mereka di Tanah Melayu yang telah menurunkan kemahiran berasaskan ‘Ottu Kadai’ ini kepada generasi-generasi seterusnya (S.Gill, N.Gopal, et.al., 2017). Pada asasnya, Ottu Kadai berfungsi sebagai kedai runcit yang

menjual pelbagai jenis barang keperluan harian dan juga makanan dengan kaedah pandu lalu kepada para pelanggan. Konsep atau ciri Ottu Kadai ini telah diadaptasi oleh semua masyarakat di Tanah Melayu pada ketika itu yang mencerminkan kaedah peruncitan mudah bagi mereka yang berada berhampiran kawasan jalan. Setelah Tanah Melayu mencapai kemerdekaan, bilangan Ottu Kadai hanya terdapat di Klang dan George Town sahaja dengan jumlah yang hampir pupus. Kini, tinggalan warisan Ottu Kadai hanya boleh ditemui di Jalan Little India, George Town, Pulau Pinang dengan bilangan sedikit akibat daripada pembangunan dan kemajuan negeri tersebut (Sofia, 2015).

2.7 KONSEP TRADISI PERUNCITAN DAN PASAR TRADISIONAL

Industri peruncitan merupakan antara industri yang amat penting yang dapat memberikan sumbangan yang besar kepada ekonomi sesebuah negara. Tanpa peruncitan, ekonomi sesebuah negara tidak dapat berfungsi dalam ekonomi yang serba kompetitif sekarang. Terdapat beberapa golongan yang akan mendominasikan kaedah peruncitan sama ada berbangsa Melayu, Cina, India atau Bumiputera Sabah & Sarawak. Kaedah peruncitan bergantung kepada organisasi yang menguruskannya sama ada ia dikembangkan secara koperasi, berskala besar atau sebagainya. Terdapat juga kelemahan dalam mentadbir urus peruncitan kerana strategi pengurusan perniagaan secara efektif dan efisien tidak dapat dijalankan dengan baik. Hal ini membawa kepada kegagalan dalam mengekalkan keadaan semasa dalam bidang perniagaan peruncitan (Rohaya Wan Idris et.al., 2019).

Menurut R. Djayusman, A. Nughara et.al., (2018), pasar tradisional merupakan tunjang utama perkembangan ekonomi dalam kehidupan keperluan masyarakat untuk mencari barang keperluan harian dengan harga yang rendah masih dianggap relevan walaupun bersaing dengan pasar-pasar moden pada masa kini. Kurang pengurusan yang lebih efektif oleh pihak bertanggungjawab telah mengurangkan jumlah dan bilangan pasar tradisional ini bertahan. Asas kepada pasar tradisional ini bermula dengan menjual dan menyediakan barang keperluan harian kepada pengguna. Konsep tradisional ini bermaksud barang yang dibeli pengguna dibeli secara tunai atau menggunakan konsep hutang, bertapak hanya satu tingkat dan tidak menyediakan perkhidmatan selepas jualan. Kelemahan oleh kerajaan tempatan untuk mengawal dan mengurus pasar tradisional ini menyumbang kepada penurunan bilangannya saban tahun.

Pasar Budaya terkenal dengan asas perniagaan yang dijalankan secara ‘formal-formal’. Ia bermaksud Pasar Budaya yang diusahakan oleh kebanyakan orang Melayu merupakan sebuah pasar tradisional yang menjual pelbagai barang keperluan harian, makanan, buah-buahan tempatan dan sebagainya yang berkaitan dengan kebudayaan Melayu. Pasar ini turut mempamerkan dan membangunkan kebudayaan, kesenian dan kraftangan terkenal di Malaysia yang dapat meningkatkan hasil pendapatan peniaga dan negara (Kairol, 2021). Menurut Luqman (2023), dengan memperkenalkan Pasar Budaya ini sebagai skop keusahawanan kepada golongan belia secara tidak langsung dapat memartabatkan elemen sejarah dan tradisi merangkumi unsur kesenian, kebudayaan dan warisan lain kepada umum.

Selain itu, Pasar Besar Kedai Payang adalah sebuah lokasi yang popular bagi pasar tradisional masyarakat Cina yang dipercayai antara destinasi persinggahan pelayar China suatu ketika dahulu. Pasar ini berada di tapak warisan masyarakat lama Kampung Cina yang mempunyai tinggalan sejarah seperti pondok telefon lama, sejarah perkembangan Tamadun Islam dan pondok surat Pos Malaysia. Pasar tersebut merupakan tempat penduduk setempat berniaga dan menjual barang keperluan harian dan terdapat juga kawasan kedai kopi yang boleh disinggah untuk menjamu selera. Lazimnya, perniagaan diasaskan secara turun-temurun daripada generasi dahulu sehingga sekarang. Gambar pewaris perniagaan akan digantungkan pada dinding kedai bagi menonjolkan konsep dan ciri yang tersendiri terdapat pada kedai mereka. Hal ini juga bertujuan memberi tahu pelanggan akan pewaris generasi kini yang masih menjalankan perniagaan yang sama di pasar tersebut. (Hafiz, 2019).

Bagi pasar tradisional masyarakat India pula, The Little Indian Klang adalah salah satu pasar tradisional yang menyediakan barang keperluan asas, makanan, aksesori, permaidani, kain sarong, langsir dan sebagainya bagi kaum India. Menurut Rummy (2017), pasar ini menyamai konsep China Town yang bezanya Little India adalah kawasan yang dimonopoli bangsa India sahaja. Ia merupakan sebuah kawasan perniagaan yang terletak di Klang Selatan yang panjang kawasan tersebut adalah kira-kira 150m. Perniagaan yang dijalankan oleh masyarakat India ini adalah merupakan konsep kedai yang berstruktur seperti kebanyakan bangunan dan berhampiran jalan. Kawasan pasar ini merupakan tarikan pelancong luar dan dalam negara yang ingin mencari keperluan tersendiri. Mereka terkenal dengan perniagaan yang berdasarkan jualan rempah dan makanan serta menjalankan perniagaan berdasarkan turun-temurun.

Secara amnya, perniagaan yang dilakukan adalah bersifat bersama dimana melibatkan ahli keluarga dalam perniagaan pemilikan (Su Ann, 2016).

2.8 KERANGKA TEORI

Teori identiti sosial merupakan teori daripada Henri Tajfel (1979) yang memberi sumbangan dalam bidang psikologi sosial. Teori ini merujuk kepada cara atau konsep kendiri seseorang berdasarkan keahlian mereka dalam sesebuah kumpulan sosial seperti pasukan sukan, agama, kewarganegaraan, pekerjaan, orientasi seksual, kumpulan etnik, jantina dan sebagainya yang dapat memberikan rasa kepunyaan dalam dunia sosial tersebut. Istilah yang lebih luas mengenai ini adalah bagaimana kumpulan sosial atau sekumpulan individu ini mempunyai pengenalan sosial yang sama atau melihat diri mereka sebagai ahli kategori sosial yang berbeza. Melalui proses perbandingan sosial, individu yang serupa dengan diri dikategorikan dan dilabel dalam kumpulan tersebut manakala individu yang berbeza akan dikategorikan sebagai kumpulan luar. Dalam teori ini melibatkan dua proses penting pembentukan identiti sosial iaitu pengkategorian diri dan perbandingan sosial yang menghasilkan akibat yang berbeza (Stets, J. E., & Burke, P. J., 2000). Pengkategorian bermaksud individu atau objek yang mempunyai kategori atau syarat kelayakan yang diperlukan dalam sesebuah kumpulan atau sistem sosial.

Manakala, perbandingan bermaksud objek, individu atau kumpulan tertentu dapat dibandingkan dengan yang lain seperti perbandingan antara warna merah dan biru. Teori ini juga menjelaskan ‘sifat ketara yang ditonjolkan’ dalam sesebuah kumpulan yang minimum cenderung untuk memihak kepada anggota kumpulan mereka sahaja berbanding kumpulan lain walaupun kumpulan tersebut ditentukan secara sewenang-wenangnya. Di samping itu, teori ini turut memberikan pernyataan yang lebih mendalam tentang bagaimana hubungan antara kumpulan dunia nyata berkait rapat dengan identiti sosial yang mempunyai implikasi untuk memahami pelbagai fenomena sosial termasuk prasangka, diskriminasi dan pengaruh sosial (D.Abrams, 2001). Teori ini menjelaskan bahawa kaedah pengkategorian berlaku apabila perbezaan yang ketara yang drastik muncul dalam sesebuah kelompok masyarakat yang mampu membentuk identiti tersendiri dan berbeza daripada kelompok masyarakat lain. Seperti Ottu Kadai yang mempunyai konsep nilai ketara yang dapat membezakan objek tersebut daripada lain dan diperakui oleh masyarakat tersebut iaitu kaum India sebagai salah satu identiti mereka dengan wujudnya rasa kepunyaan pada masyarakat ini.

2.9 PENUTUP

Kesimpulannya, sorotan kajian lepas amat penting kepada kajian penyelidikan yang dijalankan oleh pengkaji. Bab ini telah menghuraikan berkenaan dengan sorotan kajian lepas yang berkaitan dengan kajian penyelidik serta didapati daripada pelbagai sumber. Pengkaji telah menggunakan seluruh maklumat yang dapat memastikan kajian penyelidik yang dijalankan dapat dihasilkan dengan baik. Selain itu, kaedah pengumpulan data yang cekap telah digunakan oleh penyelidik dalam kajian ini. Kajian yang didapati oleh pengkaji mempunyai hubung kait dengan konsep Ottu Kadai sebagai identiti kedai bergerak bagi masyarakat India di Little Indian, George Town, Pulau Pinang.

UNIVERSITI
—
MALAYSIA
—
KELANTAN

BAB III

METODOLOGI KAJIAN

3.0 PENGENALAN

Metodologi kajian adalah cara, kaedah dan pendekatan yang digunakan bagi mencapai objektif dan matlamat kajian yang ingin dikaji. Penyelidikan boleh dimaksudkan dengan usaha mencari fakta atau kebenaran mengenai permasalahan yang ingin diselesaikan dengan panduan pembinaan objektif dalam kajian yang dilakukan. Peringkat dalam proses metodologi terbahagi kepada beberapa peringkat antaranya proses perancangan, proses aplikasi dan proses analisis (Hua, 2016). Dalam proses perancangan akan melibatkan kepada persiapan, permulaan pengajuan usul, pengumpulan data dan ujian rintis. Ia merupakan proses satu perkara yang diatur dan dirancang bermula daripada awal hingga akhir. Peringkat permulaan, pengumpulan maklumat akan dilaksanakan melalui dua sumber utama iaitu sumber primer dan sumber sekunder bagi mendapatkan maklumat berkenaan warisan Ottu Kadai di The Little Indian, George Town. Selain itu, menggunakan kaedah pengumpulan maklumat yang menggunakan medium perpustakaan serta bahan ilmiah di laman sesawang pada peringkat awal kajian. Di samping itu, pemilihan penggunaan kaedah kualitatif dalam melaksanakan kajian dipilih oleh pengkaji untuk melakukan pemerhatian di kawasan yang telah dipilih dan menemu bual beberapa responden berkenaan dengan kajian yang dilakukan bagi memenuhi persoalan serta objektif dalam kajian.

3.1 PENDEKATAN KAJIAN

Pendekatan kajian yang digunakan dalam melaksanakan kajian ini adalah menggunakan pendekatan etnografi. Etnografi merupakan reka bentuk kajian tentang peristiwa dan budaya bagi sesebuah masyarakat. Ia merujuk kepada interaksi antara individu dalam konteks sosiobudaya, kepercayaan serta amalan mereka. Pendekatan kajian etnografi ini membekalkan tanggapan holistik yang kaya dengan pandangan dan tindakan manusia serta alam. Tujuan pendekatan ini dilakukan adalah untuk mempelajari dan memahami dengan lebih mendalam mengenai suatu fenomena atau situasi dan budaya bagi sesebuah masyarakat yang ingin dikaji (Azreen, 2019).

3.2 REKA BENTUK KAJIAN

Reka bentuk kajian kualitatif digunakan oleh pengkaji dalam menyelesaikan kajian yang dilakukan. Reka bentuk berperanan penting bagi membolehkan persoalan

kajian diubah kepada aktiviti kajian yang melibatkan elemen seperti teori digunakan, tujuan kajian dilakukan serta cara pensampelan data diperolehi. Kajian yang dilakukan bersesuaian dengan kualitatif kerana melibatkan kaedah kajian dokumentasi, kaedah temu bual, pemerhatian, dan audio visual bagi mendapatkan maklumat. Rentetan itu, rujukan boleh diperolehi daripada sumber bahan bacaan bercetak, jurnal, tesis kajian yang lepas serta sumber internet. Sumber rujukan amat penting dalam menghasilkan penulisan kajian yang padat dengan informasi yang tepat, jelas dan padat. Malahan, pengkaji juga melaksanakan kaedah temu bual bersama responden bagi mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan objektif kajian yang dijalankan oleh pengkaji. Maklumat yang diperoleh akan dianalisis untuk digabungkan mengikut aturan susunan yang telah ditetapkan dalam kajian.

3.3 KAEDAH KAJIAN

Kaedah temubual dan pemerhatian digunakan dalam proses pengumpulan data serta maklumat dengan cara mengenalpasti tapak ataupun sekumpulan individu, menanyakan soalan yang luas dan umum, mengumpul data dalam bentuk teks atau perkataan, menjelaskan dan menganalisis perkataan-perkataan tersebut dalam bentuk tema-tema yang ditetapkan serta mencari maklumat berdasarkan fenomena yang berlaku di sekeliling dalam bentuk subjektif (Rashidah Awang, 2015). Pengkaji melaksanakan kaedah yang bersesuaian untuk menghasilkan sebuah laporan kajian yang baik.

3.4 UNIT ANALISIS

Unit analisis merupakan penelitian yang dijalankan oleh pengkaji untuk mengenalpasti catatan-catatan di lapangan yang akan ditranskripsikan pada teks penuh atau lengkap semasa kajian sedang dijalankan. Kaedah ini bertujuan memberi fokus kepada aspek warisan Ottu Kadai sebagai identiti kedai bergerak bagi masyarakat India di Little Indian, George Town, Pulau Pinang. Pengkaji menetapkan kajian di Little Indian, George Town, Pulau Pinang sebagai kawasan kajian dan kaedah temu bual dijalankan melalui audio visual dan diterjemahkan kepada teks. Little Indian berada di kawasan tapak warisan dunia yang mempamerkan keunikkan masyarakat India dan Indian-Muslim dalam aspek warisan budaya mereka. Kawasan ini mempunyai warisan Ottu Kadai yang berada di tepi jalan-jalan utama dengan jumlah bilangan yang hampir pupus. Konsep Ottu Kadai ini turut menjadi lambang utama kepada identiti masyarakat di sana dan mempunyai keunikan yang tersendiri dalam aktiviti perniagaan (Siti, 2015).

3.5 TEKNIK PENGUMPULAN DATA

Teknik pengumpulan data yang sempurna akan dapat membantu pengkaji menghasilkan kajian yang bersesuaian dengan berpandukan objektif kajian yang terdapat di dalam kajian ini. Kebolehan meneliti dalam proses menganalisis data serta menggunakan kaedah kajian yang tepat untuk memperolehi maklumat adalah sangat membantu pengkaji mendapatkan data yang sukar untuk menjalankan kajian. Di dalam proses pengumpulan maklumat boleh dilaksanakan dalam dua cara iaitu diambil daripada sumber primer dan sumber sekunder.

3.5.1 Sumber Primer

Menurut Narayanasamy (2013), sumber primer dikenali sebagai sumber utama atau sumber awalan yang disampaikan melalui catatan tulisan tangan atau bentuk lisan. Selain itu, sumber primer dikatakan bahan rujukan utama yang masih asli dan belum lagi ditafsirkan. Ia merupakan sumber yang diperolehi daripada saksi dalam bentuk tulisan atau catatan terhadap peristiwa yang berlaku. Di samping itu, sumber primer juga dikenali sebagai sumber asli atau langsung daripada informasi atau data yang diperolehi daripada kajian yang dilakukan. Ia merangkumi bahan yang dihasilkan oleh individu, kumpulan, organisasi atau institusi yang telah menjalankan kajian lepas atau menyaksikan peristiwa lepas. Sumber primer amat penting dalam kajian penyelidikan kerana dapat memberikan data yang terperinci dan menyeluruh mengenai sesuatu topik.

I. Temu Bual

Pengkaji menggunakan cara atau kaedah menemu bual responden untuk mendapatkan maklumat daripada sumber utama. Pengkaji akan menemu bual pihak yang masih mengkekalka dan menjalankan perniagaan berdasarkan konsep Ottu Kadai bagi mendapatkan maklumat yang utama sama ada secara bersemuka atau secara atas talian bagi memperoleh data dan maklumat berkaitan tentang Ottu Kadai secara terperinci. Kaedah yang digunakan ini membantu pengkaji untuk lebih mengetahui lebih lanjut tentang perkara-perkara yang terdapat di Little Indian, George Town berkaitan dengan Ottu Kadai. Penggunaan rakaman secara visual, audio, nota serta foto dapat membantu menambahkan lagi maklumat atau data yang dicari.

II. Pemerhatian

Pengkaji melaksanakan kaedah pemerhatian yang bermula di peringkat awal sehingga akhir pelaksanaan kajian untuk mendapatkan maklumat yang lengkap berpandukan persoalan serta objektif kajian pemerhatian dilakukan terhadap perkembangan Ottu Kadai yang terdapat di sekitar jalan Little Indian, George Town. Kaedah ini dilakukan dengan mengambil foto berkaitan dengan Ottu Kadai yang berada di sekitar kawasan tersebut. Seterusnya, melalui proses ini, pengkaji mancatakan maklumat serta data yang diperlukan sebagai rujukan tambahan kepada kajian yang dilakukan.

3.5.2 Sumber Sekunder

Sumber sekunder merupakan maklumat yang boleh didapati daripada bahan rujukan melalui pembacaan yang merangkumi jurnal, buku ilmiah, tesis lepas dan sumber internet. Kaedah sumber sekunder ini amat penting kepada pengkaji dalam memberikan sebarang maklumat dan pelbagai dapatan yang berkaitan dengan kajian yang mempunyai kesahihan oleh para pengkaji sebelum ini.

I. Sumber Internet

Pengkaji menggunakan platform internet bagi memperoleh sebarang maklumat daripada laman-laman web yang tersedia sebagai sumber rujukan yang dapat memberikan maklumat dan hubung kait berkaitan kajian yang dilaksanakan. Laman web seperti Google Scholar, laman rasmi Majlis Bandaraya Pulau Pinang, Bh Online dan lain lagi dapat dijadikan sebagai carian utama dalam memberi maklumat dan informasi yang sahih kepada penyelidik berkaitan kajian yang dijalankan.

II. Buku Ilmiah

Data awal yang berkait rapat dengan kajian penyelidik dirujuk melalui sumber di perpustakaan. Terdapat beberapa buah buku yang bersesuaian yang dapat dijadikan sebagai bahan rujukan seperti Kamus Dewan Edisi Keempat 2017 bagi mengupas maksud, makna dan istilah disebalik perkataan atau ayat yang berkaitan dengan kajian yang dilakukan.

III. Jurnal

Jurnal dirujuk sebagai maklumat yang penting berkaitan dengan kajian berkenaan identiti, pelestarian, konsep tradisi peruncitan dan pasar tradisional, badan-badan bertanggungjawab dalam warisan budaya ketara dan sebaginya. Lazimnya, jurnal

adalah sebuah kajian yang tidak hanya tertumpu kepada satu aspek sahaja tetapi boleh menjadi umum serta menyeluruh dalam pelbagai aspek yang bersesuaian sebagai bahan rujukan.

IV. Tesis

Pengkaji telah menjadikan tesis sebagai salah satu panduan dalam menghasilkan kajian yang baik. Tesis merupakan dapatan akhir yang boleh diperoleh oleh pengkaji bagi membantu menjalankan kajian dengan lebih teratur dan mudah.

3.6 PENSAMPELAN

Pensampelan adalah proses pemilihan elemen-elemen dalam populasi kajian bagi tujuan mewakili populasi sesebuah kajian. Menurut Syahremie (2016), sampel yang dipilih perlu mempunyai sifat yang sama dengan populasi dalam penyelidikan. Proses pensampelan yang baik dan sempurna dapat membantu membuat generalisasi melalui pengujian hipotesis kajian. Tujuan pensampelan dilakukan adalah untuk mengurangkan kos membuat penyelidikan, menjimatkan masa dan tenaga penyelidik dan mendapatkan ketepatan yang maksimum serta jangkaan yang akan berlaku dalam penyelidikan. Pengkaji akan melaksanakan kaedah pensampelan jenis *Snowball* dalam melaksanakan kajian. Pensampelan jenis ini merupakan kaedah yang paling popular dalam penyelidikan kualitatif yang berpusat pada ciri-ciri rangkaian dan rujukan. Pengkaji akan bermula dengan sebilangan kecil kenalan awal yang bersesuaian dengan kriteria penyelidikan. Responden yang bersetuju untuk di temu bual kemudiannya akan mengesyorkan kenalan lain yang sesuai dengan kriteria pengkaji dan berpotensi untuk merujuk kepada pihak lain sehingga matlamat kajian tercapai data tepu. Proses ini melibatkan perkembangan rangkaian sosial yang akan semakin meningkat (Parker, 2019). Menurut Johnson (2014), pensampelan *Snowball* ialah kaedah pemilihan sampel tinjauan yang terkenal dan bukan kebarangkalian yang biasa digunakan untuk mencari populasi tersembunyi. Kaedah ini bergantung pada rujukan daripada responden sampel awal kepada orang lain yang dipercayai mempunyai ciri-ciri yang perlu oleh pengkaji. Had pendekatan ini termasuk prosedur pemilihan bukan rawak, pergantungan pada pertimbangan subjektif pemberi maklumat dan sebagainya. Oleh itu, beberapa responden telah dikenalpasti bagi menjawab objektif yang telah ditetapkan dalam kajian. Sebanyak lapan orang responden dipilih dan dibahagikan

mengikut tiga kategori. Kategori pertama adalah dalam kalangan komuniti yang mempunyai kemahiran secara mendalam bagi menjawab objektif pertama, responden kategori kedua adalah daripada wakil badan bukan kerajaan (NGO) yang mempunyai pengetahuan bagi menjawab objektif kedua dan kategori responden ketiga adalah wakil badan kerajaan bagi menjawab objektif terakhir kajian. Kesemua responden ini telah menjawab objektif kajian dan data dilapangan berhenti pada temubual responden ke lapan kerana telah mencapai tahap tepu.

3.7 ANALISIS DATA

Analisis maklumat atau data adalah proses yang sistematik yang dijalankan oleh pengkaji bagi menghasilkan dapatan kajian secara kaedah yang ringkas dan mudah difahami. Seterusnya, analisis maklumat atau data turut melibatkan pelbagai proses seperti mengurus, mensintesikan data, mengkaji hasil dapatan kajian serta menginterpretasikan hasil dapatan kajian. Di samping itu, analisis data turut melibatkan proses yang memperinci tenaga atau usaha formal untuk memperolehi tema serta merumuskan hipotesis iaitu seperti yang disarankan oleh maklumat sebagai satu usaha untuk membantu dalam penghasilan hipotesis serta tema tersebut (Mostafa & Kourosh, 2016). Kaedah ini membolehkan pengkaji menggunakan teori yang telah ditetapkan untuk proses pengumpulan maklumat yang terperinci. Berikut merupakan kaedah atau teknik menganalisis maklumat digunakan oleh pengkaji:



Rajah 3: Fasa Analisis Tematik

Sumber: Braun & Clarke (2006)

Peringkat pertama adalah membiasakan diri dengan data kajian. Setiap perkataan dalam kandungan temu bual atau ucapan daripada responden perlu ditranskripsikan dengan ejaan yang betul dan fasa ini merupakan salah satu fasa yang paling ketara dalam kajian kualitatif interpretatif. Setiap tanda bacaan boleh mengubah maksud daripada kandungan asal ayat. Walaupun proses ini memakan masa, terjemahan dalam bentuk teks perlu dilakukan sepenuhnya dengan teliti agar data dapat memenuhi keperluan kajian. Pengkaji akan membaca berulang kali teks secara berkala agar semua aspek dalam dapatan data dapat dikeluarkan dengan baik sebelum beralih kepada proses seterusnya. Corak awal dalam peringkat ini adalah dengan membaca idea yang berkemungkinan mempunyai persamaan. Malahan, melalui pemeriksaan data corak yang dikeluarkan makna tertentu dalam tulisan secara beransur-ansur akan muncul. Kemudian, data lisan harus diubah menjadi manuskrip yang terhad tatabahasanya dan boleh difahami oleh pengkaji sahaja berkenaan maksud data tersebut apabila dirujuk semula.

Selain itu, peringkat kedua adalah menjana kod permulaan. Pengkaji akan mencipta senarai awal idea yang berkaitan dengan data bagi memudahkan susunan data ke dalam kumpulan penting. Kod yang digunakan boleh menjadi makna tersurat atau

tersirat yang berkaitan dengan bahagian paling asas data atau maklumat mentah dan boleh dinilai dengan cara yang bermakna melalui kejadian fenomena yang berlaku. Kod yang digunakan oleh pengkaji bergantung pada jenis soalan tertentu yang telah dibentuk. Proses ini dilakukan secara sistematik bagi mengenal pasti aspek penting dalam data yang mungkin atau mungkin tidak berulang dalam data. Kod digunakan juga akan menjadi bilangan tema yang berpotensi tinggi bagi memenuhi maklumat kajian. Pengkaji menggunakan kaedah nota jidar dengan warna atau kad yang berbeza untuk menulis kod untuk memudahkan pengkaji akses kepada data mentah setiap kali merujuk kepada teks untuk kodkan kemudian.

Seterusnya, peringkat ketiga adalah mencari tema. Tema akan dicari setelah kod awal dibentuk yang mempunyai senarai panjang kod-kod yang berbeza dan pengkaji akan memberi nama untuk setiap set menuliskan penjelasan ringkas secara ringkas. Kemudian, kod akan disusun mengikut hubungan antara kod lain, tema dan tahap tema yang berbeza.

Peringkat keempat adalah mengkaji tema. Prinsip asas tema perlu dinyatakan agar data di dalam tema mempunyai kaitan yang bermakna antara satu sama lain dan tema seharusnya dapat dibezakan. Pengkaji akan merujuk tema awal walaupun terdapat sesetengah daripadanya tidak benar-benar tema atau tidak mencukupi kod yang telah diekstrak bagi setiap tema dan akan dinilai sama ada kod ini dapat membentuk corak yang konsisten. Langkah seterusnya, pengkaji akan mempertimbangkan kesahihan tema berkenaan yang menepati keseluruhan data kajian. Analisis akhir dan berulang akan dilakukan untuk mencapai kesimpulan daripada fasa sebelumnya sehingga mendapat data yang tepu.

Peringkat seterusnya adalah mentakrif dan menamakan data. Dalam proses ini pengkaji akan mentarifkan tema dalam fasa ini dan menyemak serta memperhalusinya semasa menganalisis. Pengkaji akan mendapatkan perkara yang diperkatakan oleh tema dan aspek data yang diliputi oleh tema yang telah ditetapkan. Sebagai tambahan, pengkaji harus menafsirkan kandungan data, menentukan perkara yang menarik mengenai data dan cara ia menjadi penting dalam kajian. Justeru, pengkaji akan menentukan sama ada setiap tema mempunyai subtema atau tidak setelah proses menilai semula data dilakukan. Pengkaji juga akan menentukan tema dan bukan tema pada penghujung setiap fasa. Ia bermaksud pengkaji mesti meringkaskan skop dan kandungan setiap satunya dalam kira-kira dua ayat sahaja. Penamaan tema dilakukan

selepas menentukannya dan hendaklah jelas, tepat serta dapat memindahkan kepada pembaca perkara tema itu dengan mudah dan cepat.

Peringkat akhir adalah menghasilkan laporan. Setelah tema yang baik dilakukan proses akhir adalah menulis laporan dengan skop tema yang dinyatakan tepat, konsisten, logik dan tanpa pengulangan ayat. Menurut Morse (1995), intipati dalam laporan meliputi mengenali dan menyenaraikan data kognitif atau pemerhatian, gabungan data dan pola yang berkaitan menjadi unit yang bermakna berdasarkan hubungan dengan unit yang lebih besar yang dikenali sebagai tema, mengenal pasti subtema dan menentukan cara ia berhubung kait dengan corak dan tema. Kemudiannya, sintesis beberapa tema kecil untuk mendapatkan data sokongan dan merumuskan frasa tema atau pola untuk lebih banyak pengesahan semula fenomena kajian yang lengkap dan sempurna.

3.8 PENUTUP

Secara keseluruhan, bab ini membincangkan berkenaan metodologi kajian yang menjadi keutamaan terhadap setiap kajian yang dilaksanakan. Pemilihan dan penyusunan metodologi kajian yang baik dengan kajian yang dilakukan sangat membantu pengkaji dalam menghasilkan sebuah kajian yang selari dengan usaha yang telah dilakukan sepanjang proses mendapatkan data dan maklumat berkenaan dengan kajian. Selain itu, teori rangka kerja, reka bentuk kajian, unit analisis, teknik pengumpulan data yang terbahagi kepada sumber primer dan sekunder, persampelan, jenis kaedah kajian dan analisis data adalah aspek yang merangkumi proses metodologi. Oleh hal yang demikian, teknik pengumpulan data serta penganalisisan data yang berkesan terhadap kajian yang dilakukan perlu diberi perhatian yang mendalam agar dapat dilaksanakan dengan terperinci dan teliti supaya kajian dihasilkan adalah sempurna.

BAB IV

DAPATAN KAJIAN

4.0 PENGENALAN

Dalam bab ini pengkaji telah mengulas dengan lebih terperinci menggunakan beberapa kaedah kajian yang telah digunakan. Hasil dapatan kajian adalah berdasarkan objektif yang telah dikemukakan oleh pengkaji. Segala maklumat yang terkumpul dan dicatat adalah bertujuan untuk menjawab semua objektif kajian yang saling berkait rapat supaya kajian ini tidak tersasar daripada tujuan utama. Proses temubual telah dilakukan dengan responden yang berkenaan untuk melengkapkan kajian ini. Kajian mengenai pelestarian Ottu Kadai sebagai identiti warisan budaya bagi masyarakat India di Little Indian, George Town mempunyai objektif yang tersendiri yang perlu dicapai agar kajian yang dijalankan berjaya dan memberikan manfaat kepada masyarakat secara umum. Di samping itu, kajian ini turut mempunyai skop dan batasan tersendiri agar pengkaji dapat memfokuskan kepada beberapa objektif sahaja. Kaedah yang telah digunakan dalam kajian ini ialah kaedah kualitatif yang bertujuan untuk mendapatkan data-data yang lebih terperinci mengenai objektif kajian yang telah ditetapkan. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti konsep warisan Ottu Kadai, mengkaji usaha mengekalkan Ottu Kadai sebagai warisan budaya bagi masyarakat India di sana dan menganalisis peranan pihak berkepentingan dalam memastikan pelestarian warisan Ottu Kadai ini dalam masyarakat India di Little India, George Town.

4.1 DEMOGRAFI INFORMAN

Seramai lapan orang informan ditemubual bagi menjawab objektif kajian yang telah ditetapkan. Informan-informan tersebut akan dibahagikan kepada tiga kategori utama iaitu empat informan daripada komuniti setempat, dua informan daripada badan bukan kerajaan (NGO) dan dua informan daripada badan kerajaan. Kategori satu akan memenuhi dapatan jawapan objektif pertama dan kategori satu, dua dan tiga akan menjawab objektif kedua seterusnya informan kategori tiga akan memenuhi keperluan objektif terakhir. Kategori satu informan terdiri daripada latar belakang sebagai perniaga Ottu Kadai dan merupakan komuniti orang India di George Town. Antaranya ialah informan pertama iaitu Encik Duraisingam yang merupakan pemilik Ottu Kadai dan komuniti India yang masih aktif menjalankan perniagaan berkonseptan Ottu Kadai

di kawasan Little India. Selain itu, informan kedua iaitu Encik Jaya merupakan seorang perniaga dan pegawai keselamatan di Heritage Club yang merupakan komuniti India dan mempunyai pengetahuan tentang warisan Ottu Kadai serta Encik Mydin yang merupakan seorang perniaga bubur kacang yang bersebalahan dengan pemilik Ottu Kadai sejak lebih 100 tahun iaitu Encik Ali Khan yang menjalankan perniagaan ini sejak turun-temurun oleh generasinya. Kategori informan ini akan difokuskan kepada dapanan objektif pertama bagi mengetahui tentang konsep sebenar Ottu Kadai sebagai warisan ketara bagi masyarakat India .

Bagi kategori dua, informan terdiri daripada Encik Clement Liang merupakan ahli aktif Penang Heritage Trust yang berjawatan PHT *Treasurer*. Beliau juga merupakan pengurus Persatuan Pelancongan Pulau Pinang dan telah menjadi ahli PHT selama 20 tahun. Beliau berpengalaman dalam aspek pelancongan warisan dan aktif sebagai penyelidik serta konservasi warisan. Di samping itu, Puan Amalina daripada George Town Heritage Incorporated (GTWHI) merupakan pembantu pemantauan pembangunan sekeliling yang bertanggungjawab memelihara warisan khusus di Tapak Warisan Dunia, UNESCO. Beliau berperanan dalam memastikan pelestarian badan NGO terhadap warisan dimainkan dengan lebih berkesan. Seterusnya, informan daripada kategori ketiga antaranya adalah Puan Mushirah sebagai arkitek di Jabatan Konservasi Warisan, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Puan Elizabeth Cardosa Bahagian Daftar Warisan daripada Jabatan Warisan Negara (JWN) yang berperanan dalam melestarikan warisan di peringkat tempatan, negeri dan persekutuan. Setiap informan daripada kategori ini akan menjawab keseluruhan objektif yang telah ditetapkan oleh pengkaji dalam kajian ini.

4.2 KONSEP WARISAN OTTU KADAI DI LITTLE INDIAN, GEORGE TOWN

4.2.1 Sejarah dan Perkembangan Taburan Ottu Kadai Kini

Menurut A.F Bakri, et.al., (2014) Little India di George Town dan Klang mempunyai persamaan yang sama dari aspek sistem bahasa, sosial dan ekonomi. Jalinan ini juga membentuk hubungan yang rapat dalam objek warisan ketara atau warisan tidak ketara berbanding masyarakat India-Muslim lain di Malaysia (Chako, E & Cheung I, 2006). Sejarah mengenai objek warisan Ottu Kadai dikaitkan dengan taksiran dan penggunaan istilah bahasa India oleh penduduk setempat. Ottu Kadai dikenali lebih sinonim dengan kedai bergerak atau tersangkut yang bertapak diatas tanah. Kepentingan Ottu Kadai ini adalah menyediakan barang keperluan asas kepada

penduduk di sekitar kawasan berkenaan melalui kaedah penjualan tersendiri. Rentetan sejarah kemunculan Ottu Kadai ini masih belum mempunyai kesahihan yang jelas namun sejarah kebudayaan India telah wujud dan diwarisi oleh beberapa aspek termasuk sosio-ekonomi masyarakat ini (Jai B.P. Sinha & Rajesh Kumar, 2004). Hal ini disokong oleh informan temubual 1 yang menyatakan kemunculan perniagaan Ottu Kadai bermula daripada generasi bapanya pada tahun 1963 sehingga 1965. Setelah waris bapanya meninggal dunia, Ottu Kadai diteruskan oleh pemilik kini sehingga sekarang (Informan 1, 2023).

Menurut pernyataan di atas, kemunculan Ottu Kadai adalah sekitar tahun 1963 atau lebih pada tahun 1960 berikut dimana para pedagang India datang ke Tanah Melayu menjalankan perniagaan berdasarkan Ottu Kadai secara turun-temurun. Pada tahun 1930 sehingga 1940-an kemasukan pedagang daripada India telah berhijrah ke Tanah Melayu bersama-sama membawa warisan budaya mereka dan telah menurunkan kemahiran perniagaan berdasarkan Ottu Kadai ini kepada generasi-generasi seterusnya (S.Gill, N.Gopal, et.al., 2017). Oleh itu, perkembangan sejarah Ottu Kadai dilihat secara jelas pada era penjajahan Tanah Melayu sebelum merdeka lagi dengan taburan Ottu Kadai disekitar George Town pada ketika itu. Seperti yang dinyatakan oleh informan dua: “*Dulu dia besar, lepas dia British mai kecil dah. Masa tu besar. Bapak dia...satu Pulau Pinang ada. Tapi sudah kurang lah...*” (Informan 2, 11 September, 2023, Kajian Lapangan)

Pernyataan daripada informan dua menjelaskan bahawa, kemunculan awal perniagaan Ottu Kadai pada awalnya ada gerai berstruktur besar. Namun, saiznya semakin kecil apabila penjajah British menjajah Tanah Melayu pada ketika itu. Taburan Ottu Kadai pada asalnya sangat banyak tetapi jumlah perniagaan ini semakin berkurangan ekoran beberapa faktor yang telah memberi kesan kepada warisan ini.

“Dulu banyak...sekarang ni...mereka punya waris takdak. Aaa...mereka tak bawak...pasal tak dapat warganegara. Lagi satu tak dapat ic merah pon tak dapat. Pasal tu mereka...apa kata...sedih lah. Ha sekarang sikit. Dulu jalan ini saja saya ingat dekat-dekat 5 kalu. Yang lain-lain-lain ka semua ada 2 atau pon 3.”

(Informan 3, 11 September 2023, Kajian Lapangan)

Pernyataan diatas juga menjelaskan kemunculan kuasa penjajah pada era Perang Dunia ke-2 bukan sahaja membawa warisan budaya pedagang luar ke Tanah Melayu tetapi juga mempengaruhi perkembangan taburan Ottu Kada di sekitar George Town dan Pulau Pinang. Faktor kekuasaan Barat di George Town dilihat telah mengawal dan menghadkan jumlah dan saiz Ottu Kadai. Namun begitu, setelah mencapai kemerdekaan taburan Ottu Kadai dilihat telah berkurangan ekoran pembangunan dan kemajuan yang dibangunkan di sekitar kawasan tersebut yang telah menghilangkan jumlah bilangan Ottu Kadai di George Town (Sofia, 2015).



Gambar 4.1: Bersama Pemilik Ottu Kadai

Sumber: Kajian Lapangan, 2023

Berdasarkan nota lapangan 2 Ogos 2023, bilangan Ottu Kadai dilihat berkurang di jalan-jalan utama sekitar kawasan Little India dengan penemuan hanya 1 ke 2 buah kedai sahaja yang masih beroperasi pada ketika itu. Taburan Ottu Kadai juga sukar untuk dikenali seperti dulu kerana keadaan sekeliling yang membangun dan kedudukannya yang tidak strategik. Kebayangan pemilik perniagaan Ottu Kadai yang telah bermastautin di Tanah Melayu sebelum merdeka lagi disebabkan faktor penarik penjajah yang membawa masuk buruh India bagi memenuhi keperluan ekonomi pada ketika itu. Setelah mencapai kemerdekaan di Tanah Melayu mereka menetap secara tetap bersama-sama kebudayaan mereka yang kekal sehingga ke hari ini (Sinha, 2004). Hal ini disokong oleh informan 4 yang menyatakan pergerakan orang India yang mula bergerak untuk bertapak di Tanah Melayu setelah perkembangan perindustrian yang pesat selepas kuasa penjajah berundur dan memberikan kemerdekaan kepada negara.

“So, dulu banyak apa...ni semua banyak wang, so negara okay...last semua...generation yang lama-lama semua dah meninggai. Area ini banyak dulu area orang-orang daripada India, Tamil Nadu. So, orang-orang kampung saya...saya beranak di India. Umoq saya empat, saya mai sini...saya naik kapal Rajula. Umoq saya empat, sebelum saya mai...bapak saya dah mai dah. Sebelum bapak saya dah mai, tok saya dah mai dah. Tok saya maid ok Batu Ferringhi, bapak saya dok sini lah. So, saya mai saya do kapa Masjid Melayu. La, saya ada bawak anak perempuan...bini saya dengan anak perempuan mai dok sini juga lah.”

(Informan 4, 27 September 2023, Kajian Lapangan)

Tambahan lagi, menurut informan 4, kedatangan masyarakat India pada era kolonial ketika itu adalah kebanyakan daripada masyarakat India, Tamil Nadu yang banyak menetap di Selatan India. Selain didorong oleh kuasa Barat, kedatangan pedagang daripada India juga didorong oleh kekuatan ekonomi di Asia Tenggara yang berkembang pesat. Kebanyakan mereka menggunakan jalan air sebagai kaedah pengangkutan utama ke Tanah Melayu dan menetap di kawasan Pelabuhan George Town suatu ketika dahulu. Dorongan ini membawa kepada perkembangan generasi warisan budaya masyarakat India bertapak lebih awal dengan menjalankan perniagaan-perniagaan secara turun-temurun (Su Ann, 2016).

4.2.2 Saiz dan Keluasan Binaan



Gambar 4.2: Saiz dan Keluasan Binaan Ottu Kadai**Sumber:** Kajian Lapangan, 2023

Berdasarkan gambar 4.2, struktur dan keluasan binaannya adalah kecil bersamping dengan gerai-gerai jualan lain. “Ottu” bermaksud bergerak atau tersangkut dalam taksiran masyarakat India tempatan dan “Kadai” yang merupakan kedai yang didirikan di atas tanah. Istilah perkataan ini berasal daripada perkataan bahasa India yang telah digunakan oleh masyarakat untuk memperjelaskan keadaan atau sifat Ottu Kadai tersebut. Secara amnya, Ottu Kadai dikenali sebagai gerai-gerai penjaja kecil yang melekat pada bangunan besar serta berada di sekitar jalan-jalan utama George Town dengan saiz dan keluasan sekitar 3 meter panjang dan 1.5 lebar yang berstruktur seperti pondok. Keberadaan Ottu Kadai disepanjang jalan ini adalah bertujuan memudahkan pembeli membeli barang secara pandu lalu (Berita Harian, 2015). Menurut De Shadelvi (2017), keadaan Ottu Kadai yang kecil ini memudahkan struktur binaan gerai ini bertapak di sekitar George Town kerana keadaan jalan-jalan utama yang sibuk menyebabkan pengguna pada ketika itu bergantung sepenuhnya kepada Ottu Kadai. Hal ini telah mewujudkan tradisi peruncitan yang unik pada warisan berkenaan.

4.2.3 Kumpulan Sasaran

“Haaa...kebanyakan depa suka. Mai moto...hey ni mai satu
satu...mai surat khabar satu. Kalau you pi kedai runcit tu asing. Kedai
runcit asing haaa...dia lagi banyak lagi. Dulu you sejarah...’Ottu Kadai’
tu kit aini lekat dengan bangunan besar...Di sebelah di akita lekat
dengan dia. So, kita Ottu-Ottu kita orang. Bersampingan. So, haaa
melekat haaa...so, tu kita panggil ‘Ottu-ottu Kadai’...’Ottu Kadai’
haaa macam tu...”

(Informan 1, 11 September 2023, Kajian Lapangan)

Menurut pernyataan daripada informan 1, Ottu Kadai dikenali sebagai sebuah kedai runcit kecil atau gerai yang bertapak dan berdamping dengan struktur bangunan lain. Rata-rata pelanggan yang membeli barang daripada Ottu Kadai menggunakan sebuah kaedah seperti pandu lalu dimana pembeli menyatakan barang yang ingin dibeli tanpa perlu turun daripada kenderaan. Perbezaan Ottu Kadai dengan kedai runcit biasa adalah dari aspek penjualan barang dan saiz kedai tersebut. Kedai runcit

menawarkan perkhidmatan dan jualan berskala besar manakala Ottu Kadai hanya menjual barang asas kepada umum. Keadaan binaan pada struktur bangunan Ottu Kadai bukan sahaja memudahkan para pelanggan membeli secara pandu lalu tetapi turut memudahkan urusan jual beli berhampiran jalan-jalan utama serta mengurangkan kesesakan lalu lintas (Berita Harian, 2015).

4.2.4 Barang Jualan



Gambar 4.3: Barang Jualan Ottu Kadai

Sumber: Kajian Lapangan, 2023

Seterusnya, berdasarkan gambar 4.3 perbezaan secara jelas pada Ottu Kadai dan kedai runcit biasa boleh dilihat pada hasil jualan perniagaan yang dijalankan oleh mereka. Ottu Kadai sinonim dengan barang keperluan asas sahaja manakala kedai runcit dibuka dan dibina khas dan menjual pelbagai jenis barang. Malahan, dari sudut sejarah perniagaan Ottu Kadai bermula dengan menjual surat khabar sahaja sebelum menjual keperluan barang asas kepada umum. Bilangan permintaan surat khabar ketika itu sangat meningkat sehingga 2000 sehingga 3000 naskah boleh dijual pada satu hari. Namun, permintaan jualan surat khabar semakin berkurang ekoran harga surat khabar berlipat tiga kali ganda dan kemunculan keratan akhbar digital pada masa kini (Informan 1, 11 September 2023, Kajian Lapangan). Hal ini telah menyebabkan pelanggan Ottu Kadai tidak lagi hanya bergantung kepada jualan surat khabar semata-mata.



Gambar 4.4: Struktur Ottu Kadai Yang Melekat Pada Bangunan Lain

Sumber: Kajian Lapangan, 2023

Melalui pemerhatian di sekitar Jalan Little India, George Town dan nota lapangan 2 Ogos 2023, gambar 4.4 menunjukkan struktur binaan Ottu Kadai yang melekat pada bangunan di belakangnya. Kawasan laluan Lebuh Pantai, Little India ini juga mempunyai deretan bilangan gerai yang lain selain daripada Ottu Kadai yang banyak menjalankan perniagaan berdasarkan makanan. Kaedah pandu lalu pada Ottu Kadai akan berlangsung sekiranya pelanggan berhenti berhadapan kedai ini untuk membeli barang. Menurut informan 2, kedai-kedai yang terdapat disini adalah pengusaha kebanyakan daripada India yang menjalankan perniagaan secara turun-temurun seperti pengusaha rempah-ratus, tekstail, barang keagamaan dan sebagainya. Tambahan lagi, informan 3 menyatakan, istilah “Kadai” yang membawa maksud kedai atas tanah ini digunakan secara meluas oleh masyarakat India bagi merujuk sesebuah kedai atau gerai seperti Tea Kadai yang turut sinonim dalam komuniti India selepas Ottu Kadai.

4.2.5 Sasaran Pelanggan

Di samping itu, operasi perniagaan Ottu Kadai adalah pada setiap hari bermula 7:00 pagi sehingga tutup di awal pagi sekitar 2:00 pagi ekoran penawaran harga yang lebih murah serta bersifat pandu lalu bagi memudahkan urusan jual beli (Sofia, 2015). Walau bagaimanapun, operasi Ottu Kadai berubah ekoran perubahan zaman dan kemajuan teknologi kini yang turut mempengaruhi hasil jualan dan pendapatan pemilik Ottu Kadai. Menurut informan 1 dan 4 kebergantungan operasi Ottu Kadai kini adalah berdasarkan kepada hasil jualan harian. Rata-rata Ottu Kadai akan buka pada jam 9:00 pagi sehingga 10:00 malam. Melalui pemerhatian dan nota lapangan pada 10 September 2023, ada daripada Ottu Kadai tidak beroperasi pada waktu dan jam yang sama dan tutup lebih awal. Kebanyakan Ottu Kadai akan beroperasi lebih lama ketika musim-musim perayaan atau cuti umum. Jalan di sekitar Little India juga akan sesak dengan ramai orang pada waktu kemuncak sekitar 7:00 petang sehingga 9:00 malam.



Gambar 4.5: Perayaan Pongal di Little India, George Town

Sumber: Majlis Bandaraya Pulau Pinang, 2023

Berdasarkan gambar 4.5 diatas, kawasan Little India akan ramai pada waktuwaktu perayaan atau cuti umum yang berlangsung. Menurut pernyataan daripada informan 7, laluan di sekitar jalan Little India akan dipengaruhi oleh cuti umum dan perayaan yang akan berlangsung di kawasan tersebut dengan jumlah peningkatan pelancong luar secara drastik pada satu-satu masa. Ottu Kadai dilihat banyak menyediakan perkhidmatan dan jualan secara terus kepada keadaan peningkatan orang ramai di kawasan tersebut yang akan meningkatkan kadar jualan dan pendapatan pemilik Ottu Kadai. Kebergantungan ini menyebabkan Ottu Kadai harus bertahan

walaupun menerima persaingan yang sengit di sekitarnya. Walau bagaimanapun, keadaan ini juga membawa impak positif dalam kelangsungan Ottu Kadai di kawasan Little India tersebut.

”So, I run the shop buat pada dulu lah. Kira la, you know lah...competitions banyak, kedai supermarket ada ini...so business slow down lah. But at least managed to survived lah. Kira survival lah orang kata. Ikot-ikot sapa pon takmau lah buka kedai lagu ni. Alah sakit otak kata, nak niaga pon slow. So, profit apa income apa % memang...memang sikit. Around 5% -10%. Usually, 10% lah. 10 to 20. Averaged boleh bagi macam 6-7% averaged. Tak sunyi sepi. Okay macam mana...berkurangan banyak lah. Orang selalu datang pon...paling kurang pon 50%. Orang lalu lalang 50%. So, business pon down juga.”

(Informan 4, 27 September 2023, Kajian Lapangan)

Namun begitu, menurut pernyataan daripada informan 4, persaingan yang sengit daripada perniagaan yang menjual dan menyediakan perkhidmatan barang asas berskala besar telah menyukarkan penggekalan Ottu Kadai untuk bertahan lebih lama di Jalan Little India. Kadar keuntungan yang diperolehi sebanyak 5% sehingga 10% akibat pengurangan sebanyak 50% daripada penduduk sekitar George Town melalui Jalan Little India dari masa ke masa. Hal ini memberi kesan negatif kepada perniagaan Ottu Kadai di kawasan Little India. Di samping itu, informan 4 turut menjelaskan perubahan keadaan perniagaan Ottu Kadai tidak mempunyai ahli untuk terus menjalankan perniagaan sedemikian akibat peluang pekerjaan dan gaji yang setimpal di India berbanding di sini. Oleh itu, perniagaan Ottu Kadai akan semakin berkurangan dan hilang akibat ketiadaan pewaris yang berminat untuk meneruskan perniagaan berkenaan.

4.2.6 Struktur Penggunaan Perniagaan

Keunikan Ottu Kadai ini bukan sahaja sebagai objek warisan budaya yang dekat dengan masyarakat India tetapi turut mempunyai identiti tersendiri. Masyarakat India sangat terkenal dengan menjalankan aktiviti perniagaan secara turun-temurun dan terkenal dengan sifat yang dekat dengan konsep perniagaan mereka seperti jualan

rempah-ratus atau tekstil. Kemudahan yang disediakan oleh perniagaan Ottu Kadai bukan hanya bertujuan untuk memudahkan para pelanggan untuk membeli barang jualan namun turut memastikan perniagaan ini sentiasa menjadi pilihan pengguna utama yang berada disesbuah kawasan tertentu (Informan 4, 2023). Secara umumnya, mereka menjalankan perniagaan yang bersifat bersama dimana melibatkan ahli keluarga dalam perniagaan pemilikan (Su Ann, 2016). Konsep tersebut amat dekat dengan masyarakat India yang telah monopoli bidang perniagaan sedemikian dalam kehidupan seharian komuniti India terutamanya di Little India, George Town.

“Lain-lain tempat mesti ada. Macam mana...macam n lah taktau lah Kedah ka tang mana ka...jalan besaq...dekat ah belakang-belakang ni ada rumah...depa tak berniaga macam mana di Indonesia di Aceh. Dalam rumah...di bawah tu perjuai lah...rokok ka apa ka...macam shop houses an...tapi dia konsep Ottu Kadai ni lah. Konsep depa berniaga apa...rokok macam mana saya juai barang-barang macam ni tu ja benda kecik lebih kurang tang situ lah depa berniaga. Aaa...apa dia saya bilang...ha macam Klang, memang takdak lah. Saya besa duduk dalam 40 years back...saya besa dah dok Klang. Takdak...takdak Ottu Kadai...mmm...memang takdak lah. Saya tak besa jumpa Ottu Kadai.”

(Informan 4, September27 2023, Kajian Lapangan)

Pernyataan informan 4 menjelaskan kedai yang berhampiran jalan atau rumah kedai lain boleh dianggap menggunakan konsep Ottu Kadai dalam aspek tertentu bergantung kepada kesesuaian terma yang diguna pakai. Menurut Sofia (2015), Ottu Kadai boleh ditemui di Little India Klang di Kuala Lumpur tetapi pada masa kini jumlahnya tidak kelihatan akibat kepupusan dan pembangunan pesat di kawasan tersebut. Namun begitu, menurut informan 4, sepanjang menetap di Klang selama 40 tahun Ottu Kadai tidak pernah dijumpai dan hanya terdapat di Pulau Pinang sahaja. Pernyataan diatas telah menjelaskan kebarangkalian konsep Ottu Kadai ini diaplikasi daripada sesetengah pihak pada gerai atau kedai runcit yang seperti Ottu Kadai.



Gambar 4.6: Kaedah Membeli Barang Secara Pandu Lalu

Sumber: Kajian Lapangan, 2023

Seterusnya, perbezaan konsep Ottu Kadai hanya digunakan pada gerai atau kedai kecil yang bertapak di tepi-tepi jalan yang menjual barang asas secara pandu lalu. Kaedah pandu lalu perlu ditekankan dalam konsep Ottu Kadai yang dapat membezakan gerai atau kedai-kedai yang lain daripada Ottu Kadai yang asal. Berdasarkan gambar 4.6, konsep Ottu Kadai mempunyai tiga penekanan utama iaitu pembeli akan membeli barang secara pandu lalu, pelanggan tidak turun daripada kenderaan dan gerai atau kedai kecil tersebut mesti melekat pada bangunan lain. Melalui kaedah pemerhatian dan nota lapangan pada 10 September 2023, konsep Ottu Kadai masih wujud di kawasan deretan kedai-kedai di Jalan Little Indian, Lebuh Pantai, George Tow. Walaupun struktur jalan sempit dan sesak pada waktu tertentu konsep ini masih diguna pakai dan kekal hingga ke hari ini. Oleh itu, terma ‘pandu lalu’ berkemungkinan digunakan secara meluas berdasarkan keadaan atau faktor tertentu pada struktur perniagaan lain. Walau bagaimanapun, konsep pandu lalu yang dikaitkan pada Ottu Kadai membezakan sifatnya daripada objek atau kebendaan lain.

“Macam belah kedah mungkin depa ada Ottu Kadai tapi depa tak sebut lah Ottu Kadai mungkin depa ada warung. Warung teh. Dia ada warung teh, dia tepi jalan belakang sungai ka apa...nak buat rumah...hutan ka apa ka...dia belakang sikit ja. So belakang pon boleh jalan pi. Yang tu dia juai teh kop, orang nak minum teh, bagi yang rokok. Dia pon macam mana konsep Ottu Kadai lah tapi barang yang di juai tu tak sama macam asal saya juai lah. But, they seen warung kedai. Warung kedai aaa...haaa...dia tak Ottu tapi dia boleh kata Poti. Warung Poti. Warung tak boleh lah...warung maknya kedai...kedai-kedai kecik lah...Poti kedai small. Perniagaan kecik,

perniagaan kecik. Warung pon kecik-kecik punya. So, konsep tu sama. Sana depa panggil warung sini depa panggil Poti ka, Ottu ka...”

(Informan 4, September 27 2023, Kajian Lapangan)

Tambahan lagi, menurut informan 4, perbezaan Ottu Kadai dan kedai-kedai lain boleh dilihat daripada penjualan barang kedai tersebut dan konsep yang dilakukan. Tidak semua kedai seperti Ottu Kadai mempunyai konsep sama yang boleh dianggap sebagai ‘kedai bergerak’ atau ‘tersangkut’ oleh masyarakat. Secara amnya, Ottu Kadai tidak menjual barang seperti kedai runcit yang lain atau kedai-kedai seakan dengannya tetapi bergantung kepada penilaian masyarakat untuk mengklasifikasikan kedai atau gerai tersebut untuk disandarkan dengan konsep tertentu. Menurut informan 1 pula, perbezaan Ottu Kadai dan kedai-kedai yang lain secara ketara adalah konsep ‘*pass by*’ yang berlangsung semasa jual beli barang di gerai tersebut. Dalam teori identiti sosial daripada Henri Tajfel (1979) telah menjelaskan sifat ketara yang ditonjolkan dalam sesbuah kumpulan minimum cenderung untuk memihak kepada anggota kumpulan mereka sahaja berbanding kumpulan lain walaupun tersebut telah ditentukan secara sewenang-wenangnya.

Hal ini bermaksud konsep Ottu Kadai ini telah menjadi sebahagian daripada identiti masyarakat India yang bersama-sama bersetuju bahawa objek tersebut merupakan sebahagian daripada identiti mereka. Dalam teori ini juga berkait rapat dengan identiti sosial yang mempunyai implikasi dalam memahami fenomena sosial termasuk pengaruh sosial (D. Abrams, 2001). Konsep Ottu Kadai telah mewujudkan pembentukan identiti sosial dalam pengkategorian diri dan perbandingan sosial yang menghasilkan akibat daripada perakuan bahawa objek tersebut berbeza atau mempunyai kelainan yang ketara dalam sistem sosial dan diperakui sebagai hak milik masyarakat tertentu (Stets, J.E., & Burke, P.J., 2000). Menurut informan 1, Ottu Kadai diasaskan oleh masyarakat India dan perlu diteruskan oleh generasi mereka. Pengenalan konsep Ottu Kadai adalah daripada masyarakat India yang menjalankan perniagaan ini sendiri serta diperakui oleh masyarakat India itu tentang kewujudan dan kaedah jual beli yang terdapat padanya.

“Seksyen 67, Akta Warisan Kebangsaan 2005 [Akta 645] menjelaskan: Pengisytiharan Warisan Kebangsaan.

67. (1) Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam Warta, mengisyiharkan mana-mana tapak warisan, objek warisan, warisan kebudayaan di bawah air yang disenaraikan dalam Daftar atau mana-mana orang yang hidup sebagai suatu Warisan Kebangsaan.

- (a) kepentingan sejarah, hubungan dengan atau perhubungan dengan sejarah Malaysia
- (h) gambaran bentuk suatu tapak atau objek sebagai sebahagian daripada kelas atau jenis suatu tapak atau objek; dan
- (i) apa-apa perkara lain yang berkaitan dengan penentuan warisan kebudayaan yang penting”

(Informan 8, 18 Disember 2023,Kajian Lapangan)

Berdasarkan pernyataan informan 8, untuk mendefinisikan sesuatu objek warisan tersebut sebagai warisan yang mempunyai identiti tertentu, terdapat justifikasi menyeluruh berkenaan objek warisan yang dikategorikan mempunyai identiti tertentu kepada sesebuah kaum antaranya terdapat hubungan sosial atau kebudayaan. Dalam teori identiti sosial telah menjelaskan bagaimana sebuah konsep dapat memberi kesan rasa kepunyaan dalam sistem sosial dan melihat ia sebagai kategori sosial yang berbeza daripada yang lain. Teori dan justifikasi daripada informan 8 di atas mempunyai hubung kait yang jelas tentang konsep Ottu Kadai tersebut yang dilihat berbeza dalam asas perniagaan dan diperakui sebagai objek warisan bagi sesebuah masyarakat. Oleh itu, teori ini telah berjaya menjelaskan bagaimana konsep Ottu Kadai ini mempunyai hubungan sosial dan kebudayaan yang telah menyumbang kepada pembentukan identiti kepada masyarakat India.

4.3 USAHA MENGEKALKAN OTTU KADAI SEBAGAI WARISAN BUDAYA MASYARAKAT INDIA DI SANA

4.3.1 Perniagaan Berasaskan Pewaris dan Pemilik

Ottu Kadai adalah sebuah gerai atau kedai yang kecil yang bertapak diatas tanah disamping melekat pada bangunan lain. Asas perniagaan Ottu Kadai adalah secara pemilikan dalam erti kata lain diperturunkan oleh generasi-generasi terdahulu. Kebanyakan Ottu Kadai menjalankan perniagaan barang asas keperluan harian namun terdapat juga Ottu Kadai yang menjual barang makanan seperti sireh, makanan ringan dan sebagainya. Industri perniagaan tradisional yang dijalankan memberi sumbangan yang besar kepada ekonomi sesebuah negeri. Terdapat juga pelbagai tradisi peruncitan yang telah didominasikan oleh pelbagai bangsa termasuk

masyarakat India dalam perniagaan berasaskan Ottu Kadai (Rahaya Wan Idris, et.al., 2019). Perniagaan Ottu Kadai secara warisan ini adalah bertujuan untuk memastikan keaslian dan kelangsungan konsep Ottu Kadai pada komuniti ini menjadi sebahagian daripada objek warisan di Tapak Warisan Dunia.

Menurut informan 1 dan 2, perniagaan Ottu Kadai perlu dilepaskan atau diperturunkan oleh generasi yang seterusnya bagi memastikan pengekalannya di sini. Perniagaan Ottu Kadai perlu didaftarkan dan mempunyai lesen bagi memastikan Ottu Kadai dapat bertapak dengan konsep yang sama. Hak bermiaga untuk menjalankan perniagaan Ottu Kadai perlu dirujuk oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) terlebih dahulu bagi memastikan perniagaan yang dijalankan di Tapak Warisan Dunia, George Town mematuhi piawan yang telah ditetapkan. Sebarang masalah dan ubah suai milik perniagaan harus mendapat ulasan daripada MBPP bagi menyemak semula lot pemilik gerai jalanan di kawasan Ottu Kadai ini dengan segera (Informan 3, 2023). Oleh itu, tanpa lesen hak milik bersama yang sah, tapak Ottu Kadai akan ditarik balik bagi memberi ruang kepada peniaga lain bertapak atau menggunakan lot gerai tersebut sebagai perniagaan lain atau dirobohkan oleh MBPP. Hal ini bagi menjamin keaslian dan konsep objek warisan Ottu Kadai terus terpelihara.

“(2) Apabila pemunya sesuatu pegangan berkadar dalam sesuatu kawasan pihak berkuasa tempatan mati, menjadi kewajipan orang yang menjadi pemunyanya melalui warisan atau selainnya memberi notis mengenainya kepada pihak berkuasa tempatan dalam tempoh satu tahun selepas kematian itu dalam Borang J dalam Jadual Pertama kepada Akta ini. (3) Apabila diterima notis itu, pihak berkuasa tempatan boleh menghendaki dikemukakan surat cara mengenai pertukaran pemunyaan atau suatu salinannya yang diperakui”

(Akta Kerajaan Tempatan, 1976)

Pernyataan di atas disokong melalui Akta Kerajaan Tempatan (1976), dibawah notis mengenai pindah milik pengangan berkadar menjelaskan jika pemilik pengangan tersebut mati, adalah menjadi kewajiban orang menjadi pemunyanya diwariskan secara warisan kepada ahli yang berkaitan dengan pengangan tersebut. Notis mengenai pertukaran nama pengangan harus diberikan kepada pihak berkuasa tempatan dalam tempoh sekurangnya-kurangnya satu tahun selepas kematian itu dengan mengemukakan

borang yang lengkap mengikut akta ini. Setelah menerima notis berkenaan pihak berkuasa tempatan boleh mengemukakan surat cara pertukaran pemunyaan atau salinan yang telah diperakui. Oleh itu, pertukaran pemilik Ottu Kadai ini harus ditukarkan kepada pemilik waris secara warisan setelah ketiadaan pemengang pertama. Hal ini secara tidak langsung merupakan usaha dalam memastikan keberlangsungan perniagaan Ottu Kadai dan keaslian identitinya terus dikekalkan.

4.3.2 Kebenaran Berniagan dan Bertapak di Tapak Warisan Dunia, George Town

Akta dan undang-undang kerajaan tempatan dalam memberikan kebenaran kepada perniagaan berada di Tapak Warisan Dunia, George Town adalah salah satu inisiatif kerajaan negeri untuk memastikan pelestarian warisan di kawasan berkenaan. Pembangunan infrastruktur yang dilakukan adalah untuk memastikan aktiviti perniagaan dan kebudayaan tidak akan menjelaskan dan menghilangkan sejarah serta budaya yang menjadikan Tapak Warisan Dunia, George Town unik dan begitu istimewa. Pembangunan yang pernah dilakukan di kawasan ini memberikan impak kepada ekonomi yang menjadikan perniagaan di kawasan warisan merupakan tarikan utama kepada pelancong dan penduduk setempat. Namun, kelestarian warisan bersama pembangunan perlu dipertimbangkan dalam menjaga kebudayaan yang ada di tapak warisan. Usaha yang dilakukan oleh dua pihak iaitu komuniti dan badan bertanggungjawab dalam memastikan warisan Ottu Kadai ini sentiasa hidup adalah perkara positif yang harus diteruskan.

“MBPP bagi tapak asal jika ada lesen dan ic biru. Kawasan Little Indian adalah hak penyelenggaraan kepada masyarakat India oleh MBPP. MBPP akan kenakan tindakan dan undang-undang yang ketat kepada peniaga Ottu Kadai jika tanpa hak milik bersama tapak lesen”

(Informan 1, Kajian Lapangan 2023 September 11)

Menurut informan 1, kebenaran menjalankan perniagaan di kawasan Little India adalah peruntukan oleh MBPP dengan kebenaran memiliki lesen yang sah dan bertaraf warganegara. Jika tiada permit yang sah MBPP berhak menarik balik dan mengenakan tindakan atas kesalahan yang termatuk dalam undang-undang kepada peniaga. Menurut informan 2 dan 3, kebenaran ini bagi memastikan Tapak Warisan Dunia berada dalam

kelolaan yang baik tanpa sebarang isu dan masalah. Segala isu atau kerosakan di kawasan ini boleh dirujuk kepada MBPP bagi tindakan lanjut. Komuniti India di kawasan ini hanya berperanan dalam memastikan kelangsungan kebudayaan dan warisan terus kekal dan hidup di Tapak Warisan Dunia, George Town. Hal ini telah sedikit sebanyak telah menyelematkan warisan Ottu Kadai agar tidak pupus sepenuhnya. Hal ini disokong dengan penguatkuasaan undang-undang Kecil Penjaja, (1979).

“3. Di bawah undang-undang kecil ini, sesiapapun tidak boleh menjalankan perniagaan sebagai penjaja tanpa mempunyai suatu lesen yang dikeluarkan oleh Pegawai Perlesenan. 4. (1) Setiap permohonan untuk mendapatkan lesen bagi menjalankan perniagaan sebagai seoarang penjaja hendaklah dibuat secara bertulis kepada Pegawai Perlesenan dalam bentuk seperti mana yang ditentukan oleh Pegawai Perlesenan itu. 6. (1) Seseorang pemegang lesen tidak boleh menyerahak, menyewa, menyewakecil, memindahmilik atau melepaskan sebarang hak di bawah lesennya itu tanpa kebenaran bertulis diperolehi terlebih dahulu daripada Pegawai Perlesenan.”

(Undang-undang Kecil Penjaja, 1979)

Dalam akta ini telah menjelaskan bahawa kebenaran untuk menjalankan perniagaan perlu mempunyai permohonan lesen yang telah diluluskan oleh Pegawai Perlesenan. Syarat-syarat pemegang lesen perlu dipatuhi agar kebenaran bertapak dan bermiaga di kawasan Tapak Warisan Dunia mengikut piawan yang telah ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Hal ini bagi memastikan perniagaan yang dijalankan adalah sah disisi undang-undang dan memastikan keharmonian dan kesejahteraan tapak warisan dijaga dengan sebaik mungkin. Walau bagaimanapun, terdapat juga beberapa dasar yang telah dipertimbangkan juga oleh MBPP dalam memastikan keberlangsungan tapak warisan ini sentiasa dikekalkan.

“Ottu Kadai pon sama lah. So, kalau building sebelah ni pecah...dia buat building baru maybe they don't want anybody. But, disebabkan kedai-kedai macam tradition by business...UNESCO status still exist. So, bila takdak kedai-kedai macam ni...so depa tarik balik apa...heritage status. Benda tu nak jadi...nak jadi lah... a few years back. Ada sorang tu

dia...complain dekat MBPP. Dia kata apa...keta lalu lalang ni lah...so, he was interested...apa...building tepi ni nak buka kedai. So he doesn't want kedai macam ni lah. Dia try but then, NGO ada..."

(Informan 4, 27 September 2023, Kajian Lapangan)

Tambahan lagi, menurut informan 4, usaha dalam memastikan pengekalan Ottu Kadai di Little India adalah merupakan dasar MBPP untuk memastikan kedai-kedai tradisional seperti ini kekal di Tapak Warisan Dunia. Komuniti dan MBPP juga berusaha dalam memastikan status yang berikan oleh United Nations Education, Scientific and Cultural Organization (UNESCO) kepada George Town dikekalkan. Menurut informan 4 lagi, jika ketiadaan tapak dan warisan budaya di Little India, George Town ia boleh menggugat status tersebut di masa akan datang. Oleh itu, usaha komuniti setempat dan MBPP dalam memberi kebenaran bertapak dan berniaga di kawasan ini adalah penting bagi menjaga keharmonian warisan budaya dan status UNESCO tersebut. Namun begitu, usaha NGO turut memainkan peranan penting bagi memastikan perkara ini tidak terus menerima impak yang negatif kepada warisan Ottu Kadai.

"NGO saya kenai ada tu dia...dia British. Perempuan British. Saya kenai dia lama...dok sehari jumpa dia...jumpa dia saya bagi tau kat dia..ni...dia..dia..dia settled lah. Dia pi jumpa MBPP apa. Saya tak tanya lah, saya bagi tau dekat dia. Dia buat keja dia. But, saya tau dia buat keja dia I heard the guy yang selalu. Dia pi jumpa apa...orang putih. So, apa yang pi jumpa orang putih? Yang pi jumpa saya. Saya senyap lah, saya buat taktau. If not memang takdak lah kedai macam ni, tak exist lani. So now Alhamdullilah. Tapi, after my generation anak-anak apa...anak-anak saya memang tak interested lah depa tak business punya."

(Informan 4, 27 September 2023, Kajian Lapangan)

Rentetan daripada itu, pernyataan daripada informan 4 turut menjelaskan terdapat usaha sama oleh badan bukan kerajaan untuk memastikan Ottu Kadai kekal di Tapak Warisan Dunia, George Town. Penglibatan Non-government Organization (NGO) adalah bertujuan untuk memastikan keadaan pembangunan seimbang dan tidak memberi kesan kepada warisan Ottu Kadai pada ketika itu. Hal ini bagi memastikan

MBPP bertindak mengikut piawan dan undang-undang yang ditetapkan bagi memulihara objek warisan di kawasan berkenaan disamping mengekalkan status yang diberikan oleh UNESCO. Pemerhatian dan pemantauan berkala dilakukan pihak NGO untuk meninjau keadaan pembangunan di tapak-tapak berkenaan agar tidak menghapuskan sebarang objek warisan. Oleh itu, pengekalan Ottu Kadai masih dapat bertapak di kawasan Little India walaupun taburan jumlahnya sudah semakin berkurang akibat tiada pewaris untuk meneruskan perniagaan ini.

4.4 PERANAN PIHAK BERKEPENTINGAN DALAM MEMASTIKAN PELESTARIAN WARISAN OTTU KADAI BAGI MASYARAKAT INDIA DI LITTLE INDIAN, GEORGE TOWN

4.4.1 Penang Heritage Trust (PHT)

Penang Heritage Trust (PHT) adalah sebuah Badan Bukan Kerajaan yang ditubuhkan pada 1986 adalah badan kedua di dirikan selepas Badan Kerjaan berkaitan warisan ditubuhkan iaitu Jabatan Warisan Negara. PHT ditubuhkan dengan tujuan untuk memelihara dan menjaga warisan yang penting di Tapak Warisan Dunia UNESCO termasuk peninggalan bangunan warisan lama yang banyak dirobohkan bagi tujuan pembangunan semasa. Melalui Dasar Pembangunan Baru oleh kerajaan, banyak bangunan pencakar langit dibina di sekitar objek warisan yang telah memusnahkan sebilangan warisan yang ada pada kawasan tersebut. Oleh itu, peranan PHT adalah memastikan pengawalan dan pembangunan di tapak-tapak warisan terutamanya di dikawal dan diselia baik oleh semua pihak dalam memastikan pelestarian objek warisan di George Town disamping menjaga status UNESCO (Informan 5, Kajian Lapangan, 2023 Oktober 5).

“Dalam 80-an, dulu sana semuanya macam bangunan kedailah, dia architecture cantik sekali. Tapi pada masa in tak ada awareness lah. Ohh high rise rebat... high rise sini simbol moden lah. Ini lama ni, Malaysia mesti bangun mesti maju ah. Jadi, tujuan kami dirikan pada masa itu lah untuk aaa untuk orang awam lah memahami Pembangunan tidak semestinya bersama dengan bangunan tinggi. Kalau bangunan lama boleh diubahsuai, boleh diperbaiki ya... boleh di proctectnya asal tapi.. business dalamnya boleh moden. Yang ini apa cara yang dibuat di Europe, kalau

pergi ke Paris ke London bangunan lama semuanya banyak. Bangunan baru juga ada tapi jauh daripada bandar pusat ya. Ini penting, we must have the balance... we cannot destroyed semua bangunan lama...ohhh like Hongkong, Singapore tapi kalau masuk bandar ini, mungkin bersih cantik tapi dia takdak tradisi apa ni... warisan. There no identity lah. So ni bangunan lama, yang kita harus menghargai. So, there was an awareness lah... aaa... ini PHT didirikan ahh ramai ahli pada masa itu ada macam graduted dari universiti UK lah.. mereka lebih awareness lebih awal tapi lah..."

(Informan 5, Oktober 5 2023, Kajian Lapangan)

Menurut informan 5, pertubuhan badan ini pada asalnya adalah bertujuan untuk memberi kesedaran dan nasihat kepada pemaju pada ketika itu yang banyak mendirikan pembangunan di George Town yang telah memusnahkan banyak aset warisan negara. Pertubuhan ini juga adalah untuk orang awam memahami berkaitan pembangunan tidak semestinya selari atau bersama dengan bangunan pencakar langit. Keseimbangan dalam pembangunan juga harus dititiberatkan bagi memastikan bangunan warisan dan objek warisan tidak musnah. Justeru itu, pembangunan dan kemodenan yang dicapai oleh negara luar tidak semestinya hebat dan mewah pada pandangan masyarakat umum tetapi sedikit sebanyak telah memusnahkan identiti dan nilai sejarah komuniti di kawasan berkenaan. Henri Tajfel (1979) dalam teori identiti sosial menjelaskan rasa kepunyaan dalam sistem sosial yang menghasilkan impak pembentukan identiti tersendiri yang boleh dikaitkan dengan sejarah dan warisan yang terdapat di George Town mempunyai keunikan tersendiri. Oleh itu, kemusnahaan warisan tidak memajukan komuniti tersebut namun memundurkan nilai sosial dan sejarah ketamadunan yang ada pada mereka. Hal ini membawa kepada permulaan penempatan awal kepada kebudayaan yang pelbagai di Malaysia yang unik.

“Come aaa... Chinese, Indian sahaja tapi lebih banyak lagi kerana ia satu Pelabuhan bebas. Ramai orang di mana dunia semua datang ke sini. Dan mereka hidup disini bangunan mereka ni ni.. di refleks tradisi mereka kebudayaan mereka ya. Di depan corak lebih colonial Europe lah. Tapi sini masuk Chinatown... lebih Aceh sana..lebih sumatera lah. Jadi, satu jalan

ah melebihinya sejak satu apa... lingkungan budaya tak sama. So is very unique, mana ada tempat lain macam ni. So that's why we have to protect. This is a warisan dunia... bukan Penang sahaja bukan Malaysia sahaja, share for the whole world lah."

(Informan 5, Oktober 5 2023, Kajian Lapangan)

Tambahan lagi, pernyataan daripada informan 5 turut menjelaskan George Town dahulunya yang dikenali sebagai sebuah pelabuhan bebas dan terkemuka telah membawa masuk kebudayaan dan warisan daripada pelbagai kaum untuk bertapak di sini. Kebudayaan dan warisan ini telah melambangkan tradisi kehidupan mereka yang kaya dengan banyak budaya dan sejarah. Refleksi ini telah membentuk identiti dan norma budaya mereka dalam pelbagai bentuk. Hal ini dijelaskan lagi dengan hubung kait teori identiti sosial (Henri Tajfel, 1979) pada asas pembentukan identiti mengikut pengkategorian yang berbeza kepada sesebuah kumpulan. Menurut informan 5 juga, perbezaan yang ada sebuah komuniti yang membentuk budaya mereka adalah melambangkan keunikkan kehidupan mereka dan membentuk George Town sebagai sebuah kota yang berbeza daripada lain dan terus diangkat menjadi Tapak Warisan Dunia, UNESCO. Walau bagaimanapun, ditegaskan bahawa budaya yang terdapat di George Town bukan sahaja kepada komuniti di Pulau Pinang tetapi merangkumi semua masyarakat di Malaysia yang berbilang bangsa.

Peranan dan usaha yang dimainkan oleh PHT dalam mengangkat George Town sebagai Tapak Warisan Dunia adalah salah satu bentuk usaha bagi semua pihak untuk melestarikan warisan semua bangsa di kawasan ini. Hal ini juga memastikan pembangunan yang dilakukan oleh pemaju tidak dapat dilakukan sewenang-wenangnya tanpa nasihat dan pemantauan daripada pihak yang bertanggungjawab. PHT juga merupakan badan yang bertanggungjawab dalam pembentukan dan proses mengangkat George Town sebagai Tapak Warisan Dunia, UNESCO. Oleh itu, sebarang pembangunan tidak dapat dilakukan tanpa kelulusan yang sah di tapak tersebut disamping memastikan kelangsungan warisan di tapak ini terus hidup.

Penglibatan pihak berkepentingan seperti Pihak Kerajaan Negeri dan Badan-badan Bukan Kerajaan Non-profit Organization (NGO) yang berkaitan dengan pelestarian di Pulau Pinang tidak memberikan perhatian terhadap proses pemuliharaan Ottu Kadai secara efektif (De Shaldevi, 2017). Menurut informan 5, Badan Bukan Kerajaan terummatanya NGO berkaitan warisan tempatan tidak memiliki kuasa penuh

terhadap pelestarian di Tapak Warisan Negara, George Town. Peranan yang dimainkan adalah terhad susulan cabaran dan isu yang tidak dapat diselesaikan secara terus dan mengambil masa serta proses yang kompleks seperti menggalakkan komuniti bersatu dalam sebuah persatuan untuk memelihara warisan mereka tersendiri. Menurutnya lagi faktor pembangunan dan penggunaan teknologi yang pesat bukan satu halangan untuk memastikan kelangsungan warisan tersebut bertahan tetapi pertimbangan dan adaptasi yang seimbang pada warisan perlu diutarakan agar dapat melestarikannya di masa akan datang. Hal ini demikian telah mencetuskan strategi penyelesaian berkaitan isu dan cabaran yang dihadapi oleh sesebuah warisan yang berada dalam bahaya.

“Semua lagi... Itu have a good solution lah tapi saya biasa pergi ke Thailand... saya nampak nya mereka cuba kan.. macam masuk pasar lah.. ada orang buat barang tradisi tapi coraknya untuk kehidupan moden. Ia macam ni ahh... macam basket ini dulu ahh untuk sampah saja. Tapi sekarang lane shape lah... bagi jadi kerusi lah...”

(Informan 5, 5 Oktober 2023, Kajian Lapangan)

Berdasarkan pernyataan informan 5 di atas, kesesuaian dalam menyelesaikan masalah berkaitan warisan untuk di modernkan tanpa menghilangkan keaslian yang ada padanya adalah salah satu contoh negara Thailand memainkan peranan yang baik dalam isu tersebut. Pendekatan ini merupakan salah satu langkah dan peranan yang boleh dimainkan oleh semua termasuk komuniti dan pihak bertanggungjawab untuk bersama-sama melestarikan warisan yang terdapat di George Town. Hal ini kerana perkembangan teknologi tidak boleh dihalang dan sentiasa akan berkembang mengikut harus zaman namun kesedaran dalam mengambil langkah memperbaharui warisan mengikut zaman tanpa meninggalkan keasliannya adalah langkah untuk mengkomersialkan produk warisan tersebut agar lebih dikenali ramai. Oleh itu, keseimbangan peranan komuniti bersama pihak bertanggungjawab amat penting dalam melestarikan warisan dengan lebih mampan.

“So I think we have to... make. Sekarang punya susah ni skill kerana... sokongan dari Kerajaan ni...tak terang lah. They also don't know what to do...Maybe given money. Tapi money tek cukup...We have to

encourage...orang muda...belajar lah...make this handicraft continue lah.
Tapi dia boleh... macam saya kata lah.. rekaannya baru tapi skillnya lama."

(Informan 5, 5 Oktober 2023, Kajian Lapangan)

Walau bagaimanapun, peranan NGO tidak seluas seperti Badan Kerajaan lain dalam memastikan pelestarian warisan. Sokongan kerajaan tidak sepenuhnya diberikan kepada NGO dan ada daripada Badan Kerajaan tidak mempunyai arah dan maklumat yang tepat dan jelas terhadap peranan tersebut. Kewangan yang diperolehi daripada NGO tidak mampu untuk menanggung apa-apa kos dalam memastikan pelestarian objek warisan di Tapak Warisan Dunia secara keseluruhan. Peranan yang boleh terus dimainkan oleh Penang Heritage Trust (PHT) dalam melestarikan objek warisan yang berstatus terancam adalah menggalakkan golongan belia belajar dan memahami warisan berkenaan untuk diteruskan dengan mengadaptasi perkara baru tanpa meninggalkan keaslian pada objek berkenaan.

Pelbagai program yang dianjurkan oleh pihak PHT bagi memastikan warisan yang berada dalam bahaya atau terancam dapat menerima persaingan dan bertahan dalam tempoh yang lama. Program yang dianjurkan oleh PHT adalah sebuah program mengajar dan memberi kesedaran kepada generasi muda berkenaan warisan yang terdapat di George Town. Melalui program sedemikian juga PHT bertanggungjawab memantau dan memberikan sokongan kewangan kepada mereka yang terpilih bagi membolehkan warisan tersebut dikomersialkan secara berterusan. Setiap kategori yang dipilih melalui program Leading Heritage of Penang akan menjadi rujukan warisan utama Penang bagi memberikan ruang kepada warisan berkenaan berkembang bukan sahaja di Pulau Pinang tetapi kepada pelancong luar yang datang ke Tapak Warisan Dunia, George Town (Informan 5, 2023). Oleh itu, peranan utama badan ini adalah memastikan kegiatan warisan terutamanya warisan orang hidup dan warisan dalam kategori bahaya dapat diberi ruang untuk dikomersialkan melalui program yang dianjurkan.

“Hmmm... sebenarnya ini tugas saya. Saya yang apa ni take care this century. Sebelum ini saya sudah give warning ah. Thing very dangerous kalau ...boleh negotiation ah pindah ni makam ni ke tempat lain kerana dia ambik tanah untuk bangunan lain. It's ban lah private land ah.

So okay we can move this tapi cakap sahaja takde actions takde bajet lah.
So benda tak boleh tunggu lagi.”

(Informan 5, 5 Oktober2023, Kajian Lapangan)

Di samping itu, pernyataan informan 5 menjelaskan peranan badan ini adalah sangat terhad kepada sesbuah bidang kuasa tertentu. PHT memberi pemantauan dan aduan kepada pihak yang berkuasa namun kuasa dalam bertindak mengikut undang-undang tidak diberikan kepada PHT sepenuhnya. Sebarang pindaan dan kerosakan yang boleh menjaskan objek warisan seperti Ottu Kadai adalah luar kuasa bidang pihak PHT. Menurut informan 5 lagi, aduan dan amaran akan dikeluarkan kepada pihak mereka untuk dilanjutkan kuasa kepada pihak bertanggungjawab seterusnya tetapi tindakan susulan mereka memakan masa yang lama dan boleh menjaskan warisan yang terdapat di sekitarnya.


Walaupun bangunan-bangunan dan objek warisan tersebut berada di bawah zon Tapak Warisan Dunia, UNESCO dan mempunyai perkara diperuntukan undang-undang kerajaan untuk melindungi dan menjaga warisan di kawasan tersebut tetapi peringatan tegas oleh pihak PHT perlu diambil terlebih dahulu sebelum proses selanjutnya diambil oleh pihak kerajaan. Keadaan ini menjadikan PHT satu-satunya badan yang dipertanggungjawabkan sepenuhnya berkaitan warisan walaupun bidang kuasa dan skop pekerjaan mereka adalah terhad. Peranan pihak berkepentingan lain perlu dalam menggekalkan dan memelihara tapak warisan juga perlu digalakkan (Yuszaidy, Hanapi Dollah, et.al, 2013). Oleh hal yang demikian, PHT tidak mampu bertindak diluar bidang badan ini kerana akta dan undang-undang yang tertakluk kepada Tapak Warisan Dunia perlu dipertimbangkan dahulu kepada pihak yang mempunyai kuasa dalam aspek warisan di kawasan berkenaan. Langkah lain yang dimainkan oleh badan ini adalah memastikan pendokumentasian warisan dilakukan.

“Dokumen ini... yang boleh saja lah. Sebelum aaa..skill apa ni
habis...ada dokumentasi lah. Foto pon ada video lah...recording lah. Aaa
ni lah sebab buat ni. Tengok mungkin satu hari dia mati semua habis. So
we document. Aaa ni...tukang kasut lah....kasut apa dia buat lah. Ni kasut
manik. Kasut manik apa dia buat. Aaa... langkah pertama, two, three, four

aaa...cantik-cantiknya okay, dokumentasi. Aaa...ini penting lah. Mungkin 23...selepas tu takda orang buat tapi kami saja dokumentkan."

(Informan 5,5 Oktober 2023, Kajian Lapangan)

Justeru itu, antara peranan lain PHT dalam melestarikan objek warisan Ottu Kadai yang terancam di Tapak Warisan Dunia, UNESCO salah satunya mendokumentasikan objek tersebut sebelum pupus sepenuhnya. Kaedah ini adalah langkah terakhir yang digunakan pada objek-objek warisan yang semakin hilang di George Town. Tujuan pendokumentasian ini adalah untuk memastikan segala rekod berkenaan warisan ini daripada sejarah sehingga proses akhir kelangsungan warisan tersebut disimpan untuk rujukan masa hadapan. Kaedah ini akan digunakan oleh PHT bagi warisan yang tidak mungkin boleh bertahan lama setelah pewaris mereka sudah tiada atau mengalami kerosakan yang tidak mempunyai jalan penyelesaian untuk dibaik pulih kembali. Hal ini juga membolehkan PHT mengenalpasti dan menjalankan penyelidikan berkenaan warisan yang telah di dokumentasikan bagi tujuan pembelajaran dan pengetahuan kepada umum.



Gambar 5.1: Kolabiasi PHT Bersama A Project of Anak-anak Kota, Arts-Ed
Sumber: Kajian Lapangan, 2023

Berdasarkan gambar 5.1, PHT pernah menjalankan kolabiasi berbentuk ilustrasi bagi program kesedaran warisan yang terancam. Kolabiasi ini bertujuan untuk memberi kesedaran dan pengetahuan kepada umum tentang kepupusan objek warisan Ottu Kadai pada ketika. Pada ketika itu, taburan jumlah Ottu Kadai adalah sebanyak 6 buah gerai yang bertapak di sekitar Jalan Little India, George Town. Namun, menurut informan 4,

jumlah taburan Ottu Kadai sudah berkurang dengan 2 buah gerai Ottu Kadai yang masih lagi aktif dan menjalankan perniagaan dengan konsep ini. Kepupusan ini membimbangkan semua pihak dengan penurunan yang drastik akibat pembangunan dan peredaran zaman. Hal ini disokong dengan pernyataan daripada informan 5 berkenaan dengan ketidakseimbangan dalam usaha sama kerajaan bagi melestarikan warisan budaya di tapak warisan George Town.

“So this aa...dasar Kerajaan ni...dia masih tak...apa...beri ni usaha kuat punya. Not enough. Adalah pameran...kraftangan tapi...selepas ni no follow up, pemasaran takde. You came watch, you suka...you contact. Tak bagus ya...encourage, help this..skill...apa...apa ni pemasaran la. How to market their product. The government have to come like that lah. Private sector limits. Kami hope lah working macam ada workshop. Workshop ni...dia ada minat aaa ramai..untuk mempelajari sesuatu lah.”

(Informan 5, 5 Oktober 2023, Kajian Lapangan)

Dalam memastikan peranan PHT berkesan dalam melestarikan dan memelihara warisan di George Town, badan ini berkolaborasi dan bekerjasama dengan badan NGO yang lain. Kolaborasi ini bertujuan memaparkan lagi tindakan dan usaha badan ini dalam menjaga warisan negeri bersama-sama dapat memberi pendidikan secara langsung kepada masyarakat umum. Melalui kerjasama ini juga bantuan sokongan kewangan boleh dikumpulkan bagi membuka ruang badan-badan ini menjalankan program-program yang berkaitan untuk terus melestarikan warisan di George Town. Malahan, kerjasama yang dilakukan ini adalah hasil pemantauan NGO terhadap dasar kerajaan yang masih kurang berkesan dalam memelihara dan memulihara warisan . Hal ini juga sekaligus membuka ruang pemasaran dan promosi berkaitan produk-produk warisan yang terdapat di Tapak Warisan Dunia, UNESCO kepada masyarakat. Komuniti juga merupakan peranan yang penting dalam mencapai matlamat yang di inginkan bagi menjaga warisan budaya.

“Aaa... komuniti. So, komuniti support paling penting bukan semua dari Kerajaan. Okay, buat satu, buat dua, tiga. No, it have to be community lah. Dari button naik ke atas. Baru ni Kerajaan buka...bantu

lah... kasi ni subsidi lah atau pemasaran keluar negara lah. Introduce pameran lah. So, have to be both side lah. Komuniti, Kerajaan gather.”

(Informan 5, 5 Oktober 2023, Kajian Lapangan)

Seterusnya, menurut informan 5, penglibatan komuniti dalam melestarikan warisan mereka perlu lebih agresif. Komuniti memainkan peranan utama selepas badan bertanggungjawab untuk menentukan sama ada warisan mereka perlu dipulihara atau diangkat menjadi warisan kebangsaan. Usaha sama daripada komuniti mampu memberi kesan dan ruang kepada pihak bertanggungjawab untuk membuka peluang menuara isu yang terdapat dalam warisan mereka. Penglibatan komuniti (bottom) naik ke pihak berkepentingan (up) bukan sahaja mampu melestarikan warisan yang ada di sini namun turut dapat berkongsi kerjasama dan kepakaran bagi memelihara warisan terutamanya yang berstatus terancam. Menurut Maria Bonn, Lori Kendall et.al., (2016), keperluan dalam melibatkan pihak berkepentingan yang mempunyai kemahiran dan kepakaran dalam warisan budaya amat penting bagi memelihara dan memulihara objek warisan. Tindakan daripada badan-badan pertubuhan penting berkaitan warisan budaya juga berperanan besar dalam mengeluarkan akta, dasar, garis panduan di samping mempromosikan nilai warisan bagi memupuk kesedaran kepada komuniti. Oleh itu, peranan komuniti dan pihak berkepentingan perlu seimbang bagi memastikan pelestarian warisan akan lebih berkesan. PHT turut terlibat dalam memberi perkongsian pada badan lain berkenaan pemuliharaan dan pemeliharaan warisan di Tapak Warisan Dunia, George Town pada umum.

“So, masuk buat apa, taktau-taktau... okay. We teach you aaa ni UNESCO cakap boleh buat, ini tak boleh buat. Okay, follow the rules aaa. So, lepas dah ada pakar dari luar negeri juga dengan macam Australia datang sini kami introduce lah. Pakar ni datang okay you nak buat ni mesti...kekal sama apa ni...dulu apa bahan yang depa buat? dia ada ilmu, so sharing lah. Pada masa tu ya, ada banyak bengkel yang tolong aaa. Kerana kami sudah lama establish lah, ada pengalaman so we do sharing. Sekarang aaa ada banyak sharing tapi mereka datang dari Thailand lah, Indonesia lah sudah datang ke Penang.”

(Informan 5, 5 Oktober 2023, Kajian Lapangan)

Di samping itu menurut pernyataan informan 5, sebahagian daripada peranan PHT juga adalah memberi ulasan berkaitan konservasi, pemantauan, pusat penyelidikan dan pendidikan kepada masyarakat terutamanya khas berkaitan warisan. Isu dan cabaran berkaitan warisan akan dibincangkan dengan lebih lanjut bersama-sama pakar terlibat daripada pelbagai persatuan termasuk aspek bidang konservasi. PHT juga berperanan dalam memberikan tunjuk ajar dan pengalaman kepada badan-badan persatuan lain untuk berkongsi ilmu dan pengetahuan bagi memelihara dan memulihara warisan yang terdapat George Town. Tambahan pula, PHT telah dijadikan sebagai pusat rujukan dan penyelidikan utama di George Town bagi persatuan atau badan lain sama ada dari dalam atau luar negara. Penelitian utama melalui pendekatan ini adalah untuk bertukar pandangan dan kaedah pemuliharan warisan secara berkesan daripada pelbagai aspek termasuk cabaran yang melibatkan objek warisan Ottu Kadai. Menurut Y. Sri Susilo & Amiluhur Soeroso (2007), sebelum kaedah pelestarian dilakukan, penilaian fizikal warisan budaya itu perlu dibuat terlebih dahulu dan menggemukkan strategik yang berkesan dalam membendung masalah yang dihadapi terhadap objek warisan tersebut agar proses selanjutnya dapat berjalan dengan lancar. Perkara ini bagi memastikan bidang kuasa yang terhad oleh badan NGO seperti PHT dapat terus memainkan peranan yang penting.

4.4.2 George Town World Heritage Incorporated (GTWHI)

George Town World Heritage Incorporated (GTWHI) telah ditubuhkan pada 2019 dan merupakan organisasi Badan Bukan Berkanun. Peranan utama GTWHI adalah memastikan warisan di Tapak Warisan Dunia, UNESCO sahaja dipelihara dan dipulihara sebaiknya. Badan ini juga berperanan dalam memastikan kelangsungan aktiviti warisan yang bertapak di Tapak Warisan Dunia berterusan dengan menjalankan pemantauan serta rundingan berkaitan plan kemajuan di tapak warisan secara berkala. GTWHI bersama-sama Majlis Bandaraya Pulau Pinang akan memastikan segala bentuk pembangunan dan kemajuan yang ingin dilaksanakan mendapat ulasan terlebih dahulu sebelum diluluskan di bawah kuasa MBPP dan Pesuruhjaya Warisan Pulau Pinang. Peranan utama dalam melestarikan warisan bagi badan ini adalah menjalankan pemantauan pada objek-objek warisan ketara seperti bangunan. Segala aktiviti pengubahsuaian, kemajuan dan aktiviti yang melibatkan warisan akan melalui beberapa proses yang terlebih dahulu (Informan 6, Kajian Lapangan, 2023 Oktober 11). Tugas

dan tanggungjawab ini dilakukan melalui beberapa peringkat bagi memastikan warisan tersebut tidak mendapat impak daripada pembangunan yang dilakukan disekitarnya.

“Okay kalau nak cakap pasal tidak menjadi lagi lebih buruk tu biasanya kita akan...okay kalau bangunan-bangunan dekat sekeliling yang kami ada nampak kami detect dia tak...endangered atau dia macam more to illegal renovation, kita akan report atau maklumkan kepada MBPP untuk siasatkan...check sama ada contractor yang buat kerja atau owner yang bagi arahan buat kerja tu, ada legal permit tak. Jadi daripada situ kita dapat kawal dia punya status...dia punya conservation tadi.”

(Informan 6, 11 Oktober 2023, Kajian Lapangan)

Berdasarkan pernyataan informan 6 diatas, secara amnya, pemantauan berkala akan dilakukan dan dikenalpasti bagi bangunan-bangunan yang berpotensi untuk merosakkan sebarang warisan yang berada di sekeliling. Jika disabitkan kesalahan pihak GTWHI akan memaklumkan perkara tersebut kepada MBPP untuk tindakan lanjut kerana bidang kuasa GTWHI adalah terhad berbanding MBPP. GTWHI berperanan dalam memberi arahan dan amaran kepada pemaju sekiranya melanggar undang-undang kemajuan dan pembangunan di Tapak Warisan Dunia bagi mengawal kerosakan dan kemusnahan objek warisan disekiling. Hal ini bagi mengawal ancaman dan memberi perlindungan kepada objek-objek di Tapak Warisan agar tidak terjejas.

Tambahan lagi, informan 6 menjelaskan, segala bentuk perancangan berkaitan pelestarian warisan di Tapak Warisan Dunia, UNESCO mempunyai panduan khas yang telah diwartakan iaitu Rancangan Kawasan Khas: George Town Bandar Bersejarah di Selat Melaka yang memberi piawan dan panduan kepada organisasi ini untuk bertindak mengikut garis panduan yang telah diperuntukan. Dalam RKK aspek pembangunan dan kemajuan, objek warisan, plan pengurusan bandar warisan dan sebagainya menjadi medium utama rujukan Badan-badan Bukan Kerajaan dan Badan Kerajaan bagi memastikan pelestarian warisan dan status UNESCO dijaga dengan baik. Menurut Ping Mah, Yan, et.al, (2019), cadangan pelestarian terhadap binaan fizikal harus mempunyai kerangka metodologi yang baik bagi membendung sebarang permasalahan yang tidak jangka berlaku. Hal ini disokong dengan pernyataan informan 6 yang memberikan

cadangan dan pendapat berkenaan kaedah pelestarian yang boleh digunakan pada warisan Ottu Kadai.

“Okay, kalau yang ni saya tak boleh bagi ideal yang macam...sebab dia kata ni generasi ni kan...jadi mungkin dia boleh...anak-anak dia atau dia atau keluarga dia untuk teruskan perniagaan tu. Atau... Satu lagi cara adalah mungkin dia boleh...biasanya kalau...dekat Goerge Town...kalau satu-satu lot dia nak....macam mana nak kata. Dia punya, dia akan pastikan perniagaan yang sama dilakukan. Setahun saya kalau...pasal ni...dia...MBPP akan pastikan perniagaan jenis yang sama dilakukan, jadi kata lah bertukar owner itu tidak mengapa, takpe itu masih boleh di terima.”

(Informan 6, 11 Oktober 2023, Kajian Lapangan)

Dalam kes kepupusan Ottu Kadai, informan 6 menjelaskan bahawa kelangsungan warisan ini boleh diteruskan jika terdapat pewaris yang sudi menjalankan dan mengambil alih perniagaan mereka. Kebiasaannya perniagaan yang bersifat generasi ini akan memastikan perniagaan mereka akan diambil alih oleh keluarga tersendiri dengan menyambung lesen kebenaran yang telah dimohon oleh alih sebelumnya. Namun, menurut informan 4, kebenaran perniagaan dan bertapak di Tapak Warisan Dunia, UNESCO harus mempunyai permohonan lesen yang telah diluluskan daripada MBPP terlebih dahulu dan hak milik perniagaan perlu bersifat tradisi atau diperturunkan daripada generasi ke generasi. Oleh itu, sebarang penukuran hak milik perniagaan tidak dibenarkan tanpa kelulusan MBPP tetapi perniagaan boleh berubah jika pemilik tidak mempunyai waris untuk diteruskan dan konsep Ottu Kadai tersebut tidak dapat dikekalkan.

Walau bagaimanapun, pendekatan yang komprehensif untuk pemeliharaan warisan budaya merangkumi warisan ketara dan tidak ketara serta struktur sosio-ekonomi masyarakat perlu mempunyai panduan bagi pembuat dasar agar keaslian warisan budaya tidak tergugat (Supoj Prompayuk & Panayu Chairattananon, 2016). Panduan yang diguna pakai sebagai rujukan untuk melestarikan warisan di zon Tapak Warisan Dunia, UNESCO adalah sebuah piawan yang meliputi semua aspek termasuk objek warisan Ottu Kadai. Langkah keberlangsungan warisan dengan mendirikan dan menjalankan perniagaan secara warisan adalah salah satu peranan daripada semua pihak

berkepentingan sendiri. Hal ini kerana, pemantauan secara konsisten oleh Pihak Berkuasa Tempatan berkaitan isu Ottu Kadai boleh dijalankan secara langsung (Informan 6, Kajian Lapangan, 2023 Oktober 11). Keberadaan warisan di tapak berkenaan telah menjamin keselamatan dan perlindungannya menerusi Rancangan Kawasan Khas: George Town Bandar Bersejarah di Selat Melaka. GTWHI dan komuniti juga bersama dalam memastikan warisan budaya mereka dijaga dan dipromosikan dengan baik dalam usaha melestarikan warisan budaya di tapak warisan.

“Ada. Kita actuallyakan buat kolobrasi dengan komuniti sekeliling. Macam especially, events terbesar GTWHI adalah setiap 7 Julai. 7 Julai kami akan buat events dan kami akan panggil local community lah untuk...untuk...turut serta bersama membuat booth, event. Jadi, akan ada macam...macam-macam booth yang daripada komuniti-komuniti. Contohnya, painting batik lepastu kita ada juga yang macam calligraphy. Chinese calligraph and then kita ada Indian community tu dia buat...pakai turban. So, banyak lagi lah daripada komuniti-komuniti sekeliling.”

(Informan 6, 11 Oktober 2023, Kajian Lapangan)

Justeru itu, menurut informan 6, GTWHI turut berperanan bersama komuniti dalam melancarkan sebarang program yang melibatkan warisan tempatan George Town. Program ini bersama-sama usaha komuniti untuk memperkenalkan warisan budaya mereka secara langsung kepada masyarakat di samping memberi pendidikan berkaitan kepentingan pelestarian warisan budaya di Tapak Warisan Dunia. Selain itu, kolaborasi ini bertujuan untuk memberi ruang kepada komuniti untuk menjayakan program berkenaan warisan budaya mereka dan mengangkat warisan budaya masyarakat yang berpotensi pada setiap tahun 7 Julai. Pada tarikh berkenaan kerjasama GTWHI dan Kerajaan Negeri berkuatkuasa memberikan cuti umum serta salah satu langkah yang progresif untuk menyemai semangat cinta akan warisan budaya Pulau Pinang bagi masyarakat umum termasuk kepada golongan belia. Oleh itu, langkah tersebut adalah peranan daripada badan NGO untuk memperkasakan warisan budaya dan memastikan pelestariannya di Tapak Warisan Dunia, UNESCO. Hal ini disokong oleh pendapat dan cadangan yang dikemukakan oleh informan 6 bagi memastikan penggekalan warisan budaya.

“Semestinya komuniti tu sendiri. Sebab kita dapat title UNESCO pon daripada salah satu kami punya...sebab untuk dapat title UNESCO ni kita kena capai beberapa bend. Jadi salah satu yang kami, salah satu kateria yang kami boleh capai adalah disebabkan komuniti di sekeliling. Disebabkan harian dioran, so dia kena start daripada situ. Jadi, tapi tanpa bantuan daripada...kerajaan juga ada juga benda yang tak dapat dilakukan. It's work both way. Dan memang saling perlukan antara satu sama lain. Di sini kerajaan mungkin dari segi untuk menggalakkan lagi la. Sebab dia akan menguntungkan kedua-dua pihak. Bukan satu pihak sahaja untung salah satu rugi tak.”

(Informan 6, Oktober 11 2023, Kajian Lapangan)

Rentetan itu, menurut informan 6, bagi menjayakan maklamat melestarikan sesebuah warisan termasuk warisan terancam seperti Ottu Kadai pendekatan kerjasama antara pihak berkepentingan dan komuniti seharusnya bergerak seiring. Namun, bagi memastikan pelestarian warisan tersebut berkesan, komuniti (bottom) perlu memperkasakan lagi gerak kerja mereka bagi memastikan warisan budaya yang terdapat dikawasan tersebut di adakan atau diperjuangkan kepada pihak berkepentingan (up). Langkah atau tindakan susulan yang seterusnya akan diambil oleh pihak bertanggungjawab bagi membentuk kerangka penyelesaian yang berkesan bagi isu atau masalah yang timbul berkaitan warisan mereka. Kepentingan kedua-dua pihak ini saling berpaut rapat untuk melestarikan warisan budaya di Tapak Warisan Dunia. Informan 5 turut menyatakan bahawa keseragaman dan keseimbangan kedua-dua pihak ini diperlukan bagi memastikan pelestarian warisan di George Town terus mampan. Hal ini kerana penggekalan warisan budaya tidak menguntungkan kepada sebelah pihak sahaja tetapi kedua-dua pihak tersebut akan mendapat manfaat yang dikongsi bersama.

“Persatuan dan Pertubuhan Awam Bukan Kerajaan (NGO) telah memainkan peranan utama dalam aktiviti-aktiviti pemuliharaan di kedua-dua George Town dan Melaka. Pertubuhan Awam bertindak sebagai pemantau aktiviti-aktiviti kerajaan dan sektor swasta yang boleh memberi kesan kepada elemen-elemen warisan di kawasan mereka. Selain melobi kerajaan negeri dan kerajaan tempatan akan kebimbangan mereka

mengenai isu-isu warisan, NGO seperti Persatuan Warisan Pulau Pinang turut menjalankan program-program mereka sendiri untuk mewujudkan kesedaran, mendidik orang awam dan kanak-kanak, mengumpul dana serta menjalankan penyelidikan dan projek-projek berkaitan pemuliharaan warisan.

(Perkara B3.4.10 & B3.4.11: RKK:TWD, 2016)

Dalam memastikan pelaksanaan pelestarian warisan di Tapak Warisan Dunia, George Town perkara B3.4.10 dan B3.4.11 memberi panduan kepada pihak NGO bagi memainkan peranan yang sewajarnya dalam memelihara warisan budaya di George Town. Pihak ini mempunyai kuasa dalam memantau aktiviti-aktiviti kedua-dua badan di samping memberi bimbingan kepada mereka mengenai isu-isu warisan. GTHWI dan badan NGO lain turut menjalankan program-program kesedaran dan pendidikan kepada komuniti berkaitan projek-projek pemuliharaan warisan yang akan dilakukan sejurus turut melibatkan komuniti setempat dalam melestarikan warisan budaya di George Town. Oleh itu, panduan ini dijadikan rujukan kepada semua pihak dalam memastikan usaha pemuliharaan warisan sentiasa dipelihara sepanjang masa. Hal ini dijelaskan dengan pembahagian bidang kuasa yang perlu dimainkan oleh GTWHI pada peringkat kerajaan tempatan khusunya di Tapak Warisan Dunia.

“Kita akan rujuk kepada Jabatan Warisan, Pesuruhjaya Jabatan Warisan sebab yang tu Pesuruhjaya Jabatan Warisan dia under negeri. Sebab apa berbalik kami akan rujuk Persuruhjaya Warisan. Dia akan bagi panduan... Kalau macam tu kami akan rujuk balik kepada Persuruhjaya Warisan sama ada...betul...kita akan bagi balik kepada negeri lah untuk check balik sama ada kita dah diwartakan under negeri atau tak. Okay. Kalau dia semula jadi rosak, biasanya yang kita nampak mungkin kita dan kita kenal, kita akan call atau mungkin bagi advise directly lah. Tapi, macam kerosakan yang tak nampak biasanya komuniti tu atau owner tu akan datang untuk mintak bantuan atau untuk...dia lah datang untuk report atau mintak bantuan lah atau advise cara apa yang boleh buat, apa yang terbaik untuk dilakukan. And then, kalau dari segi... itu kerosakan yang kita nampak dan tak nampak, pastu renovation saya ada bagi tahu tadi. Kita

akan maklumkan kepada ni lah. MBPP yang berkuasa untuk inspect kan untuk pastikan.”

(Informan 6, 11 Oktober 2023, Kajian Lapangan)

Bagi isu warisan budaya yang terancam seperti Ottu Kadai, pernyataan daripada informan 6 menjelaskan jika warisan berkenaan dalam status bahaya yang memerlukan proses dan rundingan bagi menyelesaikan isu berkenaan, perkara tersebut akan dirujuk kepada MBPP. Sekiranya isu tersebut memerlukan rundingan dan ulasan di peringkat seterusnya perkara ini akan dipanjangkan kepada Perseruhjaya Jabatan Warisan Pulau Pinang bagi memberi panduan atau cadangan untuk melestarikan warisan tersebut. Walau bagaimanapun, sekiranya isu tersebut dapat diselesaikan di peringkat daerah atau negeri pihak bertanggung jawab akan menyelesaikan perkara tersebut berpandukan undang-undang yang sedia ada dan merujuk RKK sebagai panduan dan piawan bagi kawasan khas Tapak Warisan Dunia, George Town. Menurut Y. Sri Susilo & Amiluhur Soeroso (2007), sebelum kaedah pelestarian dilakukan, penilaian fizikal warisan budaya itu perlu dibuat terlebih dahulu dan menggemukkan strategik yang berkesan dalam membendung masalah yang dihadapi terhadap objek warisan tersebut agar proses selanjutnya dapat berjalan dengan lancar.

Pengurusan Warisan Peringkat Tempatan		
Organisasi	Kerajaan Tempatan MBPP Kerajaan Negeri Jabatan Warisan Negara	PWD George Town (i.e. World Heritage Incorporated Office GTWHI)
Fungsi Tugasan	Berkanun	Tidak Berkanun

Jadual 1: B3.1 Fungsi Berkanun dan Bukan berkanun Pihak Berkuasa Tempatan dan PWD di Pengurusan Warisan

Sumber: Rancangan Kawasan Khas: George Town Bandar Bersejarah di Selat Melaka, 2016

Jadual 1 menunjukkan jenis organisasi yang terlibat dalam pengurusan warisan peringkat tempatan dan fungsi yang ditugaskan dalam memastikan warisan budaya di

tapak warisan dipelihara dengan baik. Organisasi seperti kerajaan tempatan iaitu Majlis Bandaraya Pulau Pinang dan kerajaan negeri Jabatan Warisan Negara adalah merupakan sebuah organisasi badan berkanun. Badan ini mempunyai bidang kuasa yang luas dalam memperkuatkuaskan rang undang-undang yang ada berkaitan warisan. Bidang kuasa tersebut digunakan dalam dua aspek utama iaitu pada kerajaan tempatan dan seterusnya di peringkat kerajaan negeri. Kedua-dua badan ini mempunyai peranan yang penting dalam bidang warisan budaya. Seterusnya, organisasi tidak berkanun seperti Pengurusan Warisan Dunia mempunyai bidang kuasa yang terhad. Badan ini merujuk panduan yang sedia ada seperti Rancangan Kawasan Khas: George Town Bandar Bersejarah di Selat Melaka (2016) dalam memelihara dan memulihiara warisan di George Town. Sekiranya bidang kuasa tersebut luar daripada kawasan ini, organisasi ini akan merujuk kepada organisasi badan berkanun untuk ulasan dan tindakan lanjut.

Kerajaan Tempatan (Fungsi Berkanun)	Pengurusan Warisan Dunia (Bukan Fungsi Berkanun)
<ol style="list-style-type: none"> 1. Perancangan dan kawalan bangunan 2. Perkhidmatan bandar 3. Penguatkuasa 4. Pelesenan 5. Pembangunan infrastruktur 6. Perkhidmatan undang-undang 7. Perumusan dan adaptasi polisi 8. Dana Pembangunan Sumber (dari Negeri dan Kerajaan Persekutuan) 9. Penasihat teknikal 10. Pembinaan jalan raya dan pengurusan dan kerja-kerja utiliti 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pendidikan dan kesedaran 2. Memantau pelaksanaan CMP 3. Pemantauan premis warisan 4. Penyelenggaraan pendaftaran 5. Menyediakan insentif 6. Melaksanakan projek-projek (peningkatan, budaya, penyelenggaraan dan landskap) 7. Mengumpul dana 8. Melaporkan prestasi dan aktiviti 9. Melihat semula pelan 10. Publisiti 11. Melakukan kajian dan penyelidikan 12. Menguruskan Kumpulan Wang Amanah Warisan 13. Pembangunan kapasiti

Jadual 2: B3.2 Fungsi Kerajaan Tempatan dan PWD

Sumber: Rancangan Kawasan Khas: George Town Bandar Bersejarah di Selat Melaka, 2016

Jadual 2 menunjukkan fungsi antara dua badan iaitu kerajaan tempatan dan bukan dengsi berkanung seperti GTWHI. Kerajaan tempatan berfungsi dan mempunyai kuasa dalam menentukan perancangan dan kawalan bangunan, perkhidmatan bandar, membuat penguatkuasaan, memberi dan mengeluarkan lesen, membangunkan infrastruktur, mempunyai perkhidmatan undang-undang, merumuskan dan mengadaptasi polisi, dana pembangunan sumber, menjadi penasihat teknikal dan mempunyai kuasa dalam meluluskan pembinaan jalan raya dan pengurusan kerja-kerja utility. Manakala, bagi GTWHI badan ini hanya berperanan dalam memberikan pendidikan dan kesedaran, memantau pelaksanaan CMP, memantau premis warisan, menyelenggara pendaftaran, menyediakan insentif, melaksanakan projek-projek yang berkaitan, mengumpul dana, melaporkan prestasi dan aktiviti, melihat semula pelan, melakukan publisiti, melakukan kajian dan penyelidikan, menguruskan kumpulan wang Amanah warisan dan membangunkan kapasiti.

Berdasarkan jadual 1 dan 2, perbezaan kuasa pada kedua badan pihak berkepentingan tersebut adalah tertakluk kepada pindaan undang-undang yang sedia ada. Kedua-dua pihak ini memainkan peranan penting dalam melestarikan warisan budaya yang terdapat di Tapak Warisan Dunia, George Town. Badan bukan berkanun seperti NGO mempunyai fungsi tertentu sahaja dan bidang kuasa mereka adalah terhad berbanding badan berkanun dibawah kerajaan. Namun, usaha sama kedua-dua badan ini adalah untuk memastikan warisan budaya negara dapat dipelihara dengan baik walaupun mempunyai cabaran tersendiri. Peranan kedua-kedua badan ini juga adalah untuk melestarikan warisan budaya secara progresif disamping menjaga status Tapak Warisan Dunia yang telah diberikan oleh UNESCO pada tahun 2008. Menurut Maria Bonn, Lori Kendall et.al., (2016), keperluan dalam melibatkan pihak berkepentingan yang mempunyai kemahiran dan kepakaran dalam warisan budaya amat penting bagi memelihara dan memulihara objek warisan. Tindakan daripada badan-badan pertubuhan penting berkaitan warisan budaya juga berperanan besar dalam mengeluarkan akta, polici, garis panduan di samping mempromosikan nilai warisan bagi memupuk kesedaran kepada komuniti.

4.4.3 Majlis Bandaraya Pulau Pinang: Jabatan Konservasi Warisan (MBPP)

Bagi memastikan pelaksanaan pelestarian warisan budaya di Tapak Warisan Dunia berjalan dengan lancar dan mengikuti prosedur yang telah ditetapkan, Jabatan Konservasi Warisan Majlis Bandaraya Pulau Pinang berperanan dalam memberi fokus kepada penguatkuasaan dan juga kawalan pembangunan di tapak warisan. Bidang kuasa MBPP adalah lebih tertumpu kepada pemantuan dan kawalan pembangunan sedia ada atau baru dan memastikan kemajuan yang dilakukan mengikut kuatkuasa yang telah diperuntukkan di dalam undang-undang. Sebarang kesalahan akan diambil tindakan selanjutnya bagi memastikan kelestarian warisan budaya di George Town (Informan 7, 5 Disember, 2023, Kajian Lapangan). Jabatan ini berperanan penting dalam menjaga dan memberi peruntukan terhadap warisan khazanah negeri disamping menjalankan program berkaitan kesedaran warisan di Pulau Pinang bagi memberi pendidikan kepada masyarakat. MBPP juga berperanan dalam memberikan dana dan menyenaraikan warisan yang unik, dijumpai di mana-mana tapak pembangunan, hampir rosak atau pupus dan sebagainya yang berpotensi diwartakan oleh kerajaan negeri. Malahan MBPP terutamanya bertanggungjawab dalam merancang pembangunan yang lebih mampan di Pulau Pinang (Majlis Bandaraya Pulau Pinang, 2017). Hal ini dijelaskan lagi dengan perkara dan peranan yang dilakukan oleh badan bertanggungjawab ini terhadap warisan oleh informan 7.

“Contohnya, macam nak besaqkan jalan tu, yang tu daripada Jabatan Kejuruteraan MBPP pulak. Tapi setiap kali nak ada pembangunan ka apa melalui...contoh nak besarkan jalan, Jabatan Kejuruteraan pon akan refer pada jabatan kami. So, dia kategori reserve. So, kita tak lah simply...macam kita kena conserve jugak lah traditional threat ni. Cumanya, kalau perbesaq jalan apa semua tu mungkin kita pon ada tapak-tapak penjaja yang mana berfokus...yang...yang kita pindah kat tempat lain supaya depa lagi selamat, lebih selesa lebih kurang macam tu lah. Tapi tu under perlesenan lah. Jabatan kami bagi ulasan ja.”

(Informan 7, 5 Disember 2023, Kajian Lapangan)

Berdasarkan pernyataan daripada informan 7, untuk menaiktaraf sebuah kawasan, Jabatan Kejuruteraan MBPP perlu dirujuk terlebih dahulu kepada Jabatan Konservasi Warisan MBB untuk ulasan lanjut. Perkara ini bertujuan untuk memastikan

sebarang kerja-kerja naiktaraf dilakukan mengikut piawan yang dibenarkan tanpa melibatkan sebarang keberlangsungan warisan dan keasliannya terjejas dan akan dipindahkan sekiranya perlu berbuat demikian. Hal ini bagi memastikan keselesaan dan keselamatan masyarakat di kawasan itu terjaga terutamanya penjaja dan peniaga yang bertapak dikawasan berkenaan. Prosedur memindahkan penjaja dan perniagaan tersebut perlu juga dirujuk kepada Jabatan Perlesenan bagi memastikan struktur pada objek warisan tersebut mempunyai lesen dan kebenaran bertapak di kawasan berkenaan tetapi apabila disabit kesalahan undang-undang boleh dipertimbangkan atau dirobohkan jika perlu dilaksanakan. Sebelum sesuatu plan kemajuan pembangunan dilakukan, MBPP akan memaklumkan perkara tersebut kepada GTWHI untuk mengeluarkan senarai warisan terancam sekiranya kemajuan itu perlu dilaksanakan di bawah Tapak Warisan Dunia. Hal ini penting dalam memastikan kelestarian warisan budaya tidak tergugut akibat pelaksanaan pembangunan di sekitarnya.

“Seksyen 72. (1) (b): untuk menubuh, mendirikan, menyenggara, menyewakan, mengawal dan menguruskan pasar dan bangunan pasar, rumah tumpangan, rumah, bilik atau bangunan yang disenggara bagi tempat makan-minum orang ramai, kedai, gerai dan sanggar dan mengawal hal berkenaan dengan penghunian dan penggunaannya; (c): untuk melesen bangunan sementara, gerai, meja, papan tunjuk, kereta sorong, gadi, trisikal atau bekas lain sama ada tetap pada sesuatu tempat atau tidak, yang didirikan atau digunakan untuk menjual atau mendedahkan untuk jualan- Seksyen 73. (f): untuk mengatur, memeriksa, menyelia dan melesen bangunan sementara, gerai, meja, papan tunjuk, gadi, kereta sorong, trisikal dan bekas lain dan untuk menyita, memusnah atau melupuskannya jika tidak dilesen sedemikia”

(Akta 171, Akta Kerajaan Tempatan 1976)

Bagi menyokong pernyataan daripada informan 7, menerusi Akta 171 yang berkuatkuasa pada 1976 hak penguatkuasaan oleh kerajaan tempatan bagi bidang kuasa kepada kerajaan tempatan untuk menjalankan kerja penyelenggaraan, pengurusan, menaik taraf kawasan dan sebagainya telah diperuntukan melalui undang-undang yang telah diwartakan. MBPP juga mempunyai hak untuk memberi kebenaran untuk

bertapak, berniaga dan mengeluarkan lesen kepada perniaga bagi tujuan-tujuan tertentu. MBPP juga berhak untuk mengatur, menjalankan peperiksaan, menyelia dan melesen bangunan sementara termasuk gerai dan sebagainya. Bagi isu yang melibatkan objek warisan Ottu Kadai yang melekat pada bangunan lain adalah tanggungjawab MBPP untuk memantau dan memeriksa sekiranya pemilik bangunan ingin menjalankan sebarang naiktaraf yang boleh menggugat Ottu Kadai. Hal ini bertujuan untuk memastikan jaminan penggekalan objek warisan di Tapak Warisan Dunia dilindungi.

“Sebab kita kan macam Little India ni kalau tak salah saya lah, depa ada...orang panggil apa eh...Little Indian punya...pedagang-pedagang Little India punya populasi...depa ada persatuan tau. So, pihak MBPP, pihak GTWHI, JWN boleh take note lah benda tu. Okay lah kami bagi satu pandangan...kalau saya sendiri...kalau generasi depa ni orang-orang Little India ni...depa nak preserve betui-betui Ottu Kadai ni depa kena bersuara lah. Pastu kena ada betui-betui lah generasi macam wakil persatuan ataupun....maksudnya ada macam orang-orang Yb kawasan tu ka...Yb untuk rise kan benda ni”

(Informan 7, 5 Disember 2023, Kajian Lapangan)

Seterusnya, pernyataan daripada informan 7 di atas menjelaskan sekiranya terdapat sebarang isu atau masalah berkaitan dengan warisan budaya mereka, persatuan komuniti tersebut perlu bergerak dan melaporkan kepada pihak berkepentingan. Tanpa kerjasama daripada pihak komuniti (bottom) dan pihak berkepentingan (up) tidak mampu dan berhak keatas kesulitan terjadi kerana pihak atasan berkemungkinan tidak dapat menjelaki secara menyeluruh berkaitan isu yang dibangkitkan berkaitan warisan budaya bagi sesebuah komuniti. Sebarang permohonan, pengurusan, aduan, penyelenggaran dan sebagainya yang berlaku di Tapak Warisan Dunia, George Town perlu dimaklumkan oleh pihak komuniti kepada pihak atasan yang bertanggungjawab untuk membolehkan peranan pihak berkepentingan dalam sesuatu perkara itu bergerak dan bertindak mengikut panduan yang telah ditetapkan. Tanpa komuniti sendiri pihak berkepentingan tidak boleh memainkan peranan mereka secara meluas bagi melestarikan warisan budaya mereka. Oleh itu, gerak kerjasama daripada pihak bawahan amat penting bagi memastikan pihak atasan yang bertanggungjawab dapat

mengenalpasti sebarang kesulitan dan isu berkaitan warisan bagi memastikan perkara tersebut dapat diselamatkan dengan segera atau perlu dibawa kepada Jabatan Warisan Negara untuk tindakan lanjut. Hal ini disokong oleh kenyataan informan 7 berkaitan cadangan dan pendapat berkenaan warisan Ottu Kadai yang semakin terancam.

“Bagi saya lah, benda ni pon patut lah kekal jugak cumanya jadi isu sekarang...orang sana sendiri yang takdak generasi yang nak pikul perniagaan tu. Tapi sekarang depa boleh focus macam online, baca kat handset kita tak beli dah kat Ottu-ottu Kadai ni. Pastu barang-barang keperluan tu sekarang kan speedmart merata, diy pon merata ada. Kita punya tapak warisan ni population penduduk makin lama makin berkurang. Lagi pon, Little India ni dia macam crowded sikit. La buka kedai tapi still lagi pi makan nasi kandaq. So, dia kena lah macam...taktau lah sama ada dia nakkekalkan identiti Ottu Kadai dia tu ataupun dia kena upgrade sikit. Kalau upgrade dia tak jadi Ottu Kadai lah kot. Jadi kedai besa lah.”

(Informan 7, 5 Disember 2023, Kajian Lapangan)

Di samping itu, pernyataan informan 7 mencadangkan bagi isu Ottu Kadai yang semakin terancam ini seharusnya pemilik perniagaan mengadaptasi teknologi dalam pembaharuan perniagaan mereka. Persaingan yang kuat daripada kedai-kedai biasa adalah salah satu cabaran utama untuk mengekalkan Ottu Kadai pada masa kini. Malahan menurut informan 7 juga, populasi penduduk yang tinggal di dalam Tapak Warisan Dunia, George Town semakin berkurangan berbanding dahulu. Hal ini telah membawa kepada pengurangan orang yang melalui kawasan-kawasan tapak warisan termasuk Little India kecuali pada waktu dan hari-hari tertentu. Informan 5 turut berpendapat sama berkenaan isu ‘George Town sebagai *Ghost Town*’ dimana pengurangan populasi penduduk di Tapak Warisan Dunia semakin membimbangkan dan akan padat pada waktu bekerja atau cuti perayaan semasa. Pengurangan penduduk di George Town turut membawa impak negatif dalam kelangsungan warisan budaya di sini. Peranan pihak bertanggungjawab menerusi pelbagai program untuk meningkatkan populasi penduduk di George Town diusahakan bagi memastikan kelangsungan penduduk bersama warisan budaya mereka terus kekal.

Walau bagaimanapun, usaha dan cadangan daripada informan 7 berkenaan dengan pembaharuan dalam perniagaan yang boleh diambil contoh seperti perniagaan Nasi Kandar yang telah revolusi sejak berzaman adalah perkara yang positif. Namun, aspek keaslian Ottu Kadai mungkin akan hilang dan akan berdiri seperti kedai-kedai biasa lain sekiranya pembaharuan dilakukan secara menyeluruh. Konsep Ottu Kadai sebagai identiti bagi sesebuah kaum itu sendiri mungkin akan lenyap kerana keunikkan dan perbezaan ketara yang ada pada Ottu Kadai membolehkan warisan ini dikategorikan sebagai objek warisan ketara yang menjurus kepada masyarakat India. Identiti terbentuk daripada pelbagai aspek yang membawa kepada perbezaan ketara dalam sesebuah kelompok daripada kelompok lain (Henri Tajfel, 1979). Oleh itu, pembaharuan dan pengenalan kepada teknologi baru kepada objek warisan perlu dipertimbangkan secara menyeluruh agar keasliannya tidak terus hilang.

“Ottu Kadai dia attach dengan bangunan warisan. Bangunan warisan ni coner lot lah. So, dia attach tu bangunan lot ni dia nak buat kemajuan so kita...kita akan mohon lah, kita akan bagi ulasan pada perlesenan jugak sama ada perniaga ni ada lesen atau tak? Kalau ada lesen kita tak kacau lah tapi willing kepada owner dia sebab Ottu Kadai selalunya atas...nama dia diatas lot jalan majlis ataupun ataupun atas lot pemilik bangunan yang baru tu pemilik bangunan tu. Cumanya, bangunan baru saya tak cakap pasal Ottu Kadai lah saya cakap secara kita punya garis panduan apa-apa saja binaan yang terlibat dekat atas ROW kita reserve vote. So, any new structure tak allow...tak dibenarkan. So, untuk bangunan baru ni kita akan tengok dia follow guidlines tu, so kalau ada kita minta dia roboh lah. Ha cumanya ada setengah macam...perlesenan ni depa ada tapak-tapak pejaja semua tu memang tapak penjaja tu selalunya tepi jalan lah jugak kalau kita perasan kemajuan baru tu ada melibatkan structure-structure yang...penjaja-penjaja ni pon kita akan refer kepada perlesenan untuk ulasan lanjut sama ada depa ni ada lesen atau tak. Kita tak lah mintak buang ka apa ka sebab logiknya kalau dia ada lesen maksudnya kita boleh pertimbangkan lah.”

(Informan 7, 5 Disember 2023, Kajian Lapangan)

Di samping itu, pernyataan informan 7 berkaitan Ottu Kadai yang melekat pada struktur bangunan lain menjelaskan jika terdapat sebarang perubahan atau pembangunan terhadap bangunan tersebut Jabatan Konservasi Warisan akan memberi pandangan berkaitan isu ini kepada Jabatan Perlesenan terlebih dahulu. Jabatan Perlesenan akan menyemak sama ada gerai-gerai yang berdamping dengan bangunan tersebut mempunyai lesen kebenaran atau tidak sebelum proses selanjutnya dilakukan. Apa-apa binaan atau struktur yang dikenal pasti salah disisi undang-undang akan dirobohkan kerana sebarang pembangunan atau naik taraf kawasan perlu mengikut garis panduan Rancangan Kawasan Khas: George Town Bandar Bersejarah di Selat Melaka kerana objek warisan tersebut berada di dalam zon Tapak Warisan Dunia, UNESCO. Hal ini juga memastikan semua pemilik bangunan dan perniagaan mengikut panduan dan akta yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa bagi mencengah kemajuan, aktiviti dan pembangunan secara haram dilakukan di kawasan berkenaan. Oleh itu, panduan RKK bukan sahaja dijadikan sebagai rujukan kepada pihak bertanggungjawab untuk melaksanakan sebarang kemajuan dan pembangunan tetapi RKK juga berfungsi sebagai pelindung kepada warisan-warisan yang ada terutamanya di kawasan Tapak Warisan Dunia. Walau bagaimanapun, peranan MBPP turut berkuasa memberikan peringkatan dan mengeluarkan tindakan kepada sebarang kesalahan yang telah ditetapkan dalam rang undang-undang.

“Tapi kami pon takdak lah program melestarikan Ottu Kadai ni saja sebab kita pon taktau structure tu illegal ka dak ka ada lesen ka tak. Kalau tak salah saya ada 8 ka 6 ka ada kan...so, kedai-kedai tu macam...pendapat saya lah kedai kecik-kecik ni macam Ottu Kadai lah kot tapi depa niaga tu taktau lah sama ada Melayu ka, Cina ka India ka tapi depa tu berlesen. Sebab MBPP yang buat bagi depa meniaga atas jalan. Kami ingat ka benda tu illegal structure so kami pon ambik action. Rupanya ni salah satu projek MBPP naik taraf kawasan tu lah. Mungkin ni pon salah satu inisiatif majlis buat kedai-kedai kecik-kecik dekat situ. Tepi jalan tu untuk depa berniaga secara berlesen.”

(Informan 7, 5 Disember 2023, Kajian Lapangan)

Menurut informan 7, pihak berkepentingan seperti MBPP tidak menganjurkan program-program yang berkaitan pelestarian warisan atau pendidikan kepada masyarakat umum tetapi MBPP mempunyai kuasa dalam memberi amaran dan tindakan undang-undang seperti saman jika terdapat sebarang pembangunan secara haram dilakukan di tapak warisan. Namun, MBPP telah memainkan peranan penting dalam penggekalan objek warisan di George Town dengan melakukan projek penambahbaikan jalan dan pembangunan di kawasan Ottu Kadai. Tujuan projek tersebut dijalankan untuk memberi ruang kepada peniaga-peniaga kecil seperti Ottu Kadai bertapak dan melangsungkan perniagaan warisan milik mereka secara sah di sisi undang-undang dengan memiliki lesen daripada Jabatan Perlesenan. Tambahan lagi, menurut informan 1, projek MBPP yang dijalankan sekitar tahun 2010 tersebut adalah salah satu usaha MBPP untuk memberi kebenaran kepada pemilik Ottu Kadai untuk terus bertapak dan bermiaga di Tapak Warisan Dunia, George Town.

Namun begitu, berkenaan objek warisan Ottu Kadai pihak berkepentingan seperti MBPP dan badan-badan lain terlepas pandang ancaman yang diterima oleh warisan ini akibat keberadaan taburan objek ini yang makin hilang dan tiada suara daripada komuniti berkenaan terutamanya daripada pemilik Ottu Kadai itu sendiri. Sejajar dengan itu, pihak berkepentingan seperti badan-badan NGO dan kerajaan akan memastikan pemantauan dilakukan secara berkala dan mengenalpasti keadaan atau struktur pada Ottu Kadai tersebut masih dalam keadaan baik dan tidak terjejas oleh kawasan sekitarnya. MBPP akan bersama-sama GTWHI cuba sebaik mungkin dalam melestarikan objek warisan seperti Ottu Kadai dan warisan lain menerusi kerjasama antara dua pihak dan mengikut garis panduan tapak warisan yang telah ditetapkan. Hal ini kerana isu dan cabaran mengenai pelestarian warisan budaya terutamanya di Tapak Warisan Dunia dapat diselesaikan, dipelihara dan menjaga status yang telah diberikan oleh UNESCO (Informan 7, 5 Disember, 2023, Kajian Lapangan).

Bagi menyokong pernyataan daripada informan 7, merujuk jadual 1 dan 2 berkenaan bidang kuasa bagi kedua-dua badan tersebut dalam memastikan pengekalan warisan budaya di Tapak Warisan Dunia, George Town. MBPP mempunyai hak penguatkuasaan undang-undang dalam pengurusan warisan atau kemajuan di tapak warisan manakala badan bukan berkanun seperti GTWHI mempunyai panduan insentif dalam program kesedaran, pendidikan, pemantauan, kolaborasi bersama komuniti dan sebagainya. Perbezaan bidang kuasa ini memberi ruang kepada setiap peringkat herarki sosial untuk bertindak mengikut tujuan dan matlamat yang ingin dicapai bersama (Burra

Charter, 2982). Kerjasama antara badan-badan ini dapat meningkatkan prestasi dan pembinaan keupayaan pengurusan warisan dalam memastikan kemampuan usaha untuk memulihara warisan dalam jangka masa panjang iaitu akan dapat memaksa pihak-pihak berkepentingan dan para pemilik untuk memelihara aset warisan mereka sendiri (Rancangan Kawasan Khas: George Town Bandar Bersejarah di Selat Melaka, 2016)

4.4.4 Jabatan Warisan Negara (JWN)

Jabatan Warisan Negara (JWN) memainkan peranan penting dalam menjaga, memelihara dan mempromosikan warisan budaya. Salah satu peranan utama jabatan ini adalah melakukan perwartaan bagi objek warisan. Jabatan ini juga bertanggungjawab dalam mengidentifikasi dan mengumpul maklumat berkaitan objek warisan dalam memahami dan menilai keunikkan warisan bagi menjaganya agar tidak dilupakan. Selain itu, jabatan ini berperanan dalam melestarikan warisan budaya dalam melaksanakan tindakan untuk melindungi, memelihara dan memulihara objek warisan dengan melakukan penyelenggaran, konservasi dan sebagainya agar kekal dan dapat dilihat oleh generasi yang akan datang. JWN menggariskan keutamaan tertentu bagi memastikan keberkesanan pengurusan warisan. Dalam memastikan pelestarian objek warisan, usaha JWN menerusi akta 645 menggariskan kriteria penting yang perlu ada pada objek warisan bagi mewartakan objek berkenaan agar tidak pupus.

“Seksyen 67, Akta Warisan Kebangsaan 2005 [Akta 645] menjelaskan:
Pengisytiharan Warisan Kebangsaan.

- (2) Dalam membuat pengisytiharan di bawah subseksyen (1) Menteri boleh menimbangkan-
- (a) kepentingan sejarah, hubungan dengan atau perhubungan dengan sejarah Malaysia
 - (d) hubungan sosial atau kebudayaan
 - (f) kepentingan dalam mempamerkan kekayaan, kepelbagaiannya atau integrasi bentuk yang luar biasa”

(Informan 8, 18 Disember 2023, Kajian Lapangan)

Berdasarkan pernyataan daripada informan 8, sebuah warisan sama ada warisan ketara atau tidak ketara yang mempunyai ciri-ciri yang dinyatakan merujuk Akta Warisan Kebangsaan, 2005 akan membawa kepada keperluan identiti kepada sesebuah masyarakat. Bagi memastikan penggekalan identiti tersebut mempunyai kelangsungan, Menteri boleh melalui perintah dalam Warta boleh mengisyiharkan sesuatu objek tersebut dalam Daftar dengan merujuk seksyen 67 (2). Peruntukan seksyen 67 dalam Akta Warisan Kebangsaan, 2005 adalah merupakan titik tertinggi usaha kerajaan dalam memastikan pelestarian warisan negara dijaga dengan baik. Bidang kuasa tertinggi ini adalah herarki terakhir bagi memastikan objek-objek warisan yang hampir pupus atau terancam diangkat atau di daftarkan di bawah warisan kebangsaan. Akta ini menjelaskan secara terperinci bagaimana objek warisan tersebut mempunyai identiti tertentu yang seharusnya dipelihara dan dipulihara sebaik mungkin. Objek warisan Ottu Kadai dilihat memenuhi kriteria-kriteria yang dinyatakan dalam seksyen 67 (2) dimana keaslian dan keunikan warisan ini secara ketara dekat dengan identiti masyarakat India.

Dalam panduan Rancangan Kawasan Khas: George Town Bandar Bersejarah di Selat Melaka menjelaskan bahawa pemindahan kuasa bagi objek warisan kepada Kerajaan Persekutuan akan dilakukan jika mempunyai keperluan daripada komuniti dan Kerajaan Negeri. Perubahan ini perlu dimulakan daripada pihak komuniti itu sendiri (bottom) dan akan diluluskan di peringkat negeri seterusnya ke peringkat persekutuan. RKK juga bertindak sebagai penyelaras bagi warisan dibawah Tapak Warisan Dunia bersama dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Usaha mendaftarkan objek warisan perlu melalui saingen daripada Pesuruhjaya Warisan Negeri Pulau Pinang bersama-sama komuniti dan pihak berkepentingan lain untuk tujuan mengangkat warisan tersebut. Menurut informan 6, jika objek warisan tersebut diluar kuasa bidang pihak tertentu perlu segera dirujuk kepada Pesuruhjaya Warisan dan sebelum dibawa ke bidang kuasa Jabatan Warisan Negara. Oleh itu, keseimbangan kedua pihak ini sangat penting dalam usaha melestarikan objek warisan dengan lebih berkesan.

Menurut informan 8 juga, usaha dan peranan terpenting Jabatan Warisan Negara (JWN) bagi memastikan pelestarian objek warisan adalah melalui proses mewartakan butiran sebagai warisan, pengiktirafan dalam dan luar negara, mengenalpasti pakar/WAKOH dan sebagainya. Namun begitu, menurut informan 7, sekiranya objek warisan tersebut hampir pupus wakil persatuan-persatuan yang terlibat perlu mencari jalan penyelesaian yang relevan bagi memastikan penggekalannya terus wujud. Kebergantungan Ottu Kadai kepada status zon ‘tapak warisan’ tidak seharusnya selesa

walaupun panduan dan piawan RKK dan Akta Kerajaan Tempatan (1976) mampu melindungi warisan ini. Namun, persatuan komuniti ini perlu bergerak dan menyuarakan pendapat berkaitan isu Ottu Kadai ini sehingga ke peringkat Kerajaan Persekutuan bagi mengeluarkan panduan yang lebih bersesuaian kepada peringkat negeri dan komuniti untuk bertindak. Usaha JWN ini jelas tetapi keadaan dan isu daripada peringkat komuniti perlu diselesaikan terlebih dahulu untuk mencapai matlamat tersebut. Hal ini disokong melalui Akta Warisan Kebangsaan 2005 dalam peruntukan memelihara objek warisan.

“Rujuk Akta Warisan Kebangsaan 2005 [Akta 645] Bahagian VIII Objek Warisan menjelaskan: Pemuliharaan objek warisan. 59. (1) Pemunya atau penjaga objek warisan hendaklah menyimpan harta warisan itu dalam keadaan yang baik dan di tempat yang selamat. (2) Pemunya atau penjaga objek warisan hendaklah melaporkan dengan serta-merta kepada Pesuruhjaya mengenai apa-apa kehilangan atau kerosakan kepada objek warisan itu atau mana-mana bahagiannya apabila diketahui kehilangan atau kerosakan itu..”

(Informan 8, 18 Disember 2023, Kajian Lapangan)

Selain itu, merujuk pernyataan informan 8 yang merujuk Akta Warisan Kebangsaan, 2005 pelestarian sesebuah objek warisan boleh dilakukan oleh komuniti pemilik objek untuk menyimpan, menjaga dan melaporkan kepada Pesuruhjaya sekiranya warisan tersebut hilang atau mengalami kerosakan. Menurut Laurajane Smith (2006), keruntuhan sesebuah warisan budaya dan warisan semula jadi semakin terancam yang cenderung memusnahkan nilai tradisional tetapi juga oleh perubahan keadaan sosial dan ekonomi yang boleh memburukkan lagi keadaan. Konteks warisan budaya akan menghilang dan musnah akibat beberapa faktor yang berlaku sama ada disengajakan atau tidak. Perubahan ini akan menjadikan ‘objek’ warisan hilang nilai-nilai keaslian yang terdapat padanya. Seperti mana keadaan objek warisan Ottu Kadai yang berstatus terancam boleh mengubah keadaan fizikal dan menggugat identiti yang ada padanya. Satu kaedah dan peraturan berkaitan perlindungan dan pengurusan khazanah warisan 13 negara telah diwujudkan dengan berpandukan kepada Akta Warisan Kebangsaan 2005. Berdasarkan Akta Warisan Kebangsaan (2005),

merumuskan bahawa apa-apa sahaja yang berkaitan dengan warisan akan diperuntukan satu kaedah atau panduan bagi memulihara dan memelihara khazanah negara dengan cara yang betul.

Panduan yang diberikan ini bertujuan untuk mengerakkan peranan pihak-pihak berkepentingan di pelbagai peringkat dalam memastikan pelestarian objek warisan ini dipelihara dan dipulihara. Merujuk Akta Kebangsaan 2005, (Akta 645) bagi menyokong perkara tersebut, langkah permohonan bagi objek warisan didaftarkan boleh disertakan dengan dokumen-dokumen yang berkaitan dan diserahkan kepada Pesuruhjaya untuk dinilai. Jika permohonan tersebut melibatkan objek yang melekat pada mana-mana tanah beri hak milik, persetujuan daripada Pihak Berkuasa Negeri perlu diperoleh sebelum meluluskan permohonan. Perkara ini melibatkan komunikasi dua hala antara pihak persatuan komuniti dan pihak kerajaan negeri bagi memberi penyelesaian yang berkesan bagi warisan Ottu Kadai. Walau bagaimanapun, menurut informan 6 dan 7, sokongan daripada peringkat tempatan dan negeri perlu lebih mampan untuk dibawa kepada peringkat Pesuruhjaya dan terakhir adalah daripada pihak JWN. Tanpa sokongan ini warisan Ottu Kadai tidak mempunyai titik notah yang jelas dalam memastikan kelangsungannya dan kewujudannya terus kekal di Tapak Warisan Dunia, UNESCO. JWN akan bertindak memberi langkah dan panduan disamping menjalankan tanggungjawab mengikut garis panduan yang telah ditetapkan. Proses pelestarian yang berkesan perlu melalui Persatuan Komuniti, Kerajaan Tempatan, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan sekiranya kuasa majoriti kesemua herarki ini sama rata dan seimbang (Nota Lapangan, 5 Disember 2023, Kajian Lapangan).

Di samping itu, menurut informan 8, JWN turut berperanan melakukan kerjasama antara jabatan-jabatan di peringkat negeri bagi melestarikan warisan negara. JWN bersama Memorandum Persefahaman (MoU) dan Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) bagi menjalinkan kerjasama strategik dan persefahaman dalam aspek penyelidikan, kepakaran, peralatan, pemeliharaan, pemuliharaan serta mempromosikan warisan negara bagi tempoh 4 tahun. JWN juga bersama Jabatan Kastam, Jabatan Polis Diraja Malaysia, Perpustakaan Negara Malaysia dan sebagainya dalam misi meneroka, memulihara dan memelihara warisan negara ke arah pembangunannya yang mampan sehingga terselah di persada dunia. Objektif organisasi ini turut berperanan penting dalam memperluaskan portfolio butiran warisan yang dipelihara untuk disenaraikan dalam Buku Daftar Warisan Kebangsaan dan mengembangkan pengetahuan sedia ada serta baru melalui penyelidikan arkeologi, konservasi dan Warisan Tidak Ketara.

Berkongsi pengetahuan mengenai perkembangan warisan Malaysia melalui pendidikan, untuk menggalakkan budaya penyelidikan dan analisis, serta bersama-sama meneroka Khazanah Warisan Negara serta meningkatkan kepakaran dalam pelbagai bidang warisan dan menepati piawaian antarabangsa. Malahan, JWN turut berusaha mengangkat Warisan Negara sehingga mendapatkan pengiktirafan dunia (Jabatan Warisan Negara, 2016).

4.5 KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, dalam bab empat ini telah dapat disumpulkan hasil maklumat adalah daripada temubual serta pemerhatian yang telah dijalankan serta melibatkan komuniti setempat sekitar Jalan Little India, George Town Pulau Pinang. Pengkaji telah menemubual seramai lapan orang informan yang mempunyai pengetahuan berkaitan konsep Ottu Kadai dan informan yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang dilakukan dalam usaha menggekalkan warisan budaya berkenaan sebagai salah satu objek warisan identiti kepada masyarakat India di sana. Bukan itu sahaja, pengkaji juga telah menemubual informan yang merupakan pihak berkepentingan dalam melestarikan warisan ini disamping menjalankan pemerhatian dengan jumlah taburan objek warisan Ottu Kadai pada masa kini. Melalui kaedah yang digunakan dapat disimpulkan bahawa kesemua informan telah memberikan data maklumat yang jelas dan lengkap dalam mengenalpasti konsep sebenar Ottu Kadai, usaha yang dilakukan dalam menggekalkannya sebagai identiti kepada masyarakat India dan peranan yang dimainkan oleh pihak berkepentingan dalam melestarikan objek berkenaan.

BAB V

RUMUSAN DAN CADANGAN

5.0 PENGENALAN

Bab ini merumuskan secara keseluruhan berkaitan kajian terhadap pelsestarian konsep Ottu Kadai sebagai identiti kedai bergerak bagi masyarakat India di Little India, George Town, Pulau Pinang. Bab ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu rumusan kajian dan cadangan daripada hasil kajian.

5.1 RUMUSAN KAJIAN

Dalam bab satu kajian telah menghuraikan mengenai pengenalan dan latar belakang tajuk yang merangkumi definisi konsep peruncitan, usaha dan peranan yang dilakukan bagi memelihara dan memulihara objek warisan Ottu Kadai disamping mengekalkan identiti pada objek tersebut di Jalan Little India, George Town. Sehubungan dengan itu, sub topik bagi merangkumi bab ini telah merangkumi batasan kajian, permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, skop kajian dan kepentingan kajian yang dilaksanakan. Kajian yang dijalankan mempunyai tiga objektif utama iaitu mengenalpasti konsep warisan Ottu Kadai, mengkaji usaha mengekalkan Ottu Kadai sebagai warisan budaya bagi masyarakat India di sana dan menganalisis peranan pihak berkepentingan dalam memastikan pelestarian warisan Ottu Kadai dalam masyarakat India di Little India, George Town Pulau Pinang.

Bab dua pula membincangkan mengenai sorotan kajian lepas dan aplikasi teori. Perbincangan hasil daripada soratan kajian dalam bab dua adalah mengikut sub topik yang berkaitan dengan warisan budaya dan perlindungan antrabangsa, warisan budaya dan perlindungan kebangsaan, pelestarian warisan budaya ketara, warisan budaya India di Pulau Pinang, Tapak Warisan Dunia, George Town, sejarah perkembangan dan sifat Ottu Kadai dan konsep tradisi peruncitan dan pasar tradisional. Selain itu, teori yang digunakan dan diaplikasi dalam kajian adalah teori identiti sosial daripada Henri Tajfel (1976). Berdasarkan teori yang telah digunakan dalam kajian dapat dirumuskan bahawa konsep Ottu Kadai adalah sebuah pengekatajeronian yang terjadi dalam kelompok masyarakat yang telah membezakan mereka dan membentuk identiti tersendiri menerusi objek warisan Ottu Kadai.

Bab tiga menerangkan mengenai pendekatan kajian yang telah digunakan bagi melaksanakan proses pengumpulan data serta kaedah analisis data. Pendekatan kajian adalah menggunakan kaedah kualitatif sahaja. Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif

dengan menjalankan temubual dan pemerhatian disekitar kawasan Little India, George Town. Dalam mengukuhkan dapatan kajian ini pengkaji telah mengumpul data melalui sumber primer dan data sekunder. Kaedah analisis tematik digunakan dalam kajian telah diperjelaskan dalam bab ini.

Akhir bab empat telah membincangkan hasil dapatan kajian yang telah diperolehi daripada kaedah temubual dan pemerhatian yang telah dilaksanakan. Dapatan yang telah diperolehi adalah berdasarkan objektif yang ditetapkan oleh pengkaji dalam kajian.

5.2 CADANGAN DARIPADA HASIL KAJIAN

Bagi memastikan pelestarian konsep Ottu Kadai di Jalan Little India, George Town terus dilaksanakan terdapat beberapa cadangan yang boleh dipertimbangkan dalam usaha mengekalkan objek tersebut agar tidak pupus secara keseluruhan dalam tempoh jangka masa yang pendek. Pendekatan yang boleh digunakan adalah dengan melakukan konservasi secara berstrategi yang melibatkan perlindungan fizikal dan rawatan objek warisan dari pelbagai sudut. Tindakan susulan dalam memelihara dan memulihara objek warisan Ottu Kadai ini perlu dipandang serius oleh semua pihak bagi melaksanakan pendekatan kaedah konservasi secara menyeluruh dan berkesan. Selain itu, objek warisan Ottu Kadai ini penting untuk mendokumentasikannya secara terperinci termasuk sejarah, bahan dan struktur binaan, kaedah perniagaan dan sebagainya yang perlu diambil kira secara keseluruhannya. Dokumentasi penting dalam membantu pemahaman dan pengetahuan lebih lanjut tentang warisan berkenaan yang bukan sahaja boleh dijadikan sebagai rujukan kepada penyelidikan konservasi malah dapat menyimpan bukti kewujudan warisan ini sekiranya telah pupus pada masa akan datang.

Seterusnya, pihak berkepentingan khususnya perlu melakukan pemantauan secara berkala bagi mengawasi struktur dan keadaan binaan Ottu Kadai supaya boleh berwaspada terhadap perubahan yang berlaku di sekeliling objek warisan ini. Hal ini bukan sahaja dapat mencengah kerosakan dan perubahan berlaku yang mampu menggugat objek warisan ini namun ia merupakan salah satu langkah dalam memastikan penggekalan objek ini sentiasa berada dalam keadaan hidup dan mampu melangsungkan perniagaan Ottu Kadai ini tanpa sebarang halangan. Di samping itu, pihak komuniti juga perlu secara akif melibatkan diri dalam usaha pelestarian warisan mereka bagi membolehkan pembangunan kesedaran dan kepentingan objek ini

disampaikan kepada pihak atasan. Langkah ini merupakan salah satu jalan penyelesaian untuk melestarikan warisan ini dengan lebih berkesan disamping dapat mempromosikan rasa empunya dan tanggungjawab kolektif terhadap warisan tersebut. Oleh itu, dengan gabungan dan pendekatan yang telah dikemukakan ini, langkah untuk melestarikan warisan budaya ini dapat diambil secara efektif bersama mempertahankan keaslian yang ada padanya. Walau bagaimanapun, kerjasama antara semua pihak diperlukan dalam memastikan maklamat ini tercapai.

UNIVERSITI
—
MALAYSIA
—
KELANTAN

RUJUKAN

- Abd. Aziz, S. (2016, November). *USM News Portal - Kembalikan Sejarah Asal Pulau Pinang*. News.usm.my. <https://news.usm.my/index.php/berita-mutakhir/4415-kembalikan-sejarah-asal-pulau-pinang>
- Abdul Rahim, H. (2015). *Bahasa Tanjong: The Heritage Language of The Jawi Peranakan of Penang*. Kajian Malaysia, Vol.33, 91–111.
- Abu Bakar , A. L., Hasan, M. Y., Wan Yusof , W. Z., & Abdul Rahman , A. (2012). Jati Diri Dan Patriotisme Teras Peradaban Malaysia. Perpustakaan Negara Malaysia.
- Alhojailan, & Ibrahim, M. (2012). *Thematic Analysis: A Critical Review of its Process and Evaluation*. West East Journal of Social Sciences , Number 1.
- Altman, I., & M. Low, S. (1992). *Place Attachment: Vol. Volume 1 & Volume 2* (nd, p. 314). Springer.
- Aronson, J. (2015). *A Pragmatic View of Thematic Analysis*. NSUWorks. <https://nsuworks.nova.edu/tqr/vol2/iss1/3/>
- Awang, Y. (2021, September 8). Peniaga, pengunjung teruja Pasar Budaya dibuka semula. HarakahDaily. <https://harakahdaily.net/index.php/2021/09/08/peniaga-pengunjung-teruja-pasar-budaya-dibuka-semula/>
- Azmi, E., & Ismail, M. Z. (2016). *Cultural Heritage Tourism: Kapitan Keling mosque as a focal point & symbolic identity for Indian muslim in Penang*. Social and Behavioral Sciences, 528–538. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2016.05.211>
- Bakar, B. (2023, July 4). Payang Walk akan jadi terbaru di Kuala Terengganu. Bharian Online. <https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2023/07/1122103/payang-walk-akan-jadi-tarikan-terbaru-di-kuala-terengganu>

- Bonn, M., Kendall, L., & McDonough, J. (2016). *Preserving Intangible Heritage: Defining a Research Agenda*. 14-18.
- C. Peroff, N. (1997). *Indian Identity*. The Social Science Journal, Volume 34(Number 4).
- Choirul Arif , M. (2012). Etnografi Virtual Sebuah Tawaran Metodologi Kajian Media Berbasis Virtual. Jurnal Ilmu Komunikasi, Vol.2.
- Crowe, S., Cresswell, K., Robertson, A., Huby, G., Avery, A., & Sheikh, A. (2011). The Case Study Approach. *BMC Medical Research Methodology*, 3-9.
- De Shaldevi . (2017). Ottu Kadai - Kedai Pandu Lalu. [Video] Youtube. <https://www.youtube.com/watch?v=zZW62xQaLDI>
- Djayusman, R. R., Nugraha, A. L., & Umam, K. (2018). Analisis Strategi Pengembangan Pasar Tradisional Dalam Perspektif Ekonomi Islam (Studi Kasus Pasar Songgolangit Kabupaten Ponorogo). *Islamic Economics Journal*, 4(2), 181. <https://doi.org/10.21111/iej.v4i2.2964>
- Guest, G., Macqueen, K., & Namey, E. (2012). *Introduction to Applied Thematic Analysis In: Applied Thematic Analysis Introduction to Applied Thematic Analysis. SAGE Research Methods*. <https://doi.org/10.4135/9781483384436>
- Haliza, D., Jamal, D., Rosdi, N., & Ramli, Z. (2020). Pelestarian Warisan Seni Bina Melayu: Tinjauan ke Atas Guna Semula Istana Kenangan, Kuala Kangsar, Perak. *The Malay Architectural Heritage Sustainability: A Review on Reusing of Istana Kenangan, Kuala Kangsar, Perak*. Jurnal Arkeologi Malaysia Disember, 33. <http://myscholar.umk.edu.my/bitstream/123456789/1227/1/225-406-1-PB.pdf>
- Harian, B. (2015). "Ottu Kadai " warisan hampir pupus. [Video]. Youtube. <https://www.youtube.com/watch?v=NEhLHZyIJUI>

- Hermes. (2022, May 16). Generasi muda punya peranan kekalkan warisan, budaya dan identiti masyarakat, Berita - BeritaHarian.sg. Www.berita harian.sg. <https://www.beritaharian.sg/setempat/generasi-muda-punya-peranan-kekalkan-warisan-budaya-dan-identiti-masyarakat>
- Hua, A. K. (2016). Pengenalan Rangkakerja Metodologi dalam Kajian Penyelidikan: Satu Kajian Literatur. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), Volume 1, Issue 2*(Issue 2).
- Hun, P. G., & Kuar , C. (2014). Identiti Etnik Minoriti di Malaysia: Antara Realiti Sosial Tafsiran Autoriti dan Tafsiran Harian. *Akademik* , 84(1&2).
- ICOMOS, A. (1999). The Burra Charter . *The Burra Charter 1999*, 3125(46).
- Ithnin, H. (2019, April 12). Warisan kampung cina. Harian Metro. <https://www.hmetro.com.my/santai/2019/04/443904/warisan-kampung-cina>
- Johnson, T. P. (2014). *Snowball Sampling: Introduction*. Wiley StatsRef: Statistics Reference Online. <https://doi.org/10.1002/9781118445112.stat05720>
- Kamal, L. (2023, January 28). UPSI Perkenal Pasar Budaya terap pendidikan keusahawanan, kemasyarakatan. Buletin TV3. <https://www.buletintv3.my/nasional/upsি-perkenal-pasar-budaya-terap-pendidikan-keusahawanan-kemasyarakatan/>
- Warta Kerajaan 1980
- Mah, O. B. P., Yan, Y., Tan, J. S. Y., Tan, Y.-X., Tay, G. Q. Y., Chiam, D. J., Wang, Y.-C., Dean, K., & Feng, C.-C. (2019). *Generating a virtual tour for the preservation of the (in)tangible cultural heritage of Tampines Chinese Temple in Singapore*. *Journal of Cultural Heritage*, Volume 39. <https://doi.org/10.1016/j.culher.2019.04.004>

- Mahmud, A. H. (2023, April 21). Memulihara tapak warisan di Pulau Pinang: Para aktivis cuba selamatkan lebih banyak bangunan bersejarah. CNA.
<https://www.channelnewsasia.com/malaysia/tapak-warisan-dunia-pulau-pinang-aktivis-selamat-bangunan-bersejarah-george-town-3431856>
- Malaysia, U.-U. (2005). Akta Warisan Kebangsaan 2005 (2nd ed.). Percetakan Nasional Malaysia bhd. (Original work published 2006)
- Mani, A. (1992). *Aspects of identity and change among Tamil Muslims in Singapore. Institute of Muslim Minority Affairs. Journal, 13(2)*, 337–357.
<https://doi.org/10.1080/02666959208716253>
- Md Nasir, S. S. (2015, June 30). “Ottu Kadai” warisan hampir pupus. Berita Harian.
<https://www.bharian.com.my/taxonomy/term/61/2015/06/64665/ottu-kadai-warisan-hampir-pupus>
- Mohamed Dali , A. (2020). Pemisahan India Dan Kesannya Terhadap Masyarakat India di Tanah Melayu 1 , 1947-1950. Persatuan Sejarah Malaysia .
- Mohd Yunus, A. R., & Che Mamat , C. Y. (2003). Pendekatan Dakwah Kepada Masyarakat India Muslim: Kajian Keatas Persatuan Indo-Muslim Malaysia(PERMIM). *Jurnal Usuluddin, 37-152(Bil 17)*.
- Mohd Yusoff, Y., Dollah, H., & Kechot, A. S. (2011). Akta Warisan Kebangsaan 2005: Tinjauan Sepintas Lalu. *National Heritage Act 2005: A Review*. Jurnal Melayu, 173 - 188.
- Mohd Yusoff, Y., Dollah, H., & Kechot, A. S. (2013). Perlindungan harta warisan: Keberkesanan usaha pemuliharaan dan pemeliharaan dalam pembangunan negara. *Malaysian Journal of Society and Space, (64 - 77)(9 issue)*.
- Mostafa Javadi, & Kourosh Zarea. (2016). *Understanding Thematic Analysis and Its Pitfall*. ResearchGate.

- https://www.researchgate.net/publication/307179806_Understanding_Thematic_Analysis_and_its_Pitfall
- N. Gupta, Gupta, S. K., Shuida, V. K., & Singh, S. P. (2015). *An Indian community-based epidemiological study of wounds. Journal of Wound Care, VOL 13 , NO 8.*
- News, I. (2013, August 15). “*Ottu Kadai*” Stay Popular In Georgetown. *The Borneo Post.* <https://www.pressreader.com/malaysia/the-borneo-post/20130815/282398397060156>
- Ng, S. A. (2016, November 22). *Best bits of KL: Little India in Klang.* Time out Kuala Lumpur. <https://www.timeout.com/kuala-lumpur/things-to-do/best-bits-of-kl-little-india-in-klang>
- Nurul Azreen. (2019, October 7). Kajian etnografi. Apakah Kajian Etnografi? <https://www.slideshare.net/AzReen1/kajian-etnografi-179708082>
- Parker, C. (2017). *Snowball Sampling.* <http://dx.doi.org/10.4135/>
- Penang Ottu Kadai|*Indian Shop.* (n.d.). [Www.aboutpenang.com](http://www.aboutpenang.com). Retrieved February 6, 2023, from <http://www.aboutpenang.com/traditionalheritages/indianshop.php>
- Perbezaan Antara Kajian Kuantitatif dan Kualitatif. (2017, October 9). Made in UITM. <https://madeinuitm.com/perbezaan-antara-kajian-kuantitatif-dan-kualitatif/>
- Akta Kerajaan Tempatan 1976
- Portal Rasmi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (*MBPP*). (n.d.). Portal Rasmi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (*MBPP*). <http://www.mbpp.gov.my/>
- Prompayuk, S., & Chairattananon, P. (2016). *Preservation of Cultural Heritage Community: Cases of Thailand and developed countries. Social and Behavioral Sciences, 239 – 243.*

- Pulau Pinang, M. B. (2015a, October 9). *Objective. Official Portal of Penang Island City Council (MBPP)*. <http://www.mbpp.gov.my/en/mbpp/profile/objective>
- Pulau Pinang, M. B. (2015b, October 9). *Vision & Mission. Official Portal of Penang Island City Council (MBPP)*. <http://www.mbpp.gov.my/en/mbpp/profile/vision-mission>
- Rabiee, F. (2004). Focus-group interview and data analysis. *Proceeding of the Nutrition Society*, 63, 655-660. <https://doi.org/10.1079/PNS2004399>
- Rajagopal, S., & M. Fernando , J. (n.d.). Masyarakat India dan Perjuangannya Selepas Pendudukan Jepun di Tanah Melayu, 1945-1950. *Jurnal Sejarah*.
- Rashidah Awang. (2015, March 8). Apa itu kajian kualitatif. SlideShare. <https://www.slideshare.net/rashidahawang3/apa-itu-kajian-kualitatif>
- Rubini Narayanasamy. (2013, February 3). 1. sumber primer. Slideshare.net. <https://www.slideshare.net/rubininarayanasamy5/1-sumber-primer>
- Rummy. (2020, October 19). *Little India Klang*. MyHometown. <https://myhometown.com.my/klang/little-india-klang/>
- Selamat, N. H., & Azmi, E. (2016). *Ethnic Identity and Cultural Heritage Tourism: An Ethnographic Study of the Indian Muslim Community in Penang*. *Asian Journal of Tourism Research*, Vol. 1. <https://doi.org/10.12982/AJTR.2016.0010>
- Si Indarella, C. (n.d.). Sorotan Kajian | PDF. Scribd. Retrieved June 26, 2023, from <https://www.scribd.com/document/347602256/SOROTAN-KAJIAN#>
- Sidi, K. (2017, May 5). Kekal warisan, budaya identiti kita. <http://www.utusanborneo.com.my/2017/05/05/kekal-warisan-budaya-identiti-kita>
- Smith , L. (2006). *Uses of Heritage* (nd, pp. 9–297). Rourledge.

- Sufian Suri, M. Z. (2023, January 15). Pembangunan Pekan Lama Ipoh kekalkan seni warisan sedia ada. *Harian Metro.*
https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/01/926032/pembangunan-pekan-lama-ipoh-kekalkan-seni-warisan-sedia-ada#google_vignette
- Sukri, S. (2022, September 22). Pelihara aset warisan demi kelestarian identiti Malaysia. *BHarian*.
<https://www.bharian.com.my/kolumnis/2022/09/997411/pelihara-aset-warisan-demi-kelestarian-identiti-malaysia>
- Sulaiman, A. B., Shamsuddin, S., Norbienna, S. L., & Anwar, M. (2007). Konsep Baru Model Bandaraya/Bandar Berasaskan Kepada Rupa Bentuk Bandar Tradisional. *Jabatan Kejuruteraan Awam.*
- Susilo, Y. S., & Soeroso, A. (2007). *Jurnal Penelitian Bappea Kota Yogyakarta.*
- Syahremie Teja. (2016, August 10). Kaedah penyelidikan (pensampelan). Slide Share.
<https://www.slideshare.net/tejasyahremie/kaedah-penjelidikan-persampelan>
- Teori identiti sosial / Sosial dan Psikologi Organisasi. (n.d.). *Psikologi, Falsafah Dan Pemikiran Tentang Kehidupan.* Retrieved July 21, 2023, from <https://ms.sainte-anastasie.org/articles/psicologa-social-y-de-las-organizaciones/teora-de-la-identidad-social.html>
- Tuckett, A. G. (2014). *Applying thematic analysis theory to practice: A researcher's experience. Contemporary Nurse, 19:* 75-87.
- Vaismoradi, M., Jones, J., Turunen, H., & Snelgrove, S. (2016). *Theme Development in Qualitative Content Analysis and Thematic Analysis. Journal of Nursing Education and Practice, 6(5),* 100–110. <https://doi.org/10.5430/jnep.v6n5p100>
- Akta Warisan Kebangsaan 2005
- Rancangan Kawasan Khas Tapak Warisan Dunia George Town 2016

- World Heritage Incorporated, G. T. (2019). Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town. *George Town World Heritage Incorporated.*
<https://gtwhi.com.my/ms/mengenai-kami/tapak-warisan-dunia-unesco-george-town>
- Yusof, M. Y. M. (2020). Sejarah Kedatangan Masyarakat India dan Penglibatan Awal dalam Sosio-Ekonomi di Negara Brunei Darussalam. *SUSURGALUR*, 8(1), 43–62. <https://doi.org/10.2121/susurgalur.v8i1.1288>
- Zahari, B. J. (2016, January 27). Pekan Lama Ipoh gamit pelancong. Bh Online. <https://www.bharian.com.my/taxonomy/term/2643/2016/01/118582/pekan-lama-ipoh-gamit-pelancong>
- Zakaria, N. (2018, May 25). Teori-teori Kebudayaan. Prezi.com. <https://prezi.com/p/dngtkaejlknw/teori-teori-kebudayaan/>

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

APPENDIX A**TRANSKRIPSI TEMUBUAL****PEMILIK OTTU KADAI / KOMUNITI INDIA****UNCLE DURAISINGAM****UNCLE JAYA****11 SEPTEMBER 2023****JALAN LITTLE INDIA, GEORGE TOWN**

PENGKAJI / INFORMAN	PERBUALAN
PENGKAJI	Buat ape... nama...
INFORMAN 1	Saya buat ini la. Duraisingam...Duraisingam...
PENGKAJI	Berapa umur you?
INFORMAN 1	Umur saya 56
PENGKAJI	Ohhh...muda...nampak macam 45 (ketawa)
INFORMAN 1	Eh, bapak saya dulu dia punya 1963...65 mai tengok...
PENGKAJI	Oh wow lama dah...
INFORMAN 1	Yang ni...
PENGKAJI	Oh wow...
INFORMAN 1	Bapak saya pi, saya ambik alih la.
PENGKAJI	Ohhh...uncle generasi ke berapa ni ?
INFORMAN 1	Dulu kedai kopi...tosei, kopi la...
PENGKAJI	Ni kecik ni la?
INFORMAN 1	Ye la, so orang luar masuk la...
INFORMAN 2	Dulu dia besar, lepas dia British mai kecik dah.
PENGKAJI	Uncle nama apa ?
INFORMAN 2	Masa tu besar. Jaya...Jaya...
PENGKAJI	Ohhh...
INFORMAN 2	Bapak dia...
INFORMAN 1	Masa tu 70-an 80-an okay la. So, bila MBPP buat projek baru punya, so depa kasi buat ubah suai depa buat kompleks Little India. So, depa komplex la, so depa buat macam ni lah.
PENGKAJI	Ohhh...
INFORMAN 1	So, 1 2 3 4 5 6 7 8, 12 kedai ada...
PENGKAJI	Ohhh...
INFORMAN 1	Ya, 82/85 depa buat ubah suai.
PENGKAJI	Tapi I baca an, uncle dekat artikel kan...diorang cakap Ottu Kadai ni macam kita beli, kita pandu lalu...so sekarang konsep tu ada lagi ke?
INFORMAN 1	Ada-ada.Banyak-banyak
PENGKAJI	Masih ada orang macam tu ?
INFORMAN 1	Haaa..kebanyakan depa suka. Mai moto...hey ni mai satu satu...mai surat khabar satu.
PENGKAJI	Ohhh...masih ada lagi sampai sekarang lah?
INFORMAN 1	Ada...mana-mana pon you pi jalan 5, Mecallum-Mecallum.

PENGKAJI	Oh, Mecallum...
INFORMAN 1	Sana pon ada dua kedai.
PENGKAJI	Oh. Masih ada?
INFORMAN 1	Ha.
PENGKAJI	Oh ya ah. Tak perasan.
INFORMAN 1	Tapi jangan pi Mecallum tu...you tau aaa...Din, Din Maju?
PENGKAJI	Din Maju, tau.
INFORMAN 1	Nasi Kandaq Din Maju ha...lepas Din Maju you belok an. You masuk belok...
PENGKAJI	Haaa...
INFORMAN 1	Belok kanan, tengah-tengah ada satu kedai.
PENGKAJI	Masih ada la?
INFORMAN 1	Masih ada...
PENGKAJI	Ohhh...dia bukan dekat sini saja la?
INFORMAN 2	Satu Pulau Pinang ada...satu Pulau Pinang ada.
PENGKAJI	Oh. Tapi jumlah dia macam...
INFORMAN 2	Tapi sudah kurang lah...
PENGKAJI	Ya ya, itulah saya tak tahu.
INFORMAN 1	Kebanyakkan office mau ambik. Majlis Bandaraya punya projek sudah kasi kurang. Siapa cepat ada lesen tu dia sambung.
PENGKAJI	Oh kena ada lesen...
INFORMAN 2	Majlis Bandaraya punya isu aaa...
PENGKAJI	Patut lah...paham. Jadi di kawasan sini, kedai ni saja ka? Atau ada lagi?
INFORMAN 1	Dia 12 kedai...
PENGKAJI	Kalau bagi untuk saya, saya buat...field work dekat Little India. Jadi, dalam masa tempoh observation dekat kawasan tu, saya ada perhati beberapa kekurangan lah. Contoh, dekat kawasan tersebut kalau kita lihat dia punya...jalan ataupun dia punya struktur perancangan dekat bandar dekat situ an dia macam tak teratur. Jadi, kawasan tu dulu saya interview beberapa responden, dia cakap dekat situ selalu akan ada pelancong ke luar masuk dengan banyak lah tapi disebabkan

	diorang ada buat macam pembangunan, struktur jalan makin kecil. Jadi, jumlah pelancong tu makin kurang. So, ada juga...masalah dalam apa...kekacauan warisan ketara dekat situ. Macam Ottu Kadai. Jadi apa pandangan Puan dalam isu ni?
INFORMAN 6	Okay, berkenaan dengan yang cik cakap pasal kurang pelancong...
PENGKAIJI	Hmmm-hmmm.
INFORMAN 6	Ini boleh saya tahu tak data dia dari mana atau apa...apa...pengukuhan yang mengatakan kurang pelancong?
PENGKAIJI	Saya takde lah data stastik tu. Takde lah cuma saya bertanya kepada masyarakat dekat sana lah. Komuniti India di sana. Diorang cakap dulu kalau ikot kan pendapatan diorang tu banyak, pelancong datang tu ramai berbanding sekarang. Sebab kawasan tu makin...cakap mana eh...susah untuk diorang lalu. Especially, macam kereta. Jadi, diorang punya pendapatan makin kurang. Macam tu...
INFORMAN 6	Kalau nak focus pasal satu cerita, isu dia mostly pasal kurang tempat letak kereta lah. Sebab...sebab kalau letak kereta sebarang nanti kena saman. Jadi, isu parking lot dekat situ actually MBPP mengusahakan untuk adakan...diorang mengusahakan untuk adakan parking bertenagak. Jadi, sebab kawasan shop lot dekat situ tak...sebab dia kan rumah jenis shop house, panjang roll. Jadi, parking di betul-betul depan kedai tu sangat limited...dan untuk dapatkan parking pulak mostly agak susahlah untuk dapat. Melainkan datang awal dan...boleh parking jauh untuk jalan ke kedai tu. Jadi, bila susah nak dapat parking kadang ada je dimana orang double park pastu dia menyebabkan traffic jam dekat situ. Jadi, mungkin...ada orang yang rasa renyah lah untuk nak parking kat situ, untuk nak pergi kawasan tu sebab macam...macam....Cik kata tadi, dia kawasan sempit kan, dah lah kecil parking takde pulak tu. And then, double park lagi pastu dia akan cause traffic jam lah dekat situ. Melainkan orang parking jauh dan berjalan.
PENGKAIJI	Betul. So, kalau dekat situ...saya buat kajian pasal Ottu Kadai. Saya ada temubual...sorang responden saya nama dia Ali. Uncle Ali lah. Saya panggil dia Uncle Ali, dia merupakan last generation dalam mengekalkan ni lah Ottu Kadai dekat situ. Jadi, kalau once dia dah takde, so warisan ketara Ottu Kadai tu akan hilang lah. Jadi, apa usaha atau pon tindakan yang boleh diambil bagi memastikan jumlah Ottu Kadai tu ada walaupun berkurang. Macam tu...
INFORMAN 6	Okay, kalau yang ni saya tak boleh bagi ideal yang macam...sebab dia kata ni generasi ni kan...jadi mungkin dia boleh...anak-anak dia atau dia atau keluarga dia untuk teruskan perniagaan tu. Atau...
PRNGKAIJI	Tapi...dia cakap sebab dia dah ni kan...dia dah bagi macam...untuk wariskan untuk anak-anak dia tapi anak-anak

	dia macam...tak berminat. Haa macam tu. Jadi, dia terpaksa teruskan lah walaupun kadang-kadang jumlah pendapatan dia tu tak sampai RM 1000.00 pon. Sebab diorang dah mula tak dikenali dan ada persaingan daripada kedai-kedai supermarket. Macam tu...
INFORMAN 6	Satu lagi cara adalah mungkin dia boleh...biasanya kalau...dekat George Town...kalau satu-satu lot dia nak....macam mana nak kata. Dia punya, dia akan pastikan perniagaan yang sama dilakukan. Contohnya kalau...Ottu Kadai...jual apa eh?
PENGKAIJI	Dia macam kedai runcit, barang-barang keperluan.
INFORMAN 6	Kedai runcit okay. Jadi mungkin kalau dia dah tak teruskan perniagaan tu, dia boleh pastikan...orang yang the next person yang take over kedai tu akan buat perniagaan kedai runcit juga. Perniagaan jenis yang sama lah.
PENGKAIJI	Tapi...kata Uncle Ali dia cakap disebabkan kedai...Ottu Kadai tu dia perlu permit dan kelulusan daripada MBPP mengenai kalau kata kan dia nak meneruskan perniagaan tersebut...dia kena wariskan. Kalau dia tak wariskan, so benda tu akan terbatal lah. Maksudnya, permit lesen dekat tempat tu untuk menjual barang-barang keperluan tu tak boleh. Dia macam kena bagi kepada...dia punya ni lah saudara, macam tu.
INFORMAN 6	Setahun saya kalau...pasal ni...dia...MBPP akan pastikan perniagaan jenis yang sama dilakukan, jadi kata lah bertukar owner itu tidak mengapa, takpe itu masih boleh di terima.
INFORMAN 6	Semestinya komuniti tu sendiri. Sebab kita dapat title UNESCO pon daripada salah satu kami punya...sebab untuk dapat title UNESCO ni kita kena capai beberapa bend. Jadi salah satu yang kami, salah satu kateria yang kami boleh capai adalah disebabkan komuniti di sekeliling. Disebabkan harian dioran, so dia kena start daripada situ. Jadi, tapi tanpa bantuan daripada...kerajaan juga ada juga benda yang tak dapat dilakukan. It's work both way. Dan memang saling perlukan antara satu sama lain. Di sini kerajaan mungkin dari segi untuk menggalakkan lagi la. Sebab dia akan menguntungkan kedua-dua pihak. Bukan satu pihak sahaja untung salah satu rugi tak.
PENGKAIJI	Hmmm, faham. Kalau macam ada benda yang GTWHI tak boleh kawal contoh tak boleh bukan dalam bidang GTWHI ke ada rujuk mana-mana pihak ke ataupun macam mana?
INFORMAN 6	Kita akan rujuk kepada Jabatan Warisan, Perseruhjaya Jabatan Warisan sebab yang tu Perseruhjaya Jabatan Warisan dia under negeri. Sebab apa berbalik kami akan rujuk Perseruhjaya Warisan.
PENGKAIJI	Hmmm. Jadi diorang akan bagi panduan dekat GTWHI lah?
INFORMAN 6	Dia akan bagi panduan...dia...kalau yang macam kaji...Shahirah kata pasal benda yang di luar kawasan maksudnya yang contoh yang ada tapak yang orang nak

	jadikan heritage tapi di luar kawasan George Town kan? Betul ke?
PENGKAJI	Ha ah betul.
INFORMAN 6	Kalau macam tu kami akan rujuk balik kepada Persuruhjaya Warisan sama ada...betul...kita akan bagi balik kepada negeri lah untuk check balik sama ada kita dah diwartakan under negeri atau tak.
PENGKAJI	Hmmm. Selain daripada GTWHI bagi kesedaran, bagi ada tindakan yang lain, apa lagi organisasi ni lakukan?
INFORMAN 6	Kami buat education jugak sebab sometimes ada perminataan daripada universiti untuk datang melawat dan minta kami bagi taklimat. Jadi, yang tu pon kami buat jugak kita ada buat taklimat macam kita akan introduce kami GTWHI, untuk peranan kami dan ada jugak yang mintak adakan site visit tour. Jadi, yang tu pon kami buat jugak, kami educate people. Pastu kita akan...engage dengan komuniti. Ada juga yang macam buat AED. Haritu kita ada buat AED training, CPR AED tu. Tu pon kami jemput local komuniti jugak untuk join dan training tu. Jadi, kita engage lah dengan komuniti tak asingkan komuniti. Dan macam yang saya bagi tahu tadi tu ada jugak komuniti dimana dia nak renovate rumah, kami akan datang untuk dapatkan... bantuan atau dapatkan advice lah macam mana apa yang boleh buat tak boleh buat. Kita akan go through.

UNIVERSITI
 ——————
 MALAYSIA
 ——————
 KELANTAN

TRANSKRIPSI TEMUBUAL

5 DEC 2023

PUAN MUSHIRAH

PEGAWAI ARKITEK

JABATAN KONSERVASI WARISAN: MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG (MBPP)

PENGKAJI / INFORMAN	PERBUALAN
PENGKAJI	Saya buat kajian dekat tapak warisan dunia pasal objek warisan Ottu Kadai. Jadi,...dia melibatkan beberapa pihak berkepentingan untuk saya dapatkan data.
INFORMAN 7	Boleh dak saya tau Cik selain jabatan kami MBPP...jabatan apa lagi yang Cik Sahira dah approach dah?
PENGKAJI	Kalau NGO saya dah approach PHT...
INFORMAN 7	Benda apa?
PENGKAJI	Kalau NGO dah approach PHT Penang Heritage Trust...
INFORMAN 7	Oh Penang Heritage Trust.
PENGKAJI	Satu lagi GTWHI. Kalau untuk Kerajaan saya MBPP dengan JWN saja.
INFORMAN 7	So...GTWHI dah jumpa dah? Interview dah?
PENGKAJI	Dah. Dah-dah.
INFORMAN 7	Cik Sahira orang mana?
PENGKAJI	Saya orang Penang.
INFORMAN 7	So, boleh lah kita cakap Penang nah...(Ketawa)
PENGKAJI	Haaa boleh-boleh. (Ketawa)
INFORMAN 7	Okay, saya Mushirah Binti Muhammad Badaruddin. Arkitek Warisan Jabatan Konservasi Warisan ni lah. Bersama saya Encik Muhammad Azmi Pegawai Seni Bina juga dari Jabatan Konservasi Warisan. Okay, maaf ya Cik Sahira email ni baru saya perasan Cik Sahira ni study berkaitan dengan Ottu Kadai.
PENGKAJI	Haaa...
INFORMAN 7	Haaa...saya go through soalan, saya tak perasan yang dekat atas tu.
PENGKAJI	Oh tajuk tu ka?
INFORMAN 7	Ha tajuk tu. Okay, sat nah, kira ni soalan no satu lah kan?
PENGKAJI	Haa aa.
INFORMAN 7	So, kita kenal-kenal dulu. Okay, untuk makluman lah kan jabatan kami ni, Jabatan Konservasi Warisan ni kami focus more to penguatkuasaan dan jugak kawalan pembangunan tapak warisan. Macam GTWHI dia punya more to cultural punya tangible.
PENGKAJI	Betul.
INFORMAN 7	Kami ni more to pemantauan dan juga kawalan pembangunan. Contoh, kalau pemohonan plan masuk kami yang proses lah, tgok on site ada illegal structure ka, jabatan kami yang akan dengan bersama-sama penguatkuasa kami akan ambik tindakan lah. So, jabatan kami ni focus kepada more bangunan-bangunan dalam Tapak Warisan Dunia George Town dan juga bangunan diluar

	tapak warisan dunia yang mana bangunan itu dijaga sebagai warisan. So, permohonan yang berkaitan bangunan tersebut akan rujuk kepada jabatan kami. Haaa...setakat ni untuk macam...saya pon taktau sangat Ottu Kadai tapi saya just go through google...tadi pon saya ada tanya staff jugak. Rupanya kedai-kedai Indian yang small-small shop dekat tepi jalan yang ada juai semua items kan...
PENGKAIJI	Betul.
INFORMAN 7	Okay, so sebab jabatan kami ni focus more to pembangunan tapak warisan tapi bolehlah kita sharing lah. Boleh tau GTWHI cakap apa berkaitan Ottu Kadai ni, ni more cultural heritage jugak just more to tangible GTWHI lah depa ada trander punya list. Cuma jabatan kami focus banyak pada bangunan dan monumen warisan.

UNIVERSITI
 ━━━━━━
 MALAYSIA
 ━━━━━━
 KELANTAN

TRANSKRIPSI TEMUBUAL**5 DEC 2023****PUAN MUSHIRAH****PEGAWAI ARKITEK****JABATAN KONSERVASI WARISAN: MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG (MBPP)**

PENGKAJI / INFORMAN	PERBUALAN
PENGKAJI	Saya buat kajian dekat tapak warisan dunia pasal objek warisan Ottu Kadai. Jadi,...dia melibatkan beberapa pihak berkepentingan untuk saya dapatkan data.
INFORMAN 7	Boleh dak saya tau Cik selain jabatan kami MBPP...jabatan apa lagi yang Cik Sahira dah approach dah?
PENGKAJI	Kalau NGO saya dah approach PHT...
INFORMAN 7	Benda apa?
PENGKAJI	Kalau NGO dah approach PHT Penang Heritage Trust...
INFORMAN 7	Oh Penang Heritage Trust.
PENGKAJI	Satu lagi GTWHI. Kalau untuk Kerajaan saya MBPP dengan JWN saja.
INFORMAN 7	So...GTWHI dah jumpa dah? Interview dah?
PENGKAJI	Dah. Dah-dah.
INFORMAN 7	Cik Sahira orang mana?
PENGKAJI	Saya orang Penang.
INFORMAN 7	So, boleh lah kita cakap Penang nah...(Ketawa)
PENGKAJI	Haaa boleh-boleh. (Ketawa)
INFORMAN 7	Okay, saya Mushirah Binti Muhammad Badaruddin. Arkitek Warisan Jabatan Konservasi Warisan ni lah. Bersama saya Encik Muhammad Azmi Pegawai Seni Bina juga dari Jabatan Konservasi Warisan. Okay, maaf ya Cik Sahira email ni baru saya perasan Cik Sahira ni study berkaitan dengan Ottu Kadai.
PENGKAJI	Haaa...
INFORMAN 7	Haaa...saya go through soalan, saya tak perasan yang dekat atas tu.
PENGKAJI	Oh tajuk tu ka?
INFORMAN 7	Ha tajuk tu. Okay, sat nah, kira ni soalan no satu lah kan?
PENGKAJI	Haa aa.
INFORMAN 7	So, kita kenal-kenal dulu. Okay, untuk makluman lah kan jabatan kami ni, Jabatan Konservasi Warisan ni kami focus more to penguatkuasaan dan jugak kawalan pembangunan tapak warisan. Macam GTWHI dia punya more to cultural punya tangible.
PENGKAJI	Betul.
INFORMAN 7	Kami ni more to pemantauan dan juga kawalan pembangunan. Contoh, kalau pemohonan plan masuk kami yang proses lah, tgok on site ada illegal structure ka,

	jabatan kami yang akan dengan bersama-sama penguatkuasa kami akan ambik tindakan lah. So, jabatan kami ni focus kepada more bangunan-bangunan dalam Tapak Warisan Dunia George Town dan juga bangunan diluar tapak warisan dunia yang mana bangunan itu dijaga sebagai warisan. So, permohonan yang berkaitan bangunan tersebut akan rujuk kepada jabatan kami. Haaa...setakat ni untuk macam...saya pon taktau sangat Ottu Kadai tapi saya just go through google...tadi pon saya ada tanya staff jugak. Rupanya kedai-kedai Indian yang small-small shop dekat tepi jalan yang ada juai semua items kan...
PENGKAJI	Betul.
INFORMAN 7	Okay, so sebab jabatan kami ni focus more to pembangunan tapak warisan tapi bolehlah kita sharing lah. Boleh tau GTWHI cakap apa berkaitan Ottu Kadai ni, ni more cultural heritage jugak just more to tangible GTWHI lah depa ada trander punya list. Cuma jabatan kami focus banyak pada bangunan dan monumen warisan.
INFORMAN 7	Boleh ja kalau kita nak sembang secara informal macam ni. Contohnya, macam nak besaqkan jalan tu, yang tu daripada Jabatan Kejurteraan MBPP pulak. Tapi setiap kali nak ada pembangunan ka apa melalui...contoh nak besarkan jalan, Jabatan Kejurteraan pon akan refer pada jabatan kami. So, kalau macam dah GTWHI apa semua, kalau tak salah saya GTWHI pon depa ada list-list traditional treat yang asal lah. Yang mana yang bagi significantrought kita punya value pada kita punya heritage. So, dia kategori reserve. So, kita tak lah simply...macam kita kena conserve jugak lah traditional treat ni. Cumanya, kalau perbesaq jalan apa semua tu mungkin kita pon ada tapak-tapak penjaja yang mana berfokus...yang...yang kita pindah kat tempat lain supaya depa lagi selamat, lebih selesa lebih kurang macam tu lah. Tapi tu under perlesenan lah. Jabatan kami bagi ulasan ja.
PENGKAJI	Macam kalau tempat...kedai dia tu kalau katakan dia dah...dia cerita kat saya kalau dia dah mati maksudnya kedai dia tu mungkin akan di robohkan atau diubah suai guna. Maksudnya, boleh ka dalam keadaan yang macam tu? Sebab dia kan warisan salah satu warisan dekat tapak warisan kita tu. Contoh kalau dia dah takdak apa jadi dengan kedai dia macam tu?
INFORMAN 7	Boleh dak saya nak tau Cik...Cik buat survey dekat site di Little Indian tu, berapa banyak kedai yang...yang...Ottu Kadai yang ada kat situ?
PENGKAJI	Kalau sekarang dah tinggi 2. Dulu 6.
INFORMAN 7	Oh, dulu ada 6?
PENGKAJI	Ya.
INFORMAN 7	Sekarang 2 saja?
PENGKAJI	Ya, 2 saja.
INFORMAN 7	(Ketawa) Yang 4 lagi tu dia jadi apa dekat site?

PENGKAJI	Dia dah diubah suai penggunaan dia. Maksudnya, dulu kan dia juai contoh...Ottu Kadai berniaga barang-barang orang kata keperluan kan macam tu kan, pastu sekarang ni dia dah jadi macam orang berniaga satu...satu produk ja. Contoh, produk macam ibadat untuk orang India, yang tu ja. So, keaslian Ottu Kadai tu dah hilang lah.
INFORMAN 7	Tapi structure dia tu masih ada lah?
PENGKAJI	Ha masih ada. Masih melekat dekat bangunan tu.
INFORMAN 7	Masih melekat tapi dia tak buat sebarang pindaan apa-apa pon ubah dak lah?
PENGKAJI	Ha betul-betul.
INFORMAN 7	Oh, sebab...yang...yang 2 ni masih aktif lah?
PENGKAJI	Hmmm masih aktif.
INFORMAN 7	Sebab kita kan macam Little India ni kalau tak salah saya lah, depa ada...orang panggil apa eh...Little Indian punya...pedagang-pedagang Little India punya populasi...depa ada persatuan tau. Macam persatuan Hindu India Muslim apa semua tu. So, kalau kita nak buat apa-apa pon contoh haritu an macam kita pernah buat pinjam papan tanda...kita panggil persatuan-persatuan ni macam denga dulu macam mana cara nak pasang papan tanda...ni ni ni...so depa bawak lah persatuan-persatuan depa ni. So, mungkin dari segi penggekalan kedai-kedai ni mungkin kalau kita approach persatuan tu...contoh kita kata benda ni penting kepada warisan Pulau Pinang, kita patut persepsi benda tu sebagai...sebab dulu kan dia warisan, sebab tu kita kena kekal dankekalkan sampai bila-bila. Mungkin persatuan tu dia boleh trace benda tu. So, pihak MBPP, pihak GTWHI, JWN boleh take note lah benda tu sebab. Yang part dok ada kat site ni, kami pon taktau...
PENGKAJI	Ohhh...
INFORMAN 7	Haaa...sebab jabatan kami ni focus pembangunan semasa. Masuk plan kami proses. Kalau ada legal structure kami proses...
INFORMAN 7	Betul-betul. Sebab saya pon perasan saya tengok dalam list GTWHI punya traditional threat dia focus tradisional yang ada kedai-kedai tersendiri. So, yang macam kedai-kedai yang kecil-kecil ni kita terlepas pandang lah.
PENGKAJI	Besa lah...
INFORMAN 7	Terlepas pandang. Dia tak ni sangat. Lagipon, selalunya kalau tak salah saya lah, kedai-kedai yang on side ni yang ada kecil-kecil ni depa ni terlibat dengan perlebaran jalan. So, depa tu macam illegal lah bagi kami.
PENGKAJI	Betul.
INFORMAN 7	Takdak kelulusan. So, memang kita tak galakkan pon. Tapi kita tak halang. Sebab ada perlesenan pon...tapi ni double check lah bahagian perlesenan kami, depa ada lesen ka dak. Tapi kalau tak salah saya kami dah lama bagi lesen.

	Cumanya, lesen tu ada syarat dia tu mungkin lah kalau tak salah saya...dipersyaratkan generasi pakecik ni ja.
PENGKAJI	Ha betul.
INFORMAN 7	Dia punya orang lain tak boleh bersambung. Yang tu saya taktau macam tu...
PENGKAJI	Dia cakap...orang...orang yang bukan daripada generasi depa tak boleh ambik alih kedai tu. Mungkin kalau nak ambik pon jadi kedai lain lah.
INFORMAN 7	Ha betul-betul. Rasa yang tu Cik Sahira ataupun...Cik Sahira kena double check balik dengan perlesenan lah. Jabatan perlesenan juga nak tau macam mana lesen-lesen punya prosedur untuk Ottu Kadai ni macam mana. Sebab tu lah, jabatan kami ni banyak kepada illegal-illegal structure pembangunan punya plan semuanya yang tu lah. Tapi structure punya significant ni GTWHI. Depa yang bagi awaraness untuk kebudayaan, pengekalan yang tu lah.
INFORMAN 7	Bagi saya lah, benda ni pon patut lah kekal jugak cumanya jadi isu sekarang...orang sana sendiri yang takdak generasi yang nak pikul perniagaan tu. Anak-anak mudah sekarang dah tak minat dah kerja-kerja macam tu. Tapi sekarang depa boleh focus macam online, baca kat handset kita tak beli dah kat Ottu-ottu Kadai ni. Pastu barang-barang keperluan tu sekarang kan speedmart merata, diy pon merata ada. Lagi pon kawasan George Town ni kita dah macam kekurangan penduduk tau, orang sendiri yang duduk kat situ dah berkurang. So, Ottu Kadai ni depa juai ni mungkin untuk pekerja dengan penyewa yang bekerja dekat situ jelah. Mungkin zaman dulu ramai penduduk. Kita punya tapak warisan ni population penduduk makin lama makin berkurang. Mungkin salah satu sebab kenapa perniagaan-perniagaan macam pon makin pupus, penduduk pon makin berkurang. Cumanya, kita di MBPP ni kita adalah program untuk populating balik George Town kita tambah penduduk. So, kita macam galakkan kediaman dalam tapak warisan ni tapi benda tu makan masa lagi lah.
PENGKAJI	Hmmm....
INFORMAN 7	That's why kita buat dataran jalan, more to public transportation...kita galakkan kemajuan pon melibatkan kediaman. Sebab kita nak orang menetap dalam kawasan tapak warisan. Pekerja-pekerja di tapak warisan ni pon menetap didalam tapak ni dan bekerja. Tapi cumanya dari segi kedai ni kita tengok kedia tu sekarang Speedmart banyak juai barang-barang macam-macam. Sebab apa-apa kadang-kadang kita kata macam 7e lah banyak lah jugak kan sekarang 24 hour. Sekarang banyak lagi kedai lebih-lebih yang ala-ala macam 7e tu kan? Macam-macam jenis ada. Orang sekarang lagi suka pi kejdai-kedai macam tu. Lagi pon, Little India ni dia macam crowded sikit.
PENGKAJI	Hmmm betul.

INFORMAN 7	Jadi focus kepada penduduk di sekitar tu lah. Orang-orang Little Indian punya budaya apa semua lah. Dari segi tu mungkin orang kawasan yang duduk kawasan pon tu dah makin berkurang.
PENGKAIJI	Hmmm. Tu lah dia cerita kat saya macam tu lah. Pastu dia kata dulu Ottu Kadai banyak dekat jalan-jalan kan? tapi macam Puan cakap lah mungkin setengah daripada depa tu takdak lesen. Meniaga pon secara macam tu ja kan? So, terpaksa lah kita ni...tapi dia cakap kalau dekat Little Indian tu 2 je lah. Yang selebihnya mungkin dah takdak. Sebabnya Ottu Kadai ni dia punya konsep sendiri lah. Dia selain daripada dia juai...orang kata apa...barang-barang tu...dia macam dia juai...dia pembelian tu secara pandu lalu. Ha macam tu lah, macam contoh kita nak beli kita kata macam kita nak rokok ka apa ka just bayaq pastu kita pi macam tu. Dia macam drive thru macam tu. Sebab tu lah dia...
INFORMAN 7	Sebab tu dia dok kat tepi-tepi jalan.
PENGKAIJI	Haaa betul-betul.
INFORMAN 7	Bila orang lalu ja jalan tu. Kalau naik moto senang lah nak beli kat dia. Takpayah parking moto.
PENGKAIJI	Hmmm...kalau contoh bangunan tu warisan pastu kita nak buat pembangunan dekat sekitar tu yang boleh menjaskan bangunan tu adakah benda tu salah ataupun macam mana?
INFORMAN 7	Contohnya, Ottu Kadai dia attach dengan bangunan warisan. Bangunan warisan ni coner lot lah. So, dia attach tu bangunan lot ni dia nak buat kemajuan so kita...kita akan mohon lah, kita akan bagi ulasan pada perlesenan jugak sama ada perniaga ni ada lesen atau tak? Kalau ada lesen kita tak kacau lah tapi willing kepada owner dia sebab Ottu Kadai selalunya atas...nama dia diatas lot jalan majlis ataupun ataupun atas lot pemilik bangunan yang baru tu pemilik bangunan tu. Saya pon taktau dari segi sewa dia, depa bayaq sewa kepada MBPP ka...rasa bukan kot, depa cuma bayaq lesen ja kot pada kami. Sewa kepada...kalau dia involve dalam lot pemilik bangunan attach bangunan tu mungkin dia sewa pada kawan tu lah. Kalau atas jalan mungkin tak bayaq sewa dekat sapa-sapa lah. Cumanya, bangunan baru saya tak cakap pasal Ottu Kadai lah saya cakap secara kita punya garis panduan apa-apa saja binaan yang terlibat dekat atas ROW kita reserve vote. So, any new structure tak allow...tak dibenarkan. So, untuk bangunan baru ni kita akan tengok dia follow guidlines tu, so kalau ada kita minta dia roboh lah.
PENGKAIJI	Hmmm...
INFORMAN 7	Ha cumanya ada setengah macam...perlesenan ni depa ada tapak-tapak pejaja semua tu memang tapak penjaja tu selalunya tepi jalan lah jugak kalau kita perasan kemajuan baru tu ada melibatkan structure-structure yang...penjaja-penjaja ni pon kita akan refer kepada perlesenan untuk

	ulasan lanjut sama ada depa ni ada lesen atau tak. Kita tak lah mintak buang ka apa ka sebab logiknya kalau dia ada lesen maksudnya kita boleh pertimbangkan lah.
PENGKAJI	Hmmm...faham. Kalau benda tu...macam contoh dekat jalan tu beberapa warisan yang kita tak perasan pon dekat jalan tu pastu ada pembangunan maksudnya ada ni lah, pastu benda tu jejas adakah MBPP bertanggungjawab ataupun pihak lain ?
INFORMAN 7	Yang terjejas Ottu Kadai tu ka?
PENGKAJI	Tak kesah Ottu Kadai ka atau warisan lain ka, contoh.
INFORMAN 7	Sebab kita ada guidelines kita ada MBPP Special Area Plan. So, setiap kemajuan yang baru ataupun rumah kedai yang sedia ada semua kena follow guidelines yang ada dalam Special Area Plan tu. Pernah dengaq dak Special Area Plan?
PENGKAJI	Pernah.
INFORMAN 7	Ada softcopy dia?
PENGKAJI	Ada.
INFORMAN 7	So, dalam tu dia ada cerita juga...apa...orang panggil apa kawasan-kawasan Little India ni focus-focus pada apa...tempat ka apa ka...aktiviti apa dibenarkan kat kawasan tu...dia tak simplely lah bagi contoh kedai ni sesetengah area saja untuk buat hotel, contoh lagi pusat-pusat hiburan, tak semua jalan dibenarkan buat pusat hiburan setengah tempat saja. So, kalau follow guidelines sop tu...follow betul-betul rasanya warisan-warisan dekat sekitar tu tak terjejas lah sebab guidelines tu untuk protected kita punya tapak warisan.
PENGKAJI	Faham-faham. Kalau macam Ottu Kadai ni kan uncle Ali ni dia last generation lah untuk Ottu Kadai tu kalau dia takdak, takdak dah lah. Kira Ottu Kadai. Dia cakap kalau kita turun field kalau kita pi interview komuniti-komuniti cakap pihak atasan tak buat qeja. Bila kita pihak atas cakap yang bawah yang peranan untuk bagi tau depa punya warisan kan? So, sekarang ni dia macam ada satu isu yang orang kata kata pa...top dengan bottom tak seimbang macam tu. Kalau PHT pon...kalau saya interview PHT pon Mister Clement cakap pon sebenarnya komuniti dengan pihak atas tu sama-sama lah tapi dekat Tapak Warisan Dunia tu dia macam lain sikit sebabkan ada isu-isu politik, isu pembangunan macam tu lah dia cerita.
INFORMAN 7	Okay lah kami bagi satu pandangan...kalau saya sendiri...kalau generasi depa ni orang-orang Little India ni...depa nak preserve betui-betui Ottu Kadai ni depa kena bersuara lah. Pastu kena ada betui-betui lah generasi macam wakil persatuan ataupun....maksudnya ada macam orang-orang Yb kawasan tu ka...Yb untuk rise kan benda ni. Sebab memang kalau depa buka kedai pastu takdak orang yang willing untuk meniaga pon tak jadi jugak lah Ottu Kadai tu betui dak? Depa pon takdak. Generasi pon

	takmau continue tak berminat. Selain daripada tapak warisan macam takdak orang dah kan, kurang orang tapi secara logiknya kalau depa nakkekalkan konsep kedai Ottu Kadai ni depa kena ada generasi depa yang macam usaha ke arah tu jugak lah. Contoh macam dia cakap anak-anak takmau continue ka? Sebab depa pon tak berminat kan?
PENGKAJI	Ha sebab anak dia pon takmau.
INFORMAN 7	La buka kedai tapi still lagi pi makan nasi kandaq. So, dia kena lah macam...taktau lah sama ada dia nakkekalkan identiti Ottu Kadai dia tu ataupun dia kena upgrade sikit. Kalau upgrade dia tak jadi Ottu Kadai lah kot. Jadi kedai besa lah.
PENGKAJI	Dia jadi tak sama dah lah macam mana keaslian dia tu.
INFORMAN 7	Ha betui. Kenapa ambik topik ni?
PENGKAJI	Sebabnya dia...first sebab dia warisan nak pupus. Saya focus untuk warisan yang macam ada masalah kan. Pastu kedua, sebabnya ramai sangat buat pasai warisan orang Melayu jadi saya pon nak cuba benda baru saya pon buat lah untuk masyarakat India. Macam tu lah...
INFORMAN 7	Ha tu macam lebih kurang lah...kalau macam tu rasanya depa ni pon...structure depa pon bukan original asal daripada bangunan tu. Pada kami illegal structure lah. Structure yang tidak dibenarkan lah kena semak sama ada lesen ka takdak lesen.
PENGKAJI	Hmmm faham.
INFORMAN 7	Dega nak pupus dah noh kesian noh.
PENGKAJI	Ha tu lah dulu banyak dia kata kat saya...tepi-tepi jalan Little India tu ada 6. Waktu depa colab dengan PHT untuk buat program awaraness lah nak bagi tau pasai Ottu Kadai ni kan, pastu dah lama-lama tu dia jadi slow down...takdak makin lama kita pon maju. So, benda tu makin lama orang taktau lah tu benda pa Ottu Kadai tu. Kalau peranan PHT mungkin dari segi program-program kesedaran depa buat lah. Kalau macam untuk melestarikan ataupun sustain Ottu Kadai tu memang tak dapat lah depa cakap.
INFORMAN 7	Tapi kami pon takdak lah program melestarikan Ottu Kadai ni saja sebab kita pon taktau structure tu illegal ka dak ka ada lesen ka tak. Pastu dari segi lesen jabatan kami pon taktau sama ada depa tu ada lesen ka takdak lesen ka. Yang kena semak balik, mungkin kalau tak salah saya dekat Lebuh Pasar ni ada jugak yang kat area mana MBPP ada bina tau kedai-kedai kecil-kecil yang tepi jalan. Kalau tak salah saya ada 8 ka 6 ka ada kan...so, kedai-kedai tu macam...pendapat saya lah kedai kecil-kecil ni macam Ottu Kadai lah kot tapi depa niaga tu taktau lah sama ada Melayu ka, Cina ka India ka tapi depa tu berlesen. Oh depa berlesen. Sebab MBPP yang buat bagi depa meniaga atas jalan.
PENGKAJI	Hmmm deret jalan tu lah?

INFORMAN 7	Ha sederet jalan tu.(bercakap dengan pegawai lain) Dia ada beberapa unit kot, kalau tak salah saya 6? Lebih pada 5 lah. Kiri kanan-kiri kanan.
PENGKAJI	Jalan pa?
INFORMAN 7	Rasa dekat Lebuh Pasar.
PENGKAJI	Dekat Lebuh Pasar tu lah Ottu Kadai. Ada 1-2 Ottu Kadai kat situ.
INFORMAN 7	Kalau tanya depa, depa bayaq sewa ka? Depa bayaq lesen?
PENGKAJI	Depa bayaq lesen depa kata. Deret tu kan? Ada satu depan pastu dekat belakang sikit tu sebelum...sebelah bubur kacang Mydin...
INFORMAN 7	Nanti kalau sempay saya semak balik. Saya Whatapps kat Cik balik.
PENGKAJI	Boleh takdak masalah.
INFORMAN 7	Nanti Cik boleh tengok lah. Yang tu pon taun dulu lah...taktau projek tu tahun bila sebab waktu tu saya tak keja lagi. Kami ingat ka benda tu illegal structure so kami pon ambik action. Owner baru dia takmau lah ada ada penjaja dekat tepi kedai dia. Pastu pon kami macam notice, bila kami notice dimaklumkan bahawa kedai dia ada lesen. Rupanya ni salah satu projek MBPP naik taraf kawasan tu lah. Nanti saya check dan saya Whatsapps Cik macam mana.
PENGKAJI	Boleh-boleh.
INFORMAN 7	Kita sebenarnya salah satu jabatan kami MBPP punya ni kita kena sama jugak macam GTWHI cumanya. Kenakekalkan title UNESCO, Tapak Warisan Dunia UNESCO, George Town. Dari segi kami, kami more to kepada bangunan-bangunan warisan perlu ikot garis panduan yang sedia ada dalam SAP kalau GTWHI depa ada depa punya lah more kepada kebudayaan. Tau kan kita dapat sebab 3 kan? Ha 3 OPU, so jabatan kami kalau...kalau secara tu kami memantau proses berdasarkan SAP kami juga menguatkuasakan tindakan penguatkuasaan tapak jika ada illegal structure yang tu jela. More untuk visi dan misi an, ni saya kena check kami punya...mungkin boleh tengok dekat MBPP punya website.
PENGKAJI	Boleh-boleh takdak masalah.
INFORMAN 7	Rasa dekat situ pon ada tulis. Dekat jabatan punya visi dan misi. Sat nah saya buka sat tengok macam mana. Kalau Cik nak senang Cik pi dekat MBPP punya websitedekat situ pon ada jabatan kami punya objektif visi misi. Macam yang saya cerita tadi lah objektif dia mengawal kemajuan-kemajuan dan tindakan tambahan bagi semua bangunanwarisan dan tapak warisan untuk bangunan warisan di sekitar. Pastu mengawal kemajuan bangunan yang saya cerita pasai proses plan apa semua. Pastu mengkaji penambah baikkan bangunan wairsan ni garis panduan ni more kepada bangunan lah. Merancang dan mengawal bangunan-bangunan warisan. Ni pon lebih

	kurang sama. Proses pemohonan, operasi tanpa kebenaran, tapak dan laporan. Visi takdak lah. Visi dan misi mungkin general MBPP punya rasanya. Kalau ikot kan macam saya cakap tadi lah semua bangunan ni mesti terkawal kita preserve guna SAP tapi....nanti Cik saya bagi email perlesenan dan jugak yang saya cakap tadi. Isu-isu dekat Lebuh Pasar tu. Cik pon boleh semak dengan perlesenan lah. Atau bagi Cik tu konsep Ottu Kadai tu sebab saya pon tak sure tu Ottu Kadai ka dak.
PENGKAIJI	Takdak masalah.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

PUAN ELIZABETH CARDOSAN
JABATAN WARISAN MALAYSIA (JWN)
BAHAGIAN DAFTAR WARISAN
18 DISEMBER 2023

PENGKAJI / INFORMAN	PERBUALAN
PENGKAJI	Pengenalan diri-nama, jawatan, pekerjaan, bidang yang terlibat dan lain-lain yang berkaitan. Pengenalan organisasi atau pertubuhan.
INFORMAN 8	Puan Elizabeth Cardosa. Bahagian Daftar Warisan. Jabatan Warisan Negara ditubuhkan pada 1 Mac 2006, dan bertanggungjawab untuk memulihara, memelihara, melindungi dan mempromosikan kekayaan khazanah warisan Malaysia. Jabatan ini mempunyai peranan seperti yang termaktub dalam Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645). Maka berdasarkan Akta tersebut, Jabatan melaksanakan penyelidikan, arkeologi, konservasi bangunan dan monumen, pewartaan dan penguatkuasaan, warisan tidak ketara dan warisan semulajadi. Fungsi utama Jabatan Warisan Negara adalah menguatkauasa peruntukan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005, memelihara dan mulihara warisan negara, mendaftar warisa negara ke dalam Daftar Warisan Kebangsaan, menjalankan penyelidikan dan pembangunan berkaitan warisan, mendokumentasikan hasil kajian serta bahan-bahan rujukan berkata dan menerbitkannya, merancang, melaksanakan dan menyelesa aktiviti berkaitan warisan, menyelesa percalonan dan pengiktirafan warisan negara ke peringkat dunia dan memantau Tapak Warisan Dunia di Malaysia.
PENGKAJI	Apakah yang dimaksudkan dengan objek warisan ketara menurut organisasi atau pertubuhan atau institusi dan lain-lain?
INFORMAN 8	Akta Warisan Kebangsaan 2005 [Akta 645] adalah rujukan utama Jabatan Warisan Negara dalam mentafsir, mewarta, menguatkuaskan butiran warisan. Sesyen 2, Akta 645 tafsirkan objek termasuklah mana-mana benda purba boleh alih, warisan kebudayaan ketara, warisan kebudayaan tidak ketara dan objek bersejarah tetapi tidak termasuk harta karun. Objek bersejarah adalah apa-apa artifak atau objek lain yang padanya terdapat kepentingan keagamaan, tradisional, artistik atau bersejarah dan termasuklah (a) bahan etnografi seperti alat rumah tangga atau pertanian, benda perhiasan atau perhiasan diri; (b) kerja seni seperti ukiran, pembuatan arca, lukisan, seni bina, tekstil, alat muzik, senjata dan apa-apa kerja tangan lain; (c) manuskrip, syiling, wang kertas, pingat, lencana, lambang

	kebesaran, jata, panji-panji, senjata atau perisai; atau (d) kenderaan, kapal dan bot, yang sebahagian atau keseluruhannya yang pengeluarannya telah dihentikan Warisan kebudayaan ketara ditakrifkan termasuklah kawasan, monumen dan bangunan.
PENGKAJI	Bagaimana objek warisan ketara boleh menjadi sebahagian daripada identiti masyarakat tersebut?
INFORMAN 8	<p>Seksyen 67, Akta Warisan Kebangsaan 2005 [Akta 645] menjelaskan: Pengisytiharan Warisan Kebangsaan.</p> <p>67. (1) Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam Warta, mengisytiharkan mana-mana tapak warisan, objek warisan, warisan kebudayaan di bawah air yang disenaraikan dalam Daftar atau mana-mana orang yang hidup sebagai suatu Warisan Kebangsaan.</p> <p>(2) Dalam membuat pengistiharan di bawah subseksyen (1) Menteri boleh menimbangkan-</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) kepentingan sejarah, hubungan dengan atau perhubungan dengan sejarah Malaysia (b) ciri-ciri reka bentuk atau estetik (c) pembaharuan atau pencapaian saintifik atau teknikal (d) hubungan sosial ayau kebudayaan (e) potensi untuk mendidik, menjelaskan atau menyediakan penyiasatan saintifik lenjut berhubung dengan warisan kebudayaan Malaysia (f) kepentingan dalam mempamerkan kekayaan, kepelbagaiannya atau integrasi bentuk yang luar biasa (g) jarang tidaknya atau keunikannya semula jadi, warisan budaya ketara atau tidak ketara atau warisan kebudayaan di bawah air (h) gambaran bentuk suatu tapak atau objek sebagai sebahagian daripada kelas atau jenis suatu tapak atau objek; dan (i) apa-apa perkara lain yang berkaitan dengan penentuan warisan kebudayaan yang penting
PENGKAJI	Apakah usaha dalam melestarikan objek warisan ketara?
INFORMAN 8	Pewartaan iaitu proses mewartakan butiran sebagai warisan, pendidikan, aktiviti pengembangan, pengiktirafan dalam dan luar negara, mengenalpasti pakar/WAKOH.
PENGKAJI	Apakah peranan pihak berkepentingan dalam memastikan pelestarian objek warisan ketara yang dalam bahaya atau hampir pupus?
INFORMAN 8	Pewartaan iaitu proses mewartakan butiran sebagai warisan, pendidikan, aktiviti pengembangan, pengiktirafan dalam dan luar negara, mengenalpasti pakar/WAKOH
PENGKAJI	Apakah dan bagaimanakah tindakan undang-undang yang sedia ada berkaitan warisan digunakan dalam memelihara dan memulihara objek warisan ketara?
INFORMAN 8	Rujuk Akta Warisan Kebangsaan 2005 [Akta 645] Bahagian VIII Objek Warisan menjelaskan: Pemuliharaan

	<p>objek warisan. 59. (1) Pemunya atau penjaga objek warisan hendaklah menyimpan harta warisan itu dalam keadaan yang baik dan di tempat yang selamat.</p> <p>(2) Pemunya atau penjaga objek warisan hendaklah melaporkan dengan serta-merta kepada Pesuruhjaya mengenai apa-apa kehilangan atau kerosakan kepada objek warisan itu atau mana-mana bahagiannya apabila diketahui kehilangan atau kerosakan itu.</p> <p>(3) Mana-mana orang yang tidak mematuhi subseksyen (1) atau (2) mekakukan suatu kesalahan.</p>
PENGKAJI	Bagaimana isu atau masalah demikian boleh terjadi?
INFORMAN 8	Rujuk Akta Warisan Kebangsaan 2005 [Akta 645] Bahagian VIII Objek Warisan.
PENGKAJI	Apakah tindakan susulan pantas yang boleh diambil terhadap permasalahan yang berlaku kepada objek warisan berkenaan?
INFORMAN 8	Rujuk Akta Warisan Kebangsaan 2005 [Akta 645] Bahagian VIII Objek Warisan menjelaskan: Permohonan bagi pendaftaran objek warisan 50. (1) Mana-mana orang boleh memohon bagi sesuatu objek didaftarkan sebagai objek warisan. (2) Suatu permohonan bagi pendaftaran hendaklah dibuat mengikut apa-apa bentuk dan disertakan dengan apa-apa dokumen atau maklumat sebagaimana yang ditetapkan. (3) Pesuruhjaya boleh pada bila-bila masa selepas menerima permohonan di bawah subseksyen (1) dan sebelum permohonan itu ditentukan, melalui suatu notis bertulis menghendaki pemohon untuk memberikan apa-apa dokumen atau maklumat tambahan sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Pesuruhjaya. (4) Jika mana-mana dokumen atau maklumat tambahan yang dikehendaki di bawah subseksyen (3) tidak diberikan oleh pemohon dalam masa yang dinyatakan dalam notis itu atau apa-apa pelanjutannya yang diberikan oleh Pesuruhjaya, permohonan itu hendaklah disifatkan telah ditarik balik dan tidak boleh diteruskan selanjutnya, tetapi tanpa menjelaskan permohonan yang baru dibuat oleh pemohon. (5) Suatu permohonan di bawah seksyen ini boleh ditarik balik pada bila-bila masa sebelum permohonan itu diluluskan atau ditolak. Kelulusan atau penolakan permohonan bagi pendaftaran 51. (1) Jika Pesuruhjaya berpuas hati bahawa suatu objek mempunyai warisan kebudayaan yang penting, dia hendaklah mendaftarkan objek itu sebagai suatu objek warisan dalam Daftar dan memberi pemohon suatu notis bertulis mengenai keputusan Pesuruhjaya di bawah seksyen ini. (2) Jika permohonan itu melibatkan suatu objek yang melekat pada mana-mana tanah beri hakmilik, persetujuan Pihak Berkuasa Negeri hendaklah diperoleh sebelum permohonan itu diluluskan. (3) Jika permohonan itu melibatkan warisan kebudayaan tidak ketara yang

	dalamnya hak cipta wujud, keizinan pemunya hak cipta hendaklah diperoleh sebelum permohonan itu diluluskan. (4) Suatu permohonan bagi pendaftaran yang diluluskan di bawah seksyen ini boleh tertakluk kepada apa-apa syarat yang dikenakan oleh Pesuruhjaya. (5) Dengan seberapa segera yang mungkin selepas kelulusan dalam subseksyen (4), Pesuruhjaya hendaklah menyebabkan disiarkan dalam Warta suatu notis bahawa objek itu telah didaftarkan sebagai suatu objek warisan dan mengenai apa-apa perkara lain yang membentuk atau yang berhubungan dengan objek warisan itu yang pada pendapatnya wajar disiarkan. (6) Jika Pesuruhjaya menolak permohonan itu, dia hendaklah dengan serta-merta memberitahu pemohon secara bertulis mengenai penolakan itu dengan atau tanpa memberikan apa-apa sebab bagi penolakan itu. Perakuan pendaftaran 52. (1) Apabila sesuatu objek didaftarkan di bawah seksyen 51 Pesuruhjaya hendaklah mengeluarkan suatu perakuan pendaftaran kepada pemunya. (2) Apabila objek warisan terhenti didaftarkan sebagai suatu objek warisan, pemunya objek itu mesti menyerahkan perakuan pendaftaran kepada Pesuruhjaya dalam masa tiga bulan dari tarikh pemberhentian itu.
PENGKAJI	Apakah bentuk kerjasama yang dilakukan dengan pihak berkepentingan lain dalam memastikan pelestarian@pengekalan objek warisan yang dapat menyumbang manfaat kepada masyarakat dan negara?
INFORMAN 8	MoU bersama IPTA, Jabatan Kastam, Jabatan Polis Diraja Malaysia, Perpustakaan Negara Malaysia, Jabatan Arkib Negara, Jabatan Muzium Malaysia, Balai Seni Visual, media massa.
PENGKAJI	Visi dan mis.

UNIVERSITI
 MALAYSIA
 KELANTAN

INFORMAN 8	<p>Misi: Meneroka, memulihara dan memelihara warisan negara ke arah pembangunannya yang mampan sehingga terselar di persada dunia. Visi: Peneraju dalam penerokaan dan pengekalan khazanah warisan ke arah pembentukan teras jati diri bangsa dan penjanaan ekonomi negara.</p> <p>Objektif: Memulihara, memelihara dan melindungi warisan kebudayaan dan warisan semulajdi melalui penyelidikan, pendokumentasian, penguatkuasaan dan mengalakkan kesedaran terhadap warisan menerusi :-</p> <p>Memperluaskan portfolio butiran warisan yang dipelihara untuk disenaraikan dalam Buku Daftar Warisan Kebangsaan dan mengembangkan pengetahuan sedia ada dan baru melalui penyelidikan arkeologi, konservasi dan Warisan Tidak Ketara. Berkongsi pengetahuan mengenai perkembangan warisan Malaysia melalui pendidikan, untuk menggalakkan budaya penyelidikan dan analisis, serta bersama-sama meneroka Khazanah Warisan Negara serta meningkatkan kepakaran dalam pelbagai bidang warisan dan menepati piawaian antarabangsa. Berusaha mengangkat Warisan Negara sehingga mendapatkan pengiktirafan dunia</p>
------------	---

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

LAMPIRAN

Sumber: Kajian Lapangan, 2023



Sumber: Kajian Lapangan, 2023

MALAYSIA

KELANTAN



Sumber: Kajian Lapangan, 2023

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN



Sumber: Kajian Lapangan, 2023




Sumber: Kajian Lapangan, 2023



Sumber: Kajian Lapangan, 2023


MALAYSIA

KELANTAN



Sumber: Kajian Lapangan, 2023

KELANTAN



Sumber: Majlis Bandaraya Pulau Pinang, 2023

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN



Sumber: Kajian Lapangan, 2023

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN



Sumber: Kajian Lapangan, 2023

UNIVERSITI
—
MALAYSIA
—
KELANTAN



Sumber: Kajian Lapangan, 2023


KELANTAN




Sumber: Kajian Lapangan, 2023



Sumber: Kajian Lapangan, 2023



Sumber: Kajian Lapangan, 2023



**UNDANG-UNDANG
MALAYSIA**

CETAKAN SEMULA

Akta 171

**AKTA KERAJAAN TEMPATAN
1976**

Mengandungi segala pindaan hingga 1 Januari 2006

MALAYSIA

TERBITKAN OLEH
PERSURUJAHAYA PENYEMAK UNDANG-UNDANG MALAYSIA
BERAWASAN AKTA PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG 1986
SECARA USAHA SAMA DENGAN
PERCUTAKAN NASIONAL MALAYSIA BHD

KELANTAN

APPENDIX B

SURAT KAJIAN LAPANGAN



UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

16300 Bachok, Kelantan, Malaysia.

www.umik.edu.my

Tel : 09-7797000/7540

FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN

Faculty of Creative Technology and Heritage

Ruj. Kami (Our Ref.) : UMK.A02.600-4/7/2 JLD.21 (30)

Tarikh (Date) : 06 OGOS 2023

KEPADA YANG BERKENAAN

Tuan,

MEMOHON KEBENARAN UNTUK MENJALANKAN KAJIAN LAPANGAN/ TEMURAMAH BAGI KURSUS PROJEK PENYELIDIKAN II (CFT4134)

Dengan hormatnya saya menunjuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa pelajar di bawah adalah merupakan pelajar dari Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan yang akan menjalankan kajian/ temuramah di organisasi tuan bagi memenuhi keperluan kursus Projek Penyelidikan II (CFT4134) . Nama pelajar adalah seperti butiran berikut:

Bil.	Nama Pelajar	No Matrik	No. KIP	Program
1.	Nurul Sahira Binti Hamzah	C20A1367	000713-07-0536	Ijazah Sarjana Muda Pengajaran Warisan dengan Kepujian

3. Sukacita sekiranya pelajar ini mendapat kerjasama daripada tuan. Segala kerjasama tuan dalam hal ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


PROF/MADYA DR. AHMAD AZAINI BIN ABDUL MANAF
 Timbalan Dekan (Akademik)

ENTREPRENEURSHIP IS OUR THRUST



BUKTI DOKUMEN LAPANGAN

Nurul Sahira <c20a1367@siswa.umk.edu.my> to info Fri, Sep 29, 2023, 2:20 PM

Hi, I'm Sahira, a senior student Warisan Budaya at Universiti Malaysia Kelantan. The purpose of my contacting this party is to have an interview with you. The interview will be used as a data source thesis for the Bachelor's Degree in Heritage Studies. The criteria to be discussed are about:

- Preservation of tangible heritage at world heritage sites
- The role of stakeholders in ensuring the preservation of tangible heritage that is in danger / endangered status
- Acts or laws applied in preserving and conserving tangible heritage
- The tangible heritage of the Indian community, especially in Little Indian, Georgetown
- Issues and problems of extinction of significant heritage for the Indian community there
- Remedial measures, efforts or quick follow-up actions that will be taken if the tangible heritage has a status in danger
- The organization's vision and mission for the next 5-10 years in ensuring that this world heritage site continues to make a beneficial contribution to the community and the country

Parties who have expertise, skills and knowledge will be interviewed to answer the objectives of my research study. Interviews are expected to be conducted using Malay to facilitate the publication of this thesis.

I greatly appreciate your cooperation.

Kindly respond if there is any questions can contact:
Phone number: 0174979303 (Sahira)

Universiti Malaysia KELANTAN

PERMOHONAN SESI TEMUBUAL BAGI PROJEK PENYELIDIKAN

Jabatan Warisan, Majlis Bandaraya Pulau Pinang <warisan@mbpp.gov.my>
To: Nurul Sahira <c20a1367@siswa.umk.edu.my>
Cc: "belinda.mbpp@gmail.com" <belinda.mbpp@gmail.com>

Thu, Nov 30, 2023 at 10:09 AM

Salam Sejahtera Cik Nurul Sahira.

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

- Dimaklumkan bahawa jabatan kami telah menerima emel dan bert erima kasih bagi menyertakan soalan temubual dan surat bukti lampiran kebenaran daripada pihak universiti untuk menjalankan kajian lapangan di George Town, Pulau Pinang.
- Pihak kami telah menghubungi bahagian/ jabatan universiti anda untuk mendapatkan maklumat lanjut tetapi tidak berjaya. Untuk meneruskan dengan jadual temuanji, bolehkah anda memberi maklumat tambahan seperti nombor telefon, tarikh dan masa yang dicadangkan untuk temu janji tersebut.
- Sila hubungi saya, Cik Belinda di atas talian 04-287 9005 @ 016-331 5848 untuk sebarang pertanyaan. Kerjasama daripada pihak cik/puan amat saya hargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

NOOR HASIBAH BT MOHD NOOR AFANDI (JWN) <noorhasibah@heritage.gov.my> to NORIAH, c20a0981, me, NORAINI, Warta Fri, Dec 15, 2023, 4:30 PM

Assalomualaikum dan Salam Sejahtera.

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

Untuk makluman puas, satu sesi temubual bersama pelajar UMK akan diadakan pada :

Tarikh : 18 Disember 2023 (Isrin)
Platform online google meet
<https://meet.google.com/cfv-ipwe-lpu>

Masa : 9.00 pagi hingga 11.00 pagi

Sekian.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"KENALI, SAYANGI DAN LESTARI WARISAN KITA"

Saya yang mengundang amanah

SENARAI TEMA